



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 09 APRIL 2015 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Baharudin bin Ramli

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor pada hari yang kesembilan 9 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Soalan yang seterusnya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK: JKM

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan tahunan kerajaan negeri untuk Tabung Bantuan Am JKM?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk tabung ini?
- c) Berapakah jumlah kadar bantuan untuk setiap penerima?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Dengkil. Tuan Speaker, perkhidmatan Tabung Bantuan Am daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bantuan di bawah skim bantuan negeri yang diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah skim bantuan persekutuan yang lain. Berikut adalah bantuan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dari tahun 2011 hingga 2015. 2011 RM14,722,213.00. 2012 RM16,783,937.00. 2013 RM18,262,515.00. 2014 RM14,269,551.85. 2015, RM15,494,000.00. Untuk B, mulai Januari 2014 tiada peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk skim bantuan am. Walaupun demikian kerajaan negeri bercadang melalui Jabatan Kebajikan Negeri Selangor sedang meneliti kadar baru

skim bantuan am pada masa sekarang kerajaan negeri sedang mengkaji berapakah kadar paras garis kemiskinan di Selangor. Paras garis kemiskinan peringkat nasional bagi tahun 2012 bagi semenanjung Malaysia telah ditetapkan untuk kategori miskin sejumlah RM830.00 seisi rumah. Manakala miskin tegar adalah berjumlah RM520.00 seisi rumah. Sebagai negeri maju Negeri Selangor tidak boleh menggunakan PGK nasional dengan itu pada tahun 2009 kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Negeri telah bersetuju dan memutuskan supaya paras garis kemiskinan negeri Selangor dinaikkan ke paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM1500.00 namun begitu tiada satu asas atau justifikasi secara terperinci yang dibuat bagi kenaikan PGK ini. C, kadar skim bantuan kerajaan negeri. Kadar bantuan yang diberikan di bawah skim peruntukan negeri adalah seperti berikut. Bantuan Am RM100/RM150/RM175. Ia diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah skim bantuan persekutuan yang lain. Kedua, bantuan latihan belia RM250 diberikan kepada anak-anak penerima bantuan bulanan Jabatan, bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak. Yang ketiga adalah bantuan pemulihan bencana. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO atas penjelasan tadi. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Seperti mana Yang Berhormat EXCO sedia maklum bantuan daripada kerajaan persekutuan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ini melebihi RM100 juta dalam setahun ia meliputi elaun kerja cacat, bantuan sekolah, bantuan orang tua, bantuan kanak-kanak, bantuan anak pelihara dan lain-lain lagi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat memandangkan pakej rangsangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara ini yang membantu sedikit sebanyak lebih kurang 33% tabung bantuan am ini telah ditamatkan setelah ia memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor pada tahun 2001 sehingga 2013 hampir 13 tahun adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah tabung bantuan ini di mana yang telah dilakukan oleh kerajaan persekutuan dengan menambah *top up* 33% ini memandangkan *reserve* kerajaan negeri yang meningkat dan juga hasil pendapatan negeri yang bertambah adakah ia dalam perancangan untuk menambah tabung bantuan am ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Dengkil. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan negeri sedang dan sedang menimbang dan kita sedang menunggu hasil keputusan kajian daripada IKRAM yang sedang dilaksanakan ketika ini bagi kita mengenal pasti berapakah kadar garis kemiskinan untuk rakyat negeri Selangor dan berapakah ramai penerima ataupun orang-orang yang layak mendapatkan bantuan ini jadi setelah kita menerima kajian tersebut mendapatkan hasil keputusan daripada kajian tersebut kita akan mengkaji semula kadar bantuan am untuk negeri Selangor. Kita maklum mulai 2001 sehingga 2013

Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah meluluskan pakej rangsangan baru ekonomi negara dengan peruntukan RM100 juta seperti yang disebut oleh Dengkil tadi dan menaikkan kadar bantuan am negeri iaitu sebanyak 33.3% tetapi ini telah pun ditamatkan pada Januari 2014.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. Saya ingin juga bertanya lanjutan daripada yang ditanyakan oleh Dengkil tadi. Kita tahu bahawa 9 daripada jenis bantuan adalah daripada pihak persekutuan. Masalah sekarang bantuan itu memang amat diperlukan oleh rakyat negeri Selangor tetapi ramai yang tidak dapat menerima disebabkan paras garis kemiskinan yang diletakkan jauh berbeza dengan yang kerajaan Selangor letakkan. Jadi sementara menunggu kajian apakah paras kemiskinan yang sewajarnya. Saya mengharapkan RM1500.00 menjadi paras yang ditentukan. Jadi soalan saya apakah ada usaha selain bantuan am dan selain bantuan latihan perantis yang diberitahu itu untuk kerajaan memberikan tambahan peruntukan daripada apa yang diperolehi oleh penerima untuk bantuan 9 yang lain.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih Batu Tiga. Buat masa kini kerajaan negeri belum lagi bercadang ataupun memperuntukkan untuk bantuan yang disebutkan oleh Batu Tiga kerana peruntukan daripada kerajaan persekutuan telah pun sedia ada untuk kesembilan-sembilan jenis bantuan yang disediakan iaitu sejumlah RM101,855,560. Jadi kita mengguna pakai peruntukan yang disediakan dan kita mengharapkan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meneliti dengan lebih baik lagi dengan para orang-orang yang sepatutnya mendapatkan bantuan tersebut.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Sikit lagi Tuan Speaker. Maksud saya tadi mereka ini yang pendapatan di antara RM720.00 hingga RM1500,00 ni mereka tidak layak menerima bantuan 9 ini. Jadi kita mengharapkan supaya ada usaha supaya membolehkan mereka juga boleh layak dengan membuatkan satu dasar baru supaya bantuan yang 9 ini juga dapat menerima bantuan yang peruntukan itu datang dari kerajaan negeri Selangor jadi saya mohon supaya kemungkinan kadar ini dipertimbangkan kalau tak ada ia dibuatkan salah satu usaha daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Ia memerlukan satu dasar baru untuk kita melaksanakan perkara tersebut jadi saya akan meneliti bersama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 101 telah dijawab bersekali dengan soalan 17. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK: PENGURUSAN BEKALAN AIR DI SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan sedar bekalan air di Selangor sering terganggu oleh kerja-kerja paip pecah, membaiki jalan atau oleh pencemaran ammonia?
- b) Jika ya, apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang kerajaan?
- c) Apakah status terkini usaha pengawalan ke atas syarikat-syarikat air?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker dan terima kasih kepada Dusun Tua yang bertanya. Memang kerajaan negeri sedang akan berlakunya gangguan bekalan air dan gangguan ini adalah gangguan yang tidak berjadual dan gangguan ini disebabkan beberapa perkara seperti paip pecah, pembaikan jalan, henti tugas loji rawatan air, gangguan bekalan elektrik dan juga tidak kurang juga disebabkan pencemaran sumber air mentah. Maka di antara usaha-usaha kerajaan negeri yang melibatkan jangka pendek dan jangka panjang antaranya yang pertama yang banyak kita bahaskan dalam dewan yang mulia ini untuk kita muktamadkan segera penstrukturan industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Yang keduanya kerajaan negeri juga melaksanakan projek mitigasi 2 yang mana projek mitigasi 2 ini sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor untuk menambah baik sistem agihan sedia ada dan usaha ini mengagihkan kapasiti pengeluaran oleh loji rawatan air kepada pengguna dan projek mitigasi 2 ini dijadualkan siap sepenuhnya pada September 2015. Dan yang ketiganya dari sudut penurunan kadar NRW yang kita ketahui bahawa NRW Selangor gagal diturunkan kepada sasaran iaitu sekitar 20% yang sepatutnya disasarkan pada 2012 setelah berbelanja kira-kira RM1 bilion. Jadi kegagalan ini dengan sendiri menafikan potensi Selangor untuk mendapatkantanambahan air bersih sebanyak lebih 600mld dan ia mampu memberi keperluan selepas tahun 2020 pada hakikatnya. Jadi SPAN menasaskan NRW nasional pada tahap 25% pada tahun 2020 Selangor merupakan penyumbang terbesar tahap NRW nasional perlulah berada pada tahap minimum 25% dalam masa 5 tahun. Ini bermakna Selangor perlu menurunkan NRW pada kadar sekurang-kurangnya 2% setahun. Justeru itu kerajaan negeri Selangor telah menasaskan penurunan NRW yang perlu dicapai adalah sebanyak 2% setahun selaras dengan sasaran yang dibuat oleh SPAN itu sendiri. Walau bagaimanapun

kita mengharapkan agar impian kita tercapai selepas kita muktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Yang keempatnya meningkatkan penguatkuasaan bagi mengatasi pencemaran sumber air mentah yang saya kira telah pun juga kita banyak bicarakan dalam dewan ini dan juga telah pun menjawab beberapa soalan daripada Ahli Dewan sekalian. Dan kerajaan negeri juga akan terus melaksanakan tindakan untuk memastikan kesinambungan bekalan air serta kesediaan sumber air di empangan cukup seperti mana antara yang dilakukan adalah meneruskan operasi pembenihan awan (*cloud seeding*) untuk membolehkan hujan turun di kawasan tadahan dan lembangan sungai. Menguruskan operasi pengepaman air dari kolam takungan Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air tersebut. Dan mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada dan juga mengadakan kerjasama erat di antara agensi kerajaan negeri bersama Jabatan Alam Sekitar bagi memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air begitu juga penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Kalau kita ikut kadar penggunaan air di Negeri Selangor, ia masih berada di tahap yang tinggi berbanding dengan negeri lain dan juga berbanding dengan negara lain. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu program penjimatan penggunaan air.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Kampung Tunku. Memang benar kalau kita lihat dari sudut statistik yang kita dapat Selangor di antara pengguna berkapita perhari yang sangat tinggi lebih kurang 235 liter berbanding dengan negeri-negeri lain kalau Kelantan hanya 140 liter sahaja berkapita *perday*. Jadi saya sama dengan pandangan dan juga saranan daripada Kampung Tunku kita mempergiatkan kempen-kempen penjimatan air dan peringkat kerajaan Negeri Selangor dalam peringkat awal untuk kita berbincang khususnya dengan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam pengagihan air ini supaya sama-sama kita membuat satu kempen besar-besaran untuk kita melakukan kempen penjimatan air.

TUAN SPEAKER: Seterusnya Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 103.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : AHLI MAJLIS WANITA

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah dalam peratusan Ahli Majlis Wanita di setiap PBT yang telah dilantik 2014 – 2015?
- b) Apakah kerajaan mempunyai dasar 30% Ahli Majlis Wanita di setiap PBT?
- c) Nyatakan bila dan bagaimana kerajaan memastikan Dasar 30% ini dapat mesti dilaksanakan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Tuan Speaker, terima kasih. Keseluruhan Ahli Majlis Wanita adalah seramai 58 orang di mana ianya di wakili 21.47% daripada keseluruhan Ahli Majlis yang telah dilantik sehingga 17 Februari 2015. Kerajaan negeri telah menetapkan dasar minimum 30% daripada keseluruhan Ahli Majlis yang dilantik di kalangan wanita. Ia telah pun dilaksanakan pada tahun 2013, walau bagaimanapun bilangan Ahli Majlis di kalangan wanita adalah bergantung kepada pencalonan yang dikemukakan oleh Parti Komponen Pakatan Rakyat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan saya yang No. C yang C yang tidak dijawab. Bila dan bagaimanakah kerajaan negeri memastikan Dasar ini dapat dilengkapi.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya tidak dapat jawab bahawa pencalonan ini adalah daripada Parti Komponen Pakatan Rakyat tapi apa yang kerajaan boleh buat adalah kita terus berkomunikasi dan juga menasihatkan kepada wakil daripada Komponen Parti supaya dasar ini dapat di capai dengan secepat mungkin.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:Soalan tambahan saya ingin bertanya apakah kita biarkan atau pun kita mengizinkan, menerima penama itu sahaja atau pun ada satu dasar bahawa nama itu tidak dipenuhi oleh Ahli Majlis Wanita, ia dikosongkan supaya sehingga nama-nama Ahli Majlis Wanita dapat diisi.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih Batu Tiga. Pada masa ini kerajaan negeri masih tidak ada cara seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat supaya kita kosongkan tempat-tempat yang akan dipenuhi oleh kalangan wanita tetapi cara yang kita lakukan sekarang seperti apa yang saya maklumkan tadi

adalah kita terus berkomunikasi dengan Komponen Parti supaya dalam sesi yang seterusnya pelantikan yang baru supaya dapat dipenuhi seperti apa yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan lagi, bilakah agaknya dasar ini dapat dipenuhi sebab setahu kita sebagai Wakil Rakyat, mana-mana dasar yang diletakkan ianya perlunya ada sasaran untuk dilaksanakan. Jadi bilakah ianya akan dilaksanakan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Itu terpulang kepada Komponen Parti Pakatan Rakyatlah. Itu dasar sudah ada, jadi saya harap Yang Berhormat juga boleh berkomunikasi dengan Parti sendiri untuk memenuhi dasar kerajaan negeri.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA MASJID

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah ada perubahan dalam syarat pelantikan ahli jawatankuasa masjid di Negeri Selangor pada tahun 2015?
- b) Berapakah jumlah ahli jawatankuasa masjid yang dilantik pada tahun 2015 mengikut daerah?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Puan Speaker. Sungai Air Tawar bertanyakan berkaitan dengan pelantikan Ahli Jawatankuasa Masjid. Kaedah lama masih dikekalkan dalam pemilihan dan pelantikan ahli jawatankuasa masjid di Negeri Selangor. Namun terdapat beberapa pindahan dalam kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Masjid Kariah Negeri Selangor (Pindaan) 2011 yang akan membenarkan MAIS bagi melantik Imam sebagai Pengurus dan Penolong Pengurus di beberapa buah masjid tertentu seperti di masjid-masjid yang baru dibina dan di beberapa buah masjid yang menghadapi masalah pengurusan yang mana pernah saya sebutkan di dalam penggulangan saya tempoh hari.

Jumlah ahli jawatankuasa masjid yang dilantik keseluruhannya adalah 8,568 dan mengikut pecahannya Petaling dengan bilangan 82 buah masjid, sejumlah 1722 orang, Hulu Langat 50 buah masjid, 1050 orang, Gombak 43 buah masjid, 903 orang, Sepang 25 masjid, 525 orang, Kuala Selangor 58 buah masjid, 1218 orang, Kuala Langat 33 buah masjid, 693 orang, Sabak Bernam 47 buah masjid, 987 orang, Hulu Selangor 24 masjid, 504 orang AJK dan Klang 46 buah masjid, 966 orang AJK masjid, terima kasih.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Selalunya selepas pengundian pemilihan pegawai-pegawai AJK masjid, kadangkala berlaku perubahan di mana nama mereka yang telah dipilih semasa pengundian hilang manakala diganti dengan orang nama lain. Soalan saya, mengapa perkara ini berlaku dan siapakah agensi akhir yang memutuskan pemilihan tersebut sama ada JKKK, PAID atau pun JAIS, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Air Tawar, biasanya daripada pencalonan, calon-calon yang telah dibuat pemilihan di dalam jawatankuasa didalam mesyuarat agung masjid itu akan dibawa kepada Pejabat Agama Islam Daerah yang mana akan ada perbincangan yang diwakili oleh Pegawai Tadbir Agama Islam sendiri, Orang Besar Daerah, Penghulu dan juga Adun-Adun tempatan dan untuk mendapatkan keputusan siapakah yang dilihat lebih mirip untuk menjawat sebagai nazir atau pun pengerusi masjid, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Terima kasih Tuan Speaker, bagi mereka yang telah ditolak pencalonannya oleh ahli kariah tetapi telah ditolak, apakah sebagai langkah untuk memberikan orang kata sebagai penjelasan yang lebih telus kepada ahli-ahli kariah terutamanya adakah penjelasan-penjelasan penolakan ini boleh dimaklumkan. Ini adalah memandangkan kerana ahli-ahli yang sebenarnya yang dipilih, yang dicalonkan itu dia mereka ini sebenarnya orang-orang yang telah lama, orang-orang yang sentiasa terlibat aktif dalam masjid seperti imam, memang dialah selalu tetapi bila dia dicalonkan kemudian itu dia telah ditolak. Jadi ini telah menimbulkan terasa tidak puas hati bukan di kalangan mereka yang tidak dapat tapi ada ahli kariah itu sendiri, jadi perlu penjelasan daripada pihak berwajib menerangkan mengapa calon berkenaan itu terpaksa ditolak.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Burong saya kira itu bukan satu perkara yang besar sifatnya kerana saya lihat dan ini boleh dibuat sebagainya mungkin tidaklah perlu terlalu *detail* mengapa mereka ini ditolak kerana

saya lihat sebahagian besar daripada calon-calon yang dipertimbangkan untuk menjawat sebagai nazir masa itu, kebanyakan memiliki kelayakan-kelayakan yang setanding dengan calon-calon yang lain. Sebab itu saya kira di bawah kebijaksanaan pengurusan pejabat Pegawai Tadbir Agama di peringkat daerah dan ahli jawatankuasa yang memilih itu, calon yang dipilih itu adalah calon yang terbaik, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan No. 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL OLEH PBT

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan PBT-PBT yang mempunyai laman sosial *Facebook* dan *Twitter*.
- b) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan laman sosial tersebut dalam penyebaran maklumat awam?
- c) Nyatakan perbelanjaan yang terlibat dalam pengurusan laman sosial tersebut?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Kinrara. Kesemua PBT-PBT di Selangor mempunyai akaun laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* semua ada. Penggunaan laman sosial sangat berkesan bagi sebagai saluran alternatif bagi tujuan hebahan umum tentang perkembangan aktiviti semasa yang diadakan oleh PBT dan agensi kerajaan. Media ini dilihat lebih berkesan dan memudahkan orang awam untuk memberi maklum balas secara terus kepada pihak PBT dan sebaliknya. Selain itu, laman sosial juga merupakan saluran alternatif untuk masyarakat menyampaikan aduan dengan segera untuk PBT mengambil tindakan terhadap aduan tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri berpendapat bahawa PBT perlu lebih aktif lagi dalam penggunaan laman sosial ini. Tiada kos kerana buat masa ini PBT-PBT memanfaatkan sepenuhnya kemudahan laman sosial yang ditawarkan percuma kepada umum. PBT juga tidak mengeluarkan apa-apa kos sampingan kepada pihak pengurusan laman sosial tersebut dan sebarang promosi atau hebahan yang berbentuk teks mahupun *info* grafik dibuat menggunakan khidmat *in house*.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tuan Speaker soalan No. 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK: PEMBINAAN JAMBATAN MENGHUBUNGAN BANDAR BARU
SUNGAI BULOH FASA 3 DENGAN KAMPUNG BARU SUNGAI BULOH**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah terdapat perancangan untuk membina jambatan tersebut?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker dan terima kasih kepada Paya Jaras yang bertanya berkenaan dengan pembinaan jambatan menghubungkan Bandar Baru Sungai Buloh Fasa 3 dengan Kampung Baru Sungai Buloh, sehingga ke saat ini tiada lagi sebarang perancangan sebenarnya untuk membina jambatan tersebut.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan tambahan, apakah 3 syarat yang diperlukan untuk membina jambatan ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih pada Paya Jaras. Saya tidak pasti dengan 3 syarat itu, apa yang dimaksudkan dengan 3 syarat tetapi sebenarnya di peringkat JKR telah pun turun dan melakukan siasatan awal tapi tidak ada lagi sebarang perancangan yang dibuatlah untuk pembinaan jambatan ini.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik tidak hadir. Semenyih tidak hadir, Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Seberapa segerakah kerajaan dapat mengambil tindakan pembaikan kerosakan longkang monsun atau tebing sungai atau longkang?
- b) Seberapa segerakah kerajaan dapat mengambil tindakan berkenaan masalah banjir kilat?

TUAN SPEAKER: Pihak kerajaan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Tuan Speaker, terima kasih kepada Teratai yang bertanya. Umumnya akaun amanah cerun parit telah disediakan oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembaikan ke atas kerosakan longkang monsun atau tebing sungai. Pada dasarnya kerja-kerja pembaikan menjadi tanggungjawab pihak pemaju sekiranya longkang monsun tersebut masih belum diserahkan kepada pihak kerajaan. Secara umumnya kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan mengambil tindakan segera ke atas kerosakan longkang atau tebing sungai bergantung pada keadaan kerosakan yang berlaku di tapak bina serta kaedah baik pulih mengikut kesesuaian bagi pemulihan kekal tebing sungai tersebut. Secara khususnya sebarang pengeluaran dokumen bagi kerja-kerja pembaikan perlu melalui beberapa prosedur kerja seperti pengiklanan, sebut harga, tender, penilaian sebut harga dan tender sebagainya. Tempoh bagi prosedur kerja sama ada melalui perolehan sebut harga atau tender adalah seperti berikut. Sebut harga mengambil tempoh dari 2 minggu hingga 4 minggu dan tender mengambil masa dari satu bulan hingga 3 bulan. Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan Pelan Induk Saliran Bandar dan projek-projek Kawalan Banjir Kilat dalam RMK-11 contohnya untuk bandar Klang, bandar Subang Jaya, bandar Kajang. Namun pada masa ini kerajaan negeri masih belum menerima sebarang kelulusan peruntukan. Kerajaan negeri juga pada masa yang sama menyalurkan peruntukan untuk pelaksanaan Pelan Induk Saliran Bandar Rawang dan Selayang serta projek-projek Mitigasi Banjir pada tahun 2015.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai dulu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO tadi kata telah menyatakan beberapa kawasan tapi Teratai tidak dengar dengan berkenaan di kawasan daerah Hulu Langat atau secara spesifiknya di kawasan Pandan. Jadi adakah kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk memasukkan sebarang perancangan untuk menyelesaikan masalah di kawasan Teratai, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Terima kasih kepada Teratai yang bertanya dan untuk RMK-11 sudah pun ada cadangan-cadangan program-program atau pun

projek-projek yang saya kira saya akan membuat semakin sama ada ianya menyentuh kawasan-kawasan yang dimaksudkan oleh Teratai.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, saya minta Exco terangkan simpanan caruman ini berapa? Saya sudah dua kali tanya soalan ini di dalam Dewan, caruman parit dan saliran yang disimpan dan berapa nilai dia ada sekarang Negeri dan apa caranya untuk Adun-adun *apply* untuk caruman ini digunakan di dalam kawasan-kawasan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas, soalan yang diperlukan seperti itu, tak ada dalam soalan pokok jadi saya tak payah jawab.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, memandangkan kita mempunyai caruman parit dan saliran danada tak Kerajaan buat satu cara seperti MARRIS yang mana kita juga *identify* dengan izin, yang mana sistem perparitan yang kita perlu *upgrade* dengan izin dan kita minta beri sejumlah peruntukkan kepada setiap DUN juga untuk *identify* dengan ini boleh lebih cepat kita selaraskan dengan JPS dan PBT.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih, Rawang itu satu cadangan yang sangat baik dan peringkat Kerajaan Negeri akan kira akan menyatakan jumlah yang dipohon dan juga tatacara untuk bagaimana untuk memohon tersebut. Jadi nanti akan ditaklimatkan kepada Ahli-ahli Dewan sekalian.

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya kenapa dalam jawapannya kita tunggu peruntukkan daripada Kerajaan Pusat memandangkan bahawa ada masalah untuk dia peranan pelan induk Kajang Kerajaan Negeri boleh membuatkan sendiri kenapa kena guna peruntukkan *federal*. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Kajang, dalam pelaksanaan program-program tempatan dan kajian ini kita lakukan secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan melihat kepada ruang lingkup sebagainya.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih, Tuan Speaker apa yang saya lihat semasa banjir itu sibuk JPS mengorek parit tetapi sekarang tak banjir parit dah mula sebu apakah tindakan selanjutnya JPS dalam mengatasi masalah ini, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Sungai Air Tawar, kerja-kerja pengorekan dan juga penyelenggaraan parit-parit ini ada dia punya SOP nya ada dia punya prosedurnya mungkin Sungai Air Tawar boleh terangkan secara terperinci kepada Kerajaan Negeri tempat dan lokasi untuk kita berikan maklum balas, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 110

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
YB TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: USAHAWAN

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bidang usahawan yang diutamakan oleh kerajaan untuk tujuan bantuan?
- b) Berapakah bilangan usahawan yang telah dibantu dan berapakah nilai yang telah dibelanjakan sejak 2010 sehingga 2014?
- c) Apakah kriteria utama usahawan ini layak mendapatkan bantuan kerajaan?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Tanjung Sepat untuk soalan (a) mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan ataupun MPPK telah diklasifikasikan 5 bidang atau pun 5 industri yang ada pada tahun 2008 hingga sekarang iaitu Pembuatan, Perkhidmatan, Pertanian Asas, Pembinaan, dan Perlombongan serta Pengkuarian. Daripada 5 bidang tersebut Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor memberi keutamaan kepada 3 bidang sahaja iaitu Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan manakala 2 lagi bidang dikawal selia oleh Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Pertanian Asas dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Pembangunan Sumber Alam untuk klasifikasi Perlombongan dan Pengkuarian.

Untuk soalan (b) Daripada jangka tahun 2010 hingga 2014 dianggarkan 20,323 orang yang telah mengikuti dan dibantu dalam program-program Pembangunan Usahawan Negeri Selangor manakala peruntukkan yang telah dibelanjakan untuk program-program tersebut adalah sebanyak 155,552,520.26 sahaja jadi kalau kita ikut ceraikan saya boleh sebutkan disini sebab ada 7 bidang sahaja Unit Perancang Ekonomi telah berbelanja lebih kurang RM8.4juta Jabatan Pertanian dan Veterinar 2.5juta, Jabatan Pertanian 7.0juta, KDEB 1.3juta, PKNS 12.3juta, MIMBAR 83.7juta lebih kurang begitu dan SkimSel kita tak dapat maklumat lagi kalau masuk SkimSel jumlahnya akan berlipat kali ganda. Setiap bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kriteria-kriteria pemilihan sendiri. Di antara kriteria-kriteria utama dalam pemilihan usahawan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Pemohon anak kelahiran atau telah bermastautin lebih dari 10 tahun di Selangor;
- ii. Aktiviti perniagaan tidak melanggar peraturan undang-undang;
- iii. Pemohon hendaklah memenuhi had umur yang ditetapkan iaitu pada kadar (18 hingga 55 tahun);
- iv. Keutamaan diberikan kepada perusahaan yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- v. Perusahaan yang diusahakan telah beroperasi untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun di Negeri Selangor dan masih aktif menjalankan perniagaan;
- vi. Keutamaan diberikan kepada perusahaan yang memiliki Lesen/Permit Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
- vii. Mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja sepenuh masa;
- viii. Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00;
- ix. Konsisten dari segi pengeluaran; dan
- x. Perusahaan yang dijalankan adalah sepenuh masa (kecuali bagi perusahaan secara atas talian atau pun *online business*).

Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Seri Andalas

Y.B. TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya EXCO, tahniah atas jawapan dan juga saya nampak ada belanjaan yang besar yang kita gunakan untuk *train* usahawan-usahawan ini. Memang yang pertama kali pembuatan yang telah disebutkan oleh EXCO adakah Kerajaan Negeri cadangkan untuk sediakan gerai-gerai untuk pembuatan ini dipamerkan dan dijual oleh peniaga pembuat kecil *micro homemade products* yang ada banyak sekarang tapi mereka minta saya di mana mereka nak pameran dan apa negeri boleh macam mana negeri boleh bantu mereka. Adakah gerai-gerai di semua PBT yang utamakan untuk pembuatan-pembuatan *household products* ini yang dibuat oleh peniaga usahawan-usahawan kecil ini. Adakah negeri siap untuk bina gerai itu atau pun ada langkah-langkah lain?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:Terima kasih, soalan Seri Andalas sebenarnya Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan kita sedang merancang untuk membina atau pun meletakkan pusat-pusat pengumpulan IKS dipusat pengumpulan orang ramai. Benar Kerajaan Negeri ada dua (2) pusat pengumpulan IKS iaitu di Kuala Langat dan Sepang yang kedua-duanya dalam proses untuk mengisi. Namun sebahagian daripada isu yang timbul ditempat tersebut ialah kurang sesuai daripada segi logistik dan agak jauh daripada arus perbandaran. Justeru saya akan mengumumkan sekitar bulan enam atau pun bulan tujuh nanti iaitu Kerajaan Negeri akan melaksanakan program yang dinamakan *Made In Selangor* kita akan meletakkan pusat-pusat IKS ini di pusat orang ramai iaitu di pasaraya-pasaraya seperti Giant, Econsave dan Tesco. Perancangan dan perbincangan akhir sedang dilaksanakan dengan mereka dengan itu kita akan letakkan satu *stall* dengan izin atau pun satu *kiosk* yang akan meletakkan barang-barang pembuatan daripada perindustrian kecil dan sederhana ini.

Dengarkan pengumuman nanti, selepas ini kita sedang merancang dan ini memang ada dalam Sasaran Kerja Tahunan yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Tanjung sepat dulu.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas penerangan dan penjelasan yang agak *detail* saya perhatikan dalam laporan yang dinyatakan tadi sejak daripada 2010 hingga 2014 seramai 20,323 orang telah mengikuti program yang diusahakan atau pun usahawan yang dianjurkan oleh kerajaan. Jadi berapa peratuskah daripada jumlah tersebut yang telah pun dianggap berjaya dan akhirnya mereka ini menjadi *leader* atau pun pemimpin kepada *the next generation* yang boleh mengambil bahagian dalam

program yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri yang keduanya adakah rancangan daripada kerajaan untuk mewujudkan di setiap DUN supaya mereka yang duduk di luar Bandar, di kampung-kampung di desa ini disediakan *kiosk-kiosk* atau pun *stall-stall* yang ada.

TUAN SPEAKER: Soalan

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Ialah adakah usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan *stall-stall* atau pun premis gerai-gerai yang kecil untuk anak-anak kampung untuk berniaga di lokasi-lokasi tertentu.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:Terima kasih, saya perlukan notis untuk berapa banyak yang diperlukan namun boleh saya katakan majoriti daripada yang mengikuti program kita mempunyai peningkatan sekitar 20% ke 30% daripada hasil dan juga proses pembuatan atau pun kerja mereka pada waktu ini nanti saya akan berikan secara bertulis. Mengenai cadangan Yang Berhormat daripada Tanjung Sepat sebenarnya melalui daripada agensi seperti MIMBAR dulu atau pun sekarang namanya HIJRAH memang ada atau SkimSel memang kita siapkan program bantuan ini diikuti dengan persiapannya sekali *kiosk* atau pun peralatan perniagaan yang mereka mahukan. Justeru, memang ada daripada Kerajaan Negeri yang daripada MIMBAR sebelum ini dan *Insyallah* kalau ada permintaan yang lebih banyak dan juga ada permintaan dari akar umbi yang jauh lebih banyak kita akan memikirkan satu juga melalui agensi seperti HIJRAH atau pun MIMBAR sebelum ini. Terima kasih

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Soalan 111, telah dijawab bersekali dengan soalan 27, Jeram

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 112

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK: PENJUALAN ARAK

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan penjualan arak di Selangor?

- b) Apakah langkah kerajaan negeri bagi membendung penjualan arak yang berleluasa di Selangor?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Jeram, pihak berkuasa atau pun agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memproses permohonan dan mengeluarkan Lesen Eksais kepada penjual minuman keras adalah pejabat daerah di Negeri Selangor di mana dipengerusikan, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan juga ahli dalam jawatankuasa tersebut termasuk bahagian Eksais, Kastam, Ketua Polis Daerah, PBT dan juga Pejabat Kesihatan Daerah, manakala bagi Lesen Penjualan Arak bagi premis perniagaan PBT melalui Mesyuarat Lembaga Lesen Minuman Keras. PBT akan merujuk dan mendapat sokongan daripada lain-lain agensi kerajaan seperti Kastam, Polis, dan Pejabat Kesihatan sebelum meluluskan lesen perniagaan. PBT selaku pihak yang mengeluarkan lesen perniagaan di premis-premis mengambil langkah-langkah tegas bagi mengawal atau pun membendung penjualan bahan tersebut bagi menjaga *sensitivity* penduduk setempat serta menghindarkan daripada gejala sosial berlaku di kawasan penempatan atau pun kawasan terbuka. Kerajaan Negeri menerapkan dasar *self-regulation* kepada semua peniaga atau pun permis perniagaan yang ingin menjual minuman keras dengan melihat kawasan majoriti orang Islam. Selain itu langkah-langkah bagi pengawalan penjualan arak adalah dengan mengenakan syarat-syarat bagi permohonan lesen iaitu:-

- i) Menjaga kebersihan premis dalam keadaan bersih; memuaskan tidak sempit gelap, dan sesak;
- ii) Mengasingkan arak daripada barang-barang makanan lain;
- iii) Menyediakan papan tanda yang seragam dan papan tanda larangan arak adalah haram dari orang Islam dan larangan menjual kepada orang bawah umur 18 tahun ke bawah;
- iv) Tidak berdekatan dengan rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil atau pun tokong dan juga sekolah dan hospital;
- v) Tidak menyokong permohonan lesen tersebut sekiranya bertentangan dengan syarat-syarat yang digariskan.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Jeram

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker, kita dimaklum di mana arak merupakan satu subjek yang sangat kontra dengan amalan kehidupan seorang Islam maknanya saya nak bertanya di sini. Soalan saya

ialah Bagaimana dengan pekerja-pekerja Islam yang bekerja di premis yang menjual arak? Tindakan ini juga adalah satu perkara yang sangat kontrak dengan amalan Islam itu sendiri. Jadi saya bertanya apakah langkah kerajaan negeri supaya dapat membendung atau pun adakah tindakan-tindakan tegas diambil untuk perkara-perkara sedemikian. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Jeram ini nak tanya tentang adakah pekerja Islam dibenarkan dalam untuk mengendalikan penjualan arak tersebut, adalah bagi dasar kerajaan negeri adalah tidak digalakkan tapi kita tidak ada dasar bagi cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeram.

Y.B. TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya apakah kerajaan negeri mempunyai satu langkah, mengkaji langkah untuk menghadkan penjualan seperti di Thailand penjualan kedai-kedai yang 24jam akan dan ditutup tak dijual lepas pukul 10.00malam dan juga sepertimana yang saya dapati di New Zealand ada satu jalan tidak boleh dijual arak dekat terutama semasa Krismas ini kerana menjaga keselamatan. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Kajang, ini juga pernah dibangkitkan oleh Seri Andalas minggu yang lepas dan jawapan saya kerajaan negeri sedia mengkaji tentang cadangan tersebut.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana lesen pengeluaran arak ini dikeluarkan oleh Lembaga yang diputuskan oleh Pejabat Daerah dan Lembaga ini mengeluarkan memberikan syarat-syarat untuk pengeluaran lesen. Dari segi untuk menjagalah bukan kerana kita tahu bahawa arak ini adalah merupakan haram di sisi orang Islam. Jadi, dan pada masa ini , dasar kerajaan ini belum lagi mengenakan syarat orang Islam dilarang menjual di premis-premis arak. Jadi adakah kerajaan negeri , ya, akan apa ni mensyaratkan bahawa orang-orang Islam ya, oleh kerana orang Islam dilarang terlibat dengan arak, dilarang diambil bekerja didalam premis-premis arak ini sebagai satu syarat pengeluaran lesen di, yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Sg. Burong. Soalan Sg. Burong tadi saya telah jawab kepada Jeram tadi. Belum ada dasar lagi.Tapi kita boleh kaji, boleh kaji belum ada dasar lagi sekarang.

TUAN SPEAKER:Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Saya tanya EXCO adakah di negeri-negeri, perintahnya UMNO ini telah ditetapkan. Adakah di Wilayah Persekutuan, Pahang, di Kedah, di Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah. Ada ke ditetapkan. Soalan no. 2 ni , soalan arak ini, soalan no. 2 ini, arak ini bukan saja satu isu untuk orang Islam. Saya ingat kita kena faham, ini soalan arak ..

TUAN SPEAKER:Soalan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Tak ada. Soalan, soalnya macam ini. Syarat-syarat yang telah diberikan oleh Pejabat Tanah dan juga PBT untuk lesen-lesen orang yang menjualkan arak-arak ini, syarat-syarat ini saya ingat sudah pun ditetapkan. Siapa yang agensi penguatkuasa utama untuk apa ni, di, di.. penguasaannya saya yang tanggungjawab. Kedai-kedai yang jual arak lepas pukul 9, pukul 10. Siapa yang ambil tindakan. Apa Seri Andalas nampak ialah sekarang tidak ada penguatkuasa-penguatkuasa untuk berhentikan penjualan arak lepas katakan pukul 10 dan sebagainya di dalam kedai-kedai runcit yang jualkan arak-arak yang murah ini. Ini yang masalah besar di dalam kawasan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Seri Andalas. Untuk menjawab soalan no. 1 iaitu setahu saya memang , apa ni, negeri Barisan Nasional tak ada , ya tak ada had untuk perkara ini lagi. Dan untuk soalan kedua adalah agensi yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan penguatkuasaan adalah 2, 1 PBT dari segi lesen, kedua ada lah pihak Kastam.

TUAN SPEAKER:Sekinchan.

Y.B. NG SUEE LIM: Puan Speaker soalan 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM.
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini MBSA?
- b) Sila nyatakan jumlah hasil kutipan cukai pintu MBSA dari 2010-2014?
- c) Sila kemukakan jumlah tunggakan hasil cukai pintu dari 2010-2014?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Terima kasih kepada Sekinchan. Sekinchan menanya tentang MBSA. Ya cukai taksirannya. Ya, sangat perhati. Tak apa nanti kita Tanya Sekinchan. Kedudukan kewangan MBSA sehingga 28 Februari 2015 adalah seperti :

Butiran	Hasil Kutipan Sebenar (RM)
Hasil Cukai	104,442,956.39
Hasil Bukan Cukai	29,346.928.57
Terimaan Bukan Hasil	111,074.91
JUMLAH	133,900,959.87

b) Jumlah hasil kutipan cukai pintu MBSA dari 2010-2014 ialah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Kutipan
2010	RM156,236,728.47
2011	RM175,021,554.42
2012	RM195,864,619.0
2013	RM21,160,202.59
2014	RM233,564,008.62

c) Jumlah tunggakan hasil cukai pintu dari 2010-2014 adalah seperti , peratus kutipan ya, saya akan nyatakan

Tahun	Jumlah Tunggakan Cukai Taksiran	Jumlah Kutipan	% Kutipan
2010	RM33,348,879.9	RM16,886,533.16	50.64%
2011	RM31,494,989.52	RM20,269,358.35	64.36%
2012	RM29,019,82.75	RM21,026,276.70	72.45%
2013	RM20,146,533.24	RM14,283,301.59	70.90%
2014	RM23,937,512.02	RM15,20,974.10	63.52%

Sekian.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Berdasarkan angka-angka yang diberikan oleh Y.B. EXCO tentang kutipan tunggakan cukai, saya nampak daripada 2010 hingga 2014 tunggakan cukai ya, tunggakan cukai dia berada di paling tinggi paras 72%. Adakah Kerajaan Negeri mensasarkan supaya tunggakan cukai ini boleh dapat dikutip paling kurang 80%. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Sekinchan yang begitu prihatin tentang isu di MBSA. Walaupun dia daripada Sekinchan. Tapi itu adalah sasaran Kerajaan Negeri adalah kita PBT perlu mencuba sedaya upaya untuk meningkatkan hasil kutipan supaya hasil ini dapat dipulang balik kepada rakyat tempatan. Jadi saya akan berbincang dengan MBSA supaya sasaran mereka akan dipertingkatkan seperti apa yang dijalankan oleh Y.B. Sekinchan tadi.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. No. 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : BADAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

114. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mohon badan kebajikan masyarakat mempermudah sistem kemaskini data permohonan supaya pembayaran seterusnya boleh dibuat dengan segera kepada penerima yang layak.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: a)Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggunakan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) yang telah dibangunkan pada tahun 2007 dan mula diperluaskan ke seluruh Negara mulai tahun 2008. Sistem ini merupakan setamannya pangkalan data yang digunakan untuk memproses permohonan bantuan kebajikan daripada JKM.

Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk menyediakan pangkalan data penerima bantuan JKM serta memproses permohonan bantuan daripada peringkat permohonan, laporan siasatan, kelulusan hingga kepada janaan pembayaran.

Sistem ini juga telah diintegrasikan dengan sistem myiDENTITY daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertujuan untuk meningkatkan kesahihan data serta dapat mengesan dengan lebih awal penerima-penerima bantuan JKM yang telah meninggal dunia agar dapat mengelakkan bayaran bantuan dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia. Selain daripada itu sistem ini juga telah diintegrasikan dengan sistem Pengurusan Kawalan Belanjawan Elektronik (e-SPKB) daripada Jabatan Akauntan Negara (JAN) bagi mempermudah penyediaan baucar pembayaran dan menguruskan pembayaran bantuan kepada klien jabatan menerusi bank.

Selain daripada sistem ini pihak jabatan juga menyediakan kemudahan panjar khas tabung bantuan segera atau TBS dengan kadar maksimum RM300 sekali gus yang boleh diberikan secara tunai atau dalam bentuk barangan keperluan kepada mereka yang layak. Selain itu, pemberian panjar khas TBS ini boleh dipertimbangkan kepada penerima-penerima bantuan Jabatan terdiri daripada mereka yang amat memerlukan.

Dengan adanya sistem e-Bantuan serta kemudahan panjar khas TBS ini dapat membantu mempercepatkan sistem penyampaian bantuan kepada golongan yang memerlukan dan yang tidak berkemampuan. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:Saya ingin tanya kepada pihak Kerajaan kenapa setiap tahun perlu diperbaharui sedangkan sistem yang lengkap sebegitu kerana yang diperbaharui, diminta perbaharui ini terdiri daripada warga emas. Kalau orang Islam kita ada Pusat Zakat. Tapi untuk yang bukan agama Islam adalah, Kebajikan Masyarakat. Jadi saya cukup terkilan sebab, perlu diperbaharui setiap tahun. Ini rungutan daripada rakyat, minta penjelasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih Seri Serdang. Pembaharuan setiap tahun kepada setiap penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah perlu untuk memastikan bahawa mereka ini masih lagi di dalam belunggu kemiskinan atau pun berkemungkinan juga mereka samada mereka masih hidup atau pun telah pun meninggal dunia. Jadi kita tidak mahu ada, pembayaran kepada penerima samada mereka telah pun meninggal dunia ataupun kepada penerima yang telah pun dapat keluar daripada paras garis kemiskinan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Luahan. Kita akui keperluan mengemaskini kan data tapi hakikatnya apa yang disebutkan oleh Seri Serdang tadi yang warga emas, yang OKU, yang memang dah sakit lama, mereka ini agak stabil daripada segi data. Bolehkah Jabatan Kebajikan Masyarakat, khususnya di Selangor ini bekerjasama dengan Pejabat ADUN atau Penyelaras DUN yang lebih kenal mereka ini. Yang, kerana Pejabat ADUN inilah, ada, tempat mereka mengadu apa masalah tak cukup makan, tak cukup pakai, rumah bocor dan sebagainya. Mereka akan pergi Pejabat ADUN. Yang masalahnya apabila kemaskini ini berjalan dengan agak lama, mereka ter, tak dibayar beberapa bulan. Mana mereka cari makan. Ada

juga yang mereka pergi. Jadi saya minta Jabatan Kebajikan Masyarakat di Selangor khususnya. Di Selangor ini, mungkin di tempat lain, lain cara. Tapi kita ni sebagai tempat yang maju, yang lebih profesional, dan lebih peduli kepada rakyat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Klang yang begitu prihatin dengan masalah rakyat yang memerlukan bantuan ini. *Insyah-Allah* kita akan perbincangkan perkara ini bersama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Peringkat negeri Selangor agar perkara ini kita boleh laksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PERUMAHAN DAN HARTANAH SELAGNOR SDN BHD

115. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB)?
- b) Bilakah syarikat ini ditubuhkan?
- c) Berapa peruntukan tahunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus syarikat ini?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahir rahmanir rahim.* Terima kasih kepada Seri Andalas. a) Perumahan dan Hartanah Selangor SDn Bhd (PHSSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Prasarana dan tujuan utama penubuhan PHSSB adalah :

- i. Bertindak sebagai nomini kepada LPHS untuk membuat kajian dan penilaian hartanah kuota bumiputera yang sesuai dan berpotensi untuk dibeli.
- ii. Mengurus dan menyelenggara hartanah milik LPHS dan PHSSB; dan
- ii. Menguruskan pemasaran hartanah kuota Bumiputera yang tidak terjual, tidak terjual di pasaran.

PHSSB telah ditubuhkan pada 6 Oktober 2009 dan mula beroperasi pada 3 Januari 2011.

Untuk soalan seterusnya samada Kerajaan Negeri ada memberikan peruntukan tahunan kepada syarikat ini untuk diurus. PHSSB tidak menerima apa-apa peruntukan tahunan daripada Kerajaan. Walau bagaimana pun PHSSB telah diberikan sebanyak RM3juta sebagai modal permulaan operasi pada Oktober 2010 bagi tempoh 2 tahun pertama operasi. Namun begitu tiada penambahan modal diberikan pada tahun-tahun berikutnya kerana PHSSB mampu menguruskan modal tersebut dengan baik. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Terima kasih. Saya nak minta EXCO, adakah EXCO atau pun telah memberi kelulusan kepada PHSSB atau pun LPHS untuk menjadi *developer* ataupun pembinaan, kontraktor pembinaan untuk rumah-rumah mampu milik ataupun rumah-rumah kos rendah?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Setakat ini, PHSSB tidak membina ataupun rumah-rumah kos rendah ataupun rumah-rumah mampu milik dan Lembaga Perumahan Selangor, kalau menurut enakmen, ia boleh menjadi pemaju dan boleh memiliki harta dan setakat ini ada satu projek sahaja di mana ia telah berjalan iaitu, itu pun masih di peringkat permohonan untuk kebenaran merancang, iaitu projek rumah mampu milik atau Rumah Selangorku di Sungai Sering yang diuruskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Sejauh manakah keberkesanan syarikat ini dan KPI yang ditetapkan untuk mencapai objektif yang ditetapkan mengikut sejak penubuhannya pada tahun 2009 sebab dia nampakkan tak ada macam satu statistik ataupun satu penilaian terhadap syarikat ini?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Jumlah hartanah yang diuruskan oleh PHSSB sehingga 31 Mac 2015 adalah seperti berikut, hartanah pembelian adalah sebanyak 76 unit, hartanah kontra sebanyak 37 unit, hartanah penswastan adalah 62 unit, ini bermakna bahawa keseluruhan hartanah yang dimiliki ataupun yang melibatkan PHSSB adalah sebanyak 175 unit. Daripada 76 unit hartanah yang telah dibeli oleh PHSSB, bagi pihak LPHS, sebanyak 38 unit telah siap dibina dan 38 unit masih lagi dalam pembinaan 0 dan penyerahan pemilikan 0 masih belum diterima ataupun penyerahan pemilikan 0 masih belum diterima dan setakat ini 38 unit yang dibeli yang telah siap diduduki itu telah disewakan. Dan pulangan sewaan tahunan

kepada PHSSB adalah seperti berikut, pada 2011 adalah sebanyak RM41,700, pada tahun 2012 adalah RM239,191, pada tahun 2013 adalah sebanyak RM759,406.25 dan pada 2014 pulangan yang diterima adalah sebanyak RM1.2 juta dan ini, saya tidak ada KPI yang ada pada saya sekarang ini dan boleh saya beri secara bertulis tetapi operasi PHSSB adalah, atau syarikat adalah menerusi pulangan yang diterima melalui sewaan-sewaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 116 telah dijawab bersekali dengan Soalan 58. Soalan 117 telah dijawab bersekali dengan Soalan 26. Soalan 118 telah dijawab bersekali dengan Soalan 17. Soalan 119 saya tangguhkan sebentar. Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker. Ke Soalan 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PASAR TANI

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan lokasi pasar tani di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu peniaga di pasar tani?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker dan terima kasih kepada Bukit Melawati bertanya berkenaan dengan pasar tani. Terdapat 50 buah pasar tani di seluruh Selangor. Di PBT-PBT, Majlis Daerah Kuala Selangor 2, Majlis Daerah Hulu Selangor 1, Majlis Perbandaran Selayang 5, Majlis Perbandaran Subang Jaya 11, Majlis Bandar raya Shah Alam 3, Majlis Bandar raya Petaling Jaya 3, Majlis Perbandaran Klang 4, Majlis Daerah Kuala Langat 4, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 7, Majlis Perbandaran Kajang 3 dan Majlis Perbandaran Sepang 7. Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian membuat program dengan menghubungkan petani terus kepada pasar tani melalui jualan terus hasil pertanian di pasar tani. Selain itu, Jabatan Pertanian juga menyediakan jaringan (*network*), dengan izin, di antara petani dengan peniaga pasar tani bagi mendapatkan produk yang segar dengan harga yang berpatutan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak bertanya mengenai kedudukan pasar tani. Apakah Kerajaan Negeri melalui sama ada agensi PBT

ataupun kerajaan negeri sendiri akan mengambil alih pengurusan pasar tani yang di bawah ataupun yang diusahakan oleh pihak FAMA? Sebab ada yang mengatakan bahawa kerajaan negeri sama ada melalui mana-mana agensi akan mengambil pengurusan ini daripada pihak FAMA sendiri. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Permatang. Setakat ini tidak ada dalam maklumat saya tentang perancangan itu, terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, sikit lagi mencelah. Fasal..saya ada maklumat banyak daripada FAMA, saya minta kalau boleh EXCO tolong buat siasatan kerana ada usaha untuk mengambil alih daripada pengurusan FAMA. Ada beberapa pasar tani. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Speaker. Nak bertanya dengan Exco, saya rasa angka 50 tu terlampau kecil bagi negeri Selangor yang padat dengan penduduk. Cuma dapat saya fikirkan, kalau boleh biar kerajaan negeri sendiri bersama dengan Jabatan Pertanian dan juga pihak FAMA dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat dirancang, rangka bagi menambah bilangan lagi pasar-pasar tani khususnya di kawasan bandar-bandar bagi membolehkan banyak hasil daripada luar bandar dapat dipasarkan dengan harga yang berpatutan kepada pelanggan-pelanggan di kawasan bandar-bandar. Jika dapat difikirkan, ditambah bilangan peniaga lagi. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Bukit Melawati yang memberikan cadangan yang saya kira sangat baik dan di peringkat kerajaan negeri tidak ada masalah begitu juga PBT untuk memberikan laluan kawasan-kawasan, tapak-tapak yang sesuai untuk dijadikan pasar tani yang baru dan pihak kerajaan negeri juga melalui Jabatan Pertanian negeri Selangor berhubung erat sebenarnya dengan pihak FAMA itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya panggil Rawang semula. Soalan tadi Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, Soalan 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR PREMIUM TANAH

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan formula kadar premium tanah untuk tanah yang telah didirikan bangunan bagi kategori tanah jenis kediaman, komersial dan industri mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah kadar premium tanah untuk tanah kosong bagi kediaman, komersial dan industri?
- c) Adakah kerajaan akan mengkaji semua kadar premium?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Formula kadar premium tanah bagi pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara untuk jenis kediaman, komersial dan industri yang telah didirikan bangunan adalah sama bagi semua daerah. Kadar premium tanah untuk tanah yang telah didirikan bangunan bagi kategori kediaman, komersial dan industri akan dikenakan 2 jenis premium iaitu premium semasa dan premium khas. Bagi bangunan kediaman, premium semasa adalah mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 dan kaedah tanah Selangor 2003, KTS pindaan 2005 yang dikeluarkan seperti berikut :

$\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$.

Terdapat 2 kaedah dalam menjelaskan bayaran premium iaitu seperti berikut:

- a) Kaedah pertama, bayaran sekali gus dengan diskaun 30% daripada premium yang dikenakan. Jika ia dibayar dalam tempoh 6 bulan selepas Borang 5A diterima.
- b) Kaedah kedua, bayaran nominal RM1000 dan pemohon perlu menjelaskan bayaran khas tanah pada kadar $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$ apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli.

Hak milik pemohon dikenakan sekatan, kepentingan tambahan iaitu pemilik tanah hendaklah menjelaskan bayaran khas tanah berdasarkan kadar $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$ kepada kerajaan negeri sebelum apa-apa urusan pindah milik melalui kaedah jual beli didaftarkan atau permohonan mengubah kategori dengan syarat nyata tanah baru didaftarkan. Nilai yang dikenakan adalah berdasarkan nilai daripada Jabatan Penilaian Harta semasa hak milik tersebut hendak dijual. Kaveat pendaftar hendaklah di *endorse* kan dan dibatalkan selepas bayaran khas tanah dijelaskan. Premium khas cukai tanah, cukai tahunan x tempoh lama mengusahakan tanah, maksimum 10 tahun.

Bagi kadar premium tanah, pembangunan, perniagaan dan industri, premium semasa $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai pasaran semasa} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$. Atau, jualan terus atau tender mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6/2010 dan dikemukakan ke

Jawatankuasa Sumber Alam atau *STANDCO* Sumber Alam. Premium khas cukai tahunan x tempoh lama mengusahakan tanah maksimum 10 tahun. Formula kadar premium yang dikenakan ke atas permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 (KTN) ke atas tanah kosong adalah seperti berikut. Bagi bangunan kediaman mengikut kadar tanah Selangor 2003 pindaan 2005 iaitu $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times$ nilai pasaran semasa x 99 tahun x luas atau jualan terus atau tender mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6/2010 dan dikemukakan ke Jawatankuasa Tetap Sumber Alam. Nilai tanah berdasarkan kepada nilai semasa JPPH dan jualan terus mengikut harga yang ditawarkan.

Bagi bangunan, perniagaan dan industri, jualan terus atau tender mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6/2010 dan dikemukakan ke Jawatankuasa Tetap Sumber Alam. Nilai tanah berdasarkan kepada nilai semasa Jabatan Penilaian Harta dan terus, dan jualan terus mengikut harga yang ditawarkan. Kerajaan negeri belum ada perancangan untuk mengkaji semula kadar premium tanah sedia ada.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan. Soalan seterusnya, Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 121.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KG. TUNKU)**

TAJUK : E-STRATA DAN SELAMAT

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Difaham bahawa konsep e-strata dan portal <https://strata2u.selangor.gov.my/> telah wujud sebelum ini. Sila beri penerangan, contoh dan ilustrasi bagaimana sistem e-strata *Secured Land Management System (SELAMAT)* yang dilancarkan pada Januari 2015 boleh memudahkan transaksi tanah berstrata dan menjamin keselamatan transaksi tanah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Terima kasih kepada Kg. Tunku. Sistem e-strata berserta portal <https://strata2u.selangor.gov.my/> dan *Secured Land Management System (SELAMAT)* adalah merupakan 2 sistem aplikasi yang berbeza di antara satu sama lain. Sistem e-strata adalah sistem yang dibangunkan oleh kerajaan negeri Selangor yang mengendalikan urusan niaga dan bukan urusan niaga yang melibatkan hak milik strata. Sistem ini telah digunapakai di Pejabat Tanah dan

Galian (PTGS) dan 9 pejabat daerah dan tanah negeri Selangor manakala SELAMAT merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Sistem ini digunapakai bersekali Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer ataupun (SPTB) bagi mempertingkatkan keselamatan, urusan hak milik tanah (*landed*).

Berikut adalah penerangan berkaitan sistem e-strata dan juga SELAMAT. Yang pertama adalah Sistem e-strata. Sistem e-strata merupakan sistem pendaftaran hak milik strata secara berkomputer. Bagi pembangunan berbilang tingkat seperti rumah kedai, pangsapuri dan rumah bandar ataupun *townhouse*. Sistem e-strata dibangunkan dengan mengaplikasikan ciri-ciri keselamatan yang terkini selaras dengan kehendak serta keperluan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan segala urusan yang melibatkan bangunan berstrata di rekod dengan sempurna dan mampu dijadikan rujukan di masa akan datang sekiranya wujud sebarang kes penipuan mahupun *fraud*. Antara ciri-ciri keselamatan yang dibangunkan dalam sistem e-strata adalah:

- a. Penggunaan teknologi biometrik di mana setiap penyerah ataupun pihak guaman mahupun wakil penyerah ataupun *runner* akan direkod maklumat biometrik menggunakan maklumat cap jari dan MyKad. Semua penyerah dan wakil penyerah perlu disahkan terlebih dahulu identiti mereka menggunakan maklumat biometrik yang direkodkan. Sebelum sebarang transaksi atau urusan diterima dan dilakukan di kaunter perserahan hak milik strata tanpa sebarang pengecualian.
- b. Selain itu, semua maklumat dan dokumen-dokumen berkaitan permohonan pendaftaran maklumat, penyerah akan diimbas dan seterusnya di imej seterusnya imej tersebut dimuat naik ke dalam pengkalan data sistem e-strata bagi memudahkan semakan dengan kadar segera di kaunter perserahan tanpa mengambil masa yang lama. Proses ini telah memberi kepuasan yang optimum kepada pelanggan yang berurusan di kaunter perserahan strata secara khusus dan rakyat negeri Selangor secara amnya.
- c. Sehingga kini, sebanyak 3,482 firma guaman dan syarikat serta 4,907 pendaftaran wakil penyerah (*runner*) telah diterima dan didaftarkan dengan menggunakan sistem e-strata dan data tersebut meningkat dari masa ke semasa.

Sementara yang kedua adalah SELAMAT ataupun *Secured Land Management System*. Sistem SELAMAT adalah sistem yang mengaplikasikan teknologi biometrik di dalam urusan pendaftaran hak milik tanah (*landed*) yang melibatkan penggunaan cap jari dan MyKad dalam pengesahan identiti individu.

Objektif Selamat dibangunkan adalah untuk :

- a) Menentu sahkan kesahihan maklumat dalam Borang 14A Surat Kuasa Wakil dan dokumen pengenalan diri.
- b) Mengatasi masalah penipuan dan pemalsuan dokumen hak milik tanah ataupun geran tanah.
- c) Mengekalkan kepercayaan rakyat dan pelabur terhadap pentadbiran tanah dan kerajaan dengan menangani isu-isu penipuan dalam urusan pentadbiran tanah dengan lebih baik dan berkesan.
- d) Merekodkan maklumat individu yang berurusan di Pejabat Tanah untuk rujukan di kemudian hari.
- e) Mengatasi kelemahan penggunaan kata laluan iaitu ketidak rahsiaan kata laluan.
- f) Mengatasi isu dokumen hak milik tanah dikutip, diambil oleh orang yang tidak dikenali oleh pemilik tanah.
- g) Menyimpan maklumat pemohon dan mendapatkan pengesahan atau verifikasi secara tepat mengenai kesahihan individu yang hadir semasa siasatan hak milik hilang dijalankan.
- h) Meningkatkan produktiviti kakitangan apabila semua dilakukan secara sistem, tidak memerlukan pengesahan secara manual, menjimatkan kos, masa dan tenaga.

Penggunaan Sistem SELAMAT adalah terdiri daripada :

- a) Orang awam, tuan tanah, pemegang amanah, pemegang surat kuasa, wakil atau PA dan lain-lain.
- b) Wakil peguam ataupun *runner*.
- c) Peguam.
- d) Kakitangan PTGS dan PDT.

Penggunaan Sistem SELAMAT dapat membantu :

- a) Mengurangkan penipuan dan pemalsuan dokumen.
- b) Menambahkan tahap keselamatan bagi pengurusan dan pentadbiran maklumat tanah.

- c) Mengatasi isu dokumen dikutip, diambil oleh mereka yang tidak dipertanggungjawabkan oleh pemilik tanah.
- d) Merekodkan data bagi pelanggan yang berurusan.
- e) Mengenal pasti kesahihan identiti dan melindungi integriti dan imej kakitangan PTGS dan PDT.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MEMORANDUM 2012 OKU BANGKIT

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status OKU Bangkit dalam konteks Kerajaan Negeri?
- b) Apakah bentuk kerjasama antara kerajaan dengan Majlis Peguam Malaysia dalam mencapai OKU Bangkit?
- c) Apakah halangan yang dihadapi bagi memenuhi objektif-objektif OKU Bangkit?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menerima Memorandum OKU Bangkit 2012 daripada Sekretariat Prihatin OKU Selangor pada 22 November 2014 yang lalu di Bangunan SUK Negeri Selangor. Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan, keupayaan dan sumbangan Orang Kurang Upaya atau OKU kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan penglibatan dan sumbangan dari agensi kerajaan, badan bukan kerajaan atau mana-mana individu yang boleh turut serta bersama-sama dalam pembentukan dasar-dasar dan program-program Kerajaan Negeri yang berkaitan. Dalam satu pertemuan dengan pihak Sekretariat Prihatin OKU Selangor dan....minta maaf, dan satu pertemuan dengan pihak Sekretariat Prihatin OKU Selangor akan diadakan dalam masa terdekat ini bagi memperhalusi resolusi Sayang OKU Selangor 2014 yang terkandung didalam memorandum tersebut. Untuk makluman Y.B. Hulu Kelang, buat masa ini

Jawatankuasa Tetap Kebajikan sedang meneliti memorandum ini sebelum keputusan dan tindakan dilaksanakan bersama pihak Majlis Peguam Malaysia (SUHAKAM), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan memorandum ini kerana ianya melibatkan peringkat persekutuan berhubung dengan pembentukan polisi.

c) Kerajaan Negeri akan meneliti objektif-objektif OKU Bangkit bersama dengan agensi-agensi berkaitan bagi pelaksanaan di peringkat Kerajaan Negeri setelah perbincangan yang dinyatakan di atas diadakan. Pihak Jawatankuasa Tetap Kebajikan juga mengalu-alukan penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat atau individu-individu yang berkaitan untuk turut serta memberikan cadangan dan buah fikiran untuk dibincangkan bersama mengenai isu ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya adakah kerajaan mempunyai senarai lengkap golongan OKU ini berkategori keupayaan-keupayaan yang berbeza-beza itu. Apa jenis OKUnya dan dibuat menurut DUN. Tadi Yang Berhormat mengatakan penglibatan ADUN. Jadi, adakah sudah siap, lengkap untuk kami bantu terus?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Kelang. Buat masa ini kita tidak mempunyai senarai lengkap tentang OKU ini tetapi kita boleh dapatkan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, daripada program-program merakyatkan ekonomi Selangor dan yang mana ada dinyatakan orang-orang ini adalah OKU dan kita akan cuba *extract* daripada data-data tersebut untuk dijadikan untuk kita memulakan data ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Amalan biasa penyenaian nama-nama ini adalah berdasarkan daerah. Itu adalah sukar. Jadi kalau boleh diurus menurut DUN, 56 DUN, jadi penglibatan setiap ADUN dalam membantu OKU itu dapat ditingkatkan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih atas saranan Hulu Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Adakah kerajaan sudah mempunyai tabung khas khususnya untuk OKU? Kebajikan yang menyeluruh untuk OKU? Mengupayakan OKU menjaga keseluruhan hal ehwal OKU ini termasuk pendidikan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Klang. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum lagi memberi atau memperuntukkan tabung ataupun dana khas untuk OKU ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, tadi Yang Berhormat EXCO menyebut bahawa akan melibatkan OKU untuk menggubal dasar-dasar kerajaan di Selangor. Soalan saya, bilakah sebenarnya pertemuan ini akan diadakan? Soalan kedua, menurut dari kaca mata Yang Berhormat EXCO, bagaimanakah prestasi kerajaan Selangor ini terhadap menangani kebajikan OKU? Adakah kita di peringkat belum bermula ataupun bagaimana?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Paya Jaras. Tentang persoalan bila pihak Kerajaan Negeri Selangor akan bertemu dengan agensi ataupun kumpulan yang akan bersama dalam golongan...bersama membantu golongan OKU ini ia belum lagi tetapi kita akan mengadakan dalam masa terdekat dan kita mengalu-alukan penglibatan daripada ADUN-ADUN yang berminat untuk bersama. Yang keduanya....

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Dari kaca mata Yang Berhormat Exco bagaimana sebenarnya kedudukan kita dengan kebajikan OKU ni? Prestasi Kerajaan Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok. Terima kasih Paya Jaras. Tentang prestasi Kerajaan Negeri Selangor dalam bersama-sama membantu memberikan sumbangan kepada pihak OKU seperti yang saya jawab dalam soalan, saya kira saya dah jawab soalan Kinrara yang mana Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa infra-infrastruktur bagi kemudahan OKU ini. Contoh PBT-PBT yang telah pun melaksanakan beberapa infra-infra seperti Majlis Bandaraya Shah Alam, kita menyediakan beberapa bas, perhentian bas yang mesra OKU. Kemudian Selayang, kita juga mengadakan tempat rekreasi yang mesra OKU dan beberapa PBT yang lain. PJ kita ada van untuk membawa OKU ke hospital. Jadi, beberapa perkara-perkara lain ini kita akan teruskan melalui PBT untuk membantu golongan OKU ini mendapat kemudahan dalam kehidupan mereka sehari-hari untuk bergerak ya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat semua, soalan tambahan tak boleh tanya pendapat. Apa pendapat, tak boleh ya. Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya nombor 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : SEKOLAH KAFA DAN KAFAI

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah sekolah KAFA dan KAFAI bagi setiap daerah di seluruh Negeri Selangor.
- b) Nyatakan jumlah pelajar bagi setiap sekolah terlibat.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan daripada Seri Muda 123. Seri Muda bertanya berkaitan dengan sekolah KAFA. Terkini jumlah sekolah KAFA di Negeri Selangor adalah sejumlah 292. Dan mengikut daerah, Klang mempunyai 27 KAFAI, Kuala Langat (9), Kuala Selangor (20), Hulu Langat (62), Hulu Selangor (7), Sabak Bernam (10), Gombak (61), Petaling (84), Sepang (12). Jumlah pelajar secara keseluruhannya adalah sejumlah 92,304 murid. Saya tidak dapat menyatakan satu demi satu jumlah pelajar mengikut sekolah seperti mana yang dikehendaki oleh pihak daripada Seri Muda, *Insyah-Allah* saya akan berikan dalam bentuk carta kemudian. Cuma saya boleh maklumkan jumlah pelajar mengikut daerah, Klang sejumlah 8,944 pelajar, Kuala Langat (2,351) pelajar, Kuala Selangor (6,271) pelajar, Hulu Langat (20,090), Hulu Selangor (854), Sabak Bernam (1,017) orang, Gombak (17,960) pelajar, Petaling (30,417), Sepang (4,400) pelajar. So, bermaknanya Petaling mempunyai jumlah pelajar teramai sejumlah 30,417 orang. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh beberapa pihak semalam berhubung dengan gaji guru KAFA ini. Mungkin Kerajaan Negeri mempunyai jawapan yang boleh diperjelaskan. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Seri Muda. Saya pun dapat salinan daripada yang mendakwa dia adalah wakil kepada 10,000 Suara Hati Guru KAFA. Cuma untuk maklumat kepada Ahli Dewan, daftar yang ada pada saya

jumlah guru Kafa adalah 6,742 dan kalau kita melihat secara keseluruhan jumlah mengikut perjawatan tahun 2014, guru tetap sejumlah 1,111 orang, guru kontrak 324 orang, guru Kafa 6,742 orang bermakna jumlah keseluruhannya 8,177 orang. Saya tak tau daripada mana beliau mendapat statistik yang beliau mewakili daripada 10,000 Suara Hati Guru-Guru Kafa di Negeri Selangor. Itu perkara yang pertama. Dan saya nak maklumkan bahawa guru-guru Kafa ini adalah guru-guru yang diletakkan sama ada mereka ini mendidik di sekolah-sekolah SRA (Sekolah Rendah Agama), SRAI ataupun Sekolah Rendah Agama Integrasi ataupun sekolah-sekolah Kafa. Seperti mana yang saya maklumkan jumlahnya adalah sejumlah itu, Jadi, saya kira, saya ingat saya pun dah jelaskan beberapa kali termasuklah di dalam Dewan..di dalam Dewan yang mulia ini cuma malam tadi saya pun agak terkejut bila saya balik daripada solat Maghrib saya buka TV saya keluar tengok gambar Sungai Air Tawar. Saya tak tau dia dah...dia faham ke tidak jawapan saya semasa saya gulung ataupun dia dah baca ke belum *handsard* yang telah dihantar melalui email oleh Dewan tapi dia mendakwa bahawa saya sebutkan secara kefahaman sayalah tapi itulah maksudnya yang saya kira telah dijelaskan oleh saya, disebutkan nama saya, kajian sedang dijalankan. Saya kira kalau Sungai Air Tawar faham apa yang saya jawab dan membaca *handsard* yang telah diberikan bahawa kajian telah selesai yang saya maksud, yang tertera dalam *handsard* pun, yang saya ucapkan saban kali. Kajian telah selesai. Cuma sekarang isunya kita nak lihat daripada kajian itu apakah justifikasi yang kita nak memartabatkan guru Kafa ni? Yang kita nak memberikan satu nilai, tambah nilai. Yang akhirnya tambah nilai ni akan sampai kepada anak-anak kita yang diajar ni dengan penambahan elaun yang akan kita berikan. Saya tak taulah itu, saya kira saya harapkan Sungai Air Tawar akan faham. Semasa saya gulung pun dia tak bertanya atau meminta penjelasan tapi keluar kat TV itu. Ini yang saya kira menyongsangkan pemikiran guru-guru kita yang ada di luar sana. Ataupun masyarakat di luar sana yang saya kira ada *political* yang nak dibawa oleh Sungai Air Tawar. Saya tak jangka Sungai Air Tawar boleh keluar kenyataan seperti ini.

Jadi saya harapkan perkara ini sampai kepada masyarakat, sampai kepada Guru-Guru Kafa ini supaya dia pun jelas. Saya ingat dalam Program 3K, Karnival Kampungku Kesayanganku yang saya turun dua daerah saya berjumpa dengan semua guru-guru agama di setiap daerah dan saya jelaskan yang sebahagian besarnya jelas tetapi ada ahli politik kita yang membawa isu ini seolah-olah isu politik yang akhirnya ia menjadikan satu ketidakcelaruan saya kira dalam kita nak memartabatkan Negeri Selangor ini. Saya tak tahu mungkin itu sifat daripada Sabak ataupun di kawasan Sabak Bernam ataupun ADUN-ADUN di kawasan situ tapi yang saya lihat saya cukup kecewalah, saya cukup kecewa kalau kita bergantung soal demokrasi sebagai contoh di *area* hujung sana jugalah apabila kita menerapkan soal isu demokrasi dengan pilihan raya ada guru-guru yang sifatnya nak menegakkan demokrasi di Selangor ataupun di negara kita, duduk bersama-sama dengan pembangkang-pembangkang di waktu pilihan raya akhirnya menimpa sesuatu yang kita tidak jangkakan sehingga ke peringkat guru-guru ini dipecat yang saya kira inilah

sifat-sifat yang saya kira mereka ini adalah Ahli Parlimen, mereka ini adalah ADUN pada hari ini sebagai pendidik, sebagai penjawat jawatan profesional dahulu tetapi membawa idea-idea yang saya kira tidak tepat untuk demokrasi di Negeri Selangor ini. Jadi saya menjawab soalan Sri Muda tadi, saya kira isu ini bukan suatu isu yang besar sebenarnya tetapi kefahaman yang sepatutnya kita berikan kepada guru-guru atau rakyat *Insyah-Allah* saya kira di Negeri Selangor ini tidak menjadi masalah walaupun kita lihat dari jumlah guru-guru Kafa yang ada itu implikasi kewangan lebih kurang dalam RM18 juta setahun hasil yang kita pertingkatkan sebanyak RM200 daripada RM1,300 kepada RM1,500 saya kira Kerajaan Negeri Selangor mampu untuk melakukan itu cuma yang saya sebutkan tadi adalah bagaimana kita nak menambahkan nilai kepada guru-guru ini yang akhirnya pendidikan yang kita berikan kepada anak kita pun mendapat pendidikan yang setimpal dengan emolumen, dengan elaun yang kita bagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat semua masa untuk pertanyaan telah habis, soalan mulut yang belum sempat dijawab akan diberikan secara bertulis kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan ini saya tangguh sesi pertanyaan untuk urusan yang seterusnya.

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA:Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Usul Nombor 8 Tahun 2015 Usul di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Ijok.

TUAN SPEAKER:Baiklah saya persilakan kalau ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu menyambung perbincangan?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya sambung sikit sahaja.

TUAN SPEAKER:Ya Permatang. Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Semalam saya ada dapat satu dua minit untuk berbahas mengenai isu HORAS 600 yang dibentang oleh Jawatankuasa Sumber Air Mentah dan apa yang saya harapkan daripada penjelasan atau dapatan yang dibuat oleh Jawatankuasa kita ini amat jelas sekali bahawa kita sebagai ADUN-ADUN dalam Dewan ini pun rasa tidak dapat kedudukan sebenar mengenai HORAS 600 ini. Jadi kita tidak dapat jelas mengenai peranan-peranan yang dimainkan oleh pihak KKSB sebagai kontraktor utama, apa skop kerja yang dibuat, berapa kos pembangunan yang ditentukan dan sebagainya maka saya cadangkan supaya ada satu laporan kalau boleh dikemukakan kepada Dewan ini oleh Pihak Kerajaan mengenai kedudukan sebenar HORAS ini sebab daripada mula pun saya dapat lihat daripada *hansard* yang lama HORAS ini melibatkan kos pembinaan lebih kurang 420 juta. Satu bentuk perbelanjaan yang sangat besar dan hari ini kita lihat bagaimana KKSB diberikan keutamaan ataupun sebagai kontraktor utama untuk mengeluarkan pasir.

Jadi itu menunjukkan pendapatan di sana industri pengeluaran pasir ini seolah-olah HORAS ini hanyalah proses pengeluaran pasir, mengambil pasir sebagaimana proses-proses mengambil pasir yang lain. Jadi kalau boleh Dewan ini diperjelaskan mengenai kedudukan sebenar dan kalau boleh ada laporan khusus dikemukakan oleh pihak Kerajaan atau oleh EXCO yang berkaitan supaya kita dapat berbincangkan kerana isu HORAS ini isu yang sangat penting kerana sumber-sumber air mentah HORAS ini merupakan di antara sasaran kita selain daripada sungai dan lombong, kolam HORAS inilah yang akan menentukannya dan juga laporan daripada Ijok ini menunjukkan bahawa penemuan air untuk sokongan kepada air mentah pun nampaknya tidak akan mencapai sasaran kalau mengharapkan air daripada dasar ataupun air daripada bumi nampaknya tidak dapat ditemui kalau ikut laporan yang kita terima tapi bagaimana kolam ini nak berperanan untuk menjadi tenaga atau penyumbang kepada air mentah di Negeri Selangor. Jadi saya mengharapkan Tuan Speaker supaya satu laporan khusus sekali lagi walaupun jawatankuasa kita ada ruang untuk membuat pendengaran dan sebagainya tapi saya fikir Kerajaan Negeri berhak untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas dari segi teknikalnya, dari segi laporan kontraknya, skop kerja, KKSB dan sebagainya supaya tidak timbul lagi sebarang kekeliruan dan juga satu keadaan yang kita tidak sendiri tidak berapa jelas mengenai HORAS ini. Jadi saya fikir itu saja, saya menyambung ucapan saya, saya ucap terima kasih.

TUAN SPEAKER:Lima minit Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin merujuk Perenggan 6.62 yang ingin saya petik di sini. Kerja-kerja pengorekan untuk HORAS 600 tidak diberikan keutamaan berbanding dengan penjualan stok pasir disebabkan kekurangan tanah untuk simpanan stok pasir. Saya juga ingin merujuk kepada saranan Jawatankuasa 7.2 dan saya memetik Kerajaan Negeri boleh mempercepatkan projek HORAS 600 dengan membekalkan lebih tanah untuk simpanan stok pasir supaya kadar pengeluaran pasir tidak bergantung kepada kadar penjualan pasir. Apa yang saya ingin membawa perhatian kepada Dewan ini ialah projek HORAS ini nampaknya telah menghadapi satu *missed conception* ataupun *missed priority* di mana ia seolah-olah telah dijadikan sebagai satu projek pengorekan pasir dan bukannya projek untuk mendalamkan satu tasik atau memperbesarkan satu tasik bagi tujuan simpanan air. Apa yang saya rasa ini haruslah diperbetulkan di mana saya kira pengorekan pasir ini haruslah dikeluarkan secepat mungkin daripada tapak berkenaan. Apa yang kita terima dua hari yang lalu daripada sesi soal jawab, kita mendapati bahawa permintaan terhadap pasir di Selangor ini masih banyak lagi, masih sangat aktif dan bekalan pasir di Negeri Selangor hanya dapat memenuhi 60% daripada permintaan pasaran dan selebihnya 40% perlu bergantung kepada pasir yang disumbangkan daripada negeri-negeri lain jadi ini menunjukkan bahawa permintaannya sangat tinggi. Oleh sebab itu saya bercadang sekiranya kita ada stok pasir ini saya kira tidak ada sebab kita letak di situ. Kalau harganya tidak memenuhi cita rasa pasaran saya bercadang supaya

Kerajaan mengambil tindakan cepat supaya harga pasir ini ditetapkan pada satu kadar yang lebih rendah hanya khusus untuk pasir yang hasil daripada HORAS 600 ini sahaja bukan pasir di tempat yang lain dan pasir ini walaupun boleh kita boleh menetapkan secara *think out of the box* supaya ianya gunakan untuk rumah-rumah mampu milik dan rumah kos rendah jika ada yang laksanakan oleh syarikat-syarikat GLC di Negeri Selangor. Apa salahnya Kerajaan menjual pasir ini dengan menjualkan harga yang lebih rendah ataupun *cost* iaitu KKSB tidak akan mengalami kerugian cuma tidak ada keuntungan ataupun keuntungan yang sedikit ia digunakan khusus untuk pembinaan Rumah Selangorku sahaja. Dan dengan itu stok itu akan dan kerja-kerja HORAS ini akan dapat dijalankan dengan lebih cepat dan lebih berkesan. Jadi saya rasa ini haruslah di pertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya projek ini dapat mencapai sasarannya. Harus saya menetapkan sekali lagi bahawa tujuan projek ini adalah untuk mewujudkan satu kolam air yang lebih besar untuk menyimpan air yang secukupnya dan sekiranya sasaran ini tidak tercapai berapa banyak pasir yang kita hasil sama ada kita dapat *job* atau tidak ia tidak ada kesan. Jadi saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu Kampung Tunku mohon sokong, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya jemput pihak Kerajaan jika ingin memberi penjelasan, Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAILY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker dan juga Ahli-Ahli Dewan sekalian. Saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan, kritikan yang telah pun diluahkan oleh Ahli-Ahli Dewan sekalian dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ijok yang telah mewakili JPK-SAM yang telah pun membentangkan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas yang berkaitan dengan HORAS ini dan saya di sini Tuan Timbalan Speaker ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa kekeliruan hasil dari dapatan-dapatan telah pun dinyatakan dan begitu juga dengan perkara-perkara yang saya rasa tidak jelas yang telah diisytiharkan oleh Permatang sebagai misteri dan sebagainya. Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk kepada dapatan-dapatan yang dinyatakan didalam penyata ini. Yang pertamanya dapatan 6.1 yang berkaitan dengan jumlah kos keseluruhan projek HORAS ini yang menyatakan KKSB ia akan dijangkakan mendapat keuntungan RM41.4 juta manakala Kerajaan Negeri mendapat nilai sebanyak RM515.10 juta dengan projek HORAS ini. Projek HORAS ini *Hybrid Off River Augmentation Storage* HORAS bermaksud Sistem Penakungan Air Larian System Water berkonsepkan *OffNew River Storage* dan kolam takungan berdasarkan kepada data-data limpahan air di Bestari Jaya adalah didapati sumber *system water* di Lembangan Sungai Selangor adalah mencukupi untuk ditakung ketika berlaku lebih daripada penggunaan loji rawatan air yang terdapat di sepanjang Sungai Selangor. Untuk menyediakan sebuah kolam dengan kapasiti tangkungan kolam HORAS ini dengan isi padunya adalah sebanyak 30 mcm *camillion cubic meter*. Kos yang diperlukan berdasarkan kepada harga pasaran

semasa menggunakan kaedah tender JKR adalah dianggarkan sebanyak 500 juta. Kos 500 juta diperlukan untuk membuat korekan dan pembersihan sebuah kolam yang berkapasiti berisipadu 30 mcm. Manakala anggaran kos bagi pengambilan tanah, pembinaan rumah pam, kerja-kerja membina cerun kolam termasuk *external work* dan kerja-kerja sampingan yang lain adalah sebanyak RM200 juta. Jadi keseluruhannya anggaran-anggaran yang telah pun disebut jumlah sebelum ini adalah berjumlah RM700 juta untuk projek HORAS 600. RM500 juta adalah kos mengikut kaedah tender biasa, *fair value* mengorek kolam takungan 30 mcm dan RM200 juta adalah kerja-kerja sampingan yang lain. Namun demikian hasil daripada kreativiti dan juga kerjasama dari Kerajaan Negeri Selangor dengan KKSB pelaksanaan kerja-kerja pengorekan bagi penyediaan kolam dengan kapasiti isi padu sebanyak 30 mcm hanya melibatkan kos yang dianggarkan sebanyak RM119 juta, ini anggaran daripada KKSB. Dengan anggaran jumlah pengeluaran pasir yang diunjurkan oleh KKSB dari kerja-kerja pengorekan kolam tersebut sebanyak RM162 juta dan keuntungan yang diperolehi oleh KKSB adalah sebanyak RM41 juta seperti mana dapatan yang dinyatakan dalam penyata. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor menggunakan kontraktor biasa Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan belanja sebanyak RM502 juta bagi mendapatkan kolam dengan kapasiti takungan isi padu sebanyak 30 macam seperti yang dinyatakan yang tadi. Tetapi disebabkan Kerajaan Negeri menggunakan KKSB sebagai kontraktor, selain mendapat kolam dengan kapasiti takungan isi padu sebanyak 30 mcm Kerajaan Negeri juga mendapat keuntungan melalui KKSB sebanyak RM41 juta seperti mana yang diunjurkan oleh KKSB. Untuk membolehkan kolam itu beroperasi sebagai sebuah empangan di hiliran ia memerlukan kerja-kerja pembinaan rumah pam, kerja-kerja membina cerun kolam termasuk *external work* yang kosnya dianggarkan sebanyak RM200 juta. Kos tersebut pada asalnya akan dibiayai seperti mana jawapan saya dalam soalan yang ditanya oleh ataupun yang telah pun ditanya soalan tambahan oleh Damansara Utama di mana untuk membolehkan kolam itu beroperasi sebagai rumah pam sebagai rumah empangan hiliran ia memerlukan kerja-kerja pembinaan rumah pam dan kerja-kerja pembinaan cerun kolam, termasuk *external work* yang lain dianggarkan sebanyak RM200 juta.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Permatang, sila.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Okey, pertama saya bukan nak *challenge* apa jawapan daripada EXCO, saya cuma nak bertanya *estimated* dengan izin yang dibuat oleh JKR itu benar-benar RM500 juta sekiranya dibuat oleh pihak swasta kontraktor swasta. Dan yang keduanya, sekiranya pun jika kontraktor swasta membuat projek ini yang dinilai RM500 juta Kerajaan Negeri tetap juga akan mendapat hasil daripada pasir yang berkenaan. Apabila ditolak tetap kosnya tidak sampai sedemikian. Ini saya nak minta apakah benar-benar telah dibuat satu

anggaran yang sebenar dibuat bahawa kos yang dibuat itu adalah RM500 juta oleh pihak JKR untuk mendapatkan RM30 juta mcm ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Permatang, Tuan Timbalan Speaker, memang dari kajian-kajian awal Jurutera Perunding atau pun dilantik dan melalui maklumat-maklumat daripada Jurutera Perunding yang dilantik dan juga kajian atau pun daripada tender biasa yang dibuat oleh JKR memang kos untuk mengorek 30mcm Empangan atau pun yang seumpamanya termasuklah kos-kospenyelenggaraan, pembuangan dan sebagainya adalah menelan sehingga RM500 juta. Manakala....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sedikit lagi, apa ini kerja-kerja yang diberikan kepada KSSB apakah bentuk mengeluarkan pasir dan juga termasuk juga pembinaan cerun dan juga pembinaan kolam pam rumah pam.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Permatang, kerja yang di anugerahkan kepada KSSB adalah kerja-kerja pengorekan sahaja. Pengorekanpasir dan seterusnya KSSB akan menjual pasir tersebut. Jadi saya sambung bolehkah kolam itu boleh beroperasi sebagai sebuah Empangan, ia memerlukan kerja-kerja pembinaan rumah pam dan kerja-kerja membina cerun kolam termasuk *external work* yang lain yang kosnya dianggarkan sebagai RM200 juta. Kos tersebut pada asalnya akan dibiayai bersama oleh Kerajaan Negeri dan KSSB seperti mana dalam jawapan saya dalam soalan itu bagaimana RM100 juta pada asalnya akan dibagi sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan RM1 juta lagi adalah hasil daripada penjualan pasir itu sendiri. Namun berdasarkan kepada unjuran yang dibuat oleh KSSB mengambil kira kos, penyimpanan Holdings kos yang meningkat serta permasalahan permintaan pasir dan sebagainya yang di unjurkan oleh KSSB sendiri yang mana keuntungannya hanya mencecar RM41 juta dan sebagainya maka Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula kos sumbangan kos oleh KSSB dalam projek ini sebagaimana unjuran asalnya daripada RM200 juta itu RM100 juta kita anggarakan hasil penjualan pasir juga akan ditampung oleh KSSB. Tetapi berdasarkan kepada pendapatan dan juga laporan daripada KSSB mereka unjurkan keuntungan mereka hanya RM41 juta sahaja maka Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula dari sudut pembahagian RM200 juta tersebut. Merujuk kepada pendapatan 6.2 bahawa bulan September 2015 ini fasal 1 dan fasal 2 akan siap tetapi ia hanya sebuah kolam yang kosong sahaja. Sedikit pencerahan di sini bahawa dakwaan bahawa kolam-kolam kosong pada September 2015 adalah tidak benar sebenarnya apabila fasal 1 dan apabila fasal 1 dan 2 kepada kolam utama yang ada area 1 dan area 2, bukan fasal 1, fasal 2 keseluruhan projek pembinaan. Apabila projek pengorekan fasal 1 dan fasal 2 siap pada bulan September 2015 kolam tersebut akan dapat dipenuhi dalam tempoh satu bulan sahaja kerana berdasarkan kepada data-data. Sebelum ini dengan kedatangan monsun timur laut yang bermula seawal Oktober, November hujan turun dengan lebat dan jumlah air larian di hilir Sungai Selangor yang terbuang ke laut adalah sangat tinggi jumlahnya.

Jadi kita menjangkakan bila siap pada September 2015 dengan keadaan hujan ketika itu berdasarkan data-data yang lepas kita mampu untuk memenuhi kolam takungan untuk fasal 1 dan 2 ini dalam tempoh sebulan sahaja. Air tanah dalam horas kita mengharapkan ia merupakan komponen yang kecil sahaja yang kita anggarkan mungkin 10 hingga 15% sahaja. Kolam menggunakan kaedah *dry excavation*, kaedah-ini memang kaedah kita korek dalam keadaan kering yang mana tapak yang terbabit dikeringkan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pengorekan boleh dibuat. Sebab itulah kalau kita lihat di tapak sekarang memang ia akan kering dan kalau ada air pun kita perlu membuat pengirangan kerana kaedah yang digunakan adalah kaedah *dry excavation*. Dapatan yang ketiga kolam air kolam yang isi dengan air hujan dan air yang berlebihan dari Sungai Selangor selepas September 2015 Jawatankuasa tidak pasti beberapa lama akan diambil sepenuhnya saya dah jawab tadi. Apabila fasal 1 dan fasal 2 siap pada bulan September 2015 kolam tersebut akan dapat dipenuhi dalam tempoh sebulan kerana berdasarkan kepada data-data sebelum ini dengan kedatangan monsun timur laut dan sebagainya. Berkaitan dengan dapatan empat Jawatankuasa berpendapat bahawa horas ini tidak akan memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah kekurangan air pada musim kering tahun 2015. Di sini juga saya ingin membuat pencerahan kerana walau pun HORAS belum pun lagi siap sepenuhnya pada ketika ini. Untuk pengetahuan Dewan sekalian bermula daripada April 2014 HORAS 900 dapat membekalkan air mentah sebanyak 160 juta liter sehari untuk di alirkan ke Sungai Selangor bagi meningkatkan paras aliran sungai dan usaha untuk mengurangkan pelepasan air empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi walaupun belum siap sepenuhnya tapi ianya memainkan peranan yang penting. Biasa kita gunakan jumlah 800 juta liter air termasuk kolam-kolam yang lain khusus untuk horas 900 sahaja kolam-kolam yang ada sedia ada berada di tapak mampu berkeupayaan untuk mengeluarkan 160 juta liter sehari. Jadi itu menunjukkan peringatannya horas 600 yang sedia ada. Sekiranya tidak ada horas 600 ini negeri Selangor akan berhadapan dengan masalah kekurangan air mentah bulan Januari hingga Mac 2015. Projek bertujuan untuk orang menampung keperluan air mentah tambahan sebanyak 300 juta liter sehari untuk projek mitigasi 2 yang di jadual akan siap pada September 2015. Ini adalah antara tujuan asal HORAS 900 adalah untuk menambahkan kapasiti sungai sebanyak 300 juta liter sehari kerana ada projek mitigasi 2 di SSP 1, SSP 3, jadi bila mana siap nanti sudah pasti kita mampu untuk menyalurkan 300 juta liter sehari itu dan siap pada bulan September pun. Pada bulan September kita tak perlu guna pakai air horas air ini kerana sudah menghampiri musim-musim tengkujuh September pun telah banyak hujan yang akan turun. Dan dapatan 6.5 terdapat kekeliruan kadar pengeluaran sebenar horas 600 Jawatankuasa mendapat jauh pun berbeza yang membeza antara 150 juta liter sehari, 300 juta liter sehari atau pun 600 liter sehari. HORAS 900 merupakan kolam dengan kapasiti takungan isu padu sebanyak 30 mcm, 30 million cubic meter. Jadi HORAS600 mempunyai keupayaan untuk menyediakan sehingga 600 juta liter air mentah. Namun kapasiti air mentah tambahan yang diperlukan untuk projek Mitigasi 2 adalah sebanyak 300 juta liter sahaja. Maka kita akan memberi upaya kepada

kolam 600 ini dengan kapasiti pam dan sebagainya untuk melengkapai atau pun melunaskan tujuan asal HORAS ini adalah untuk memberikan tambahan air bagi projek Mitigasi 2 sebanyak 3,000 juta liter sehari..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Saya habiskan sedikit lagi dan 150 juta liter itu sebenarnya 150 hingga 160 juta liter sehari adalah merupakan kapasiti air mentahyang boleh dikeluarkan oleh HORAS 600 sekarang. Walaupun belum siap sepenuhnya.

TUAN Pengerusi:Sila Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, saya merujuk balik kepada ulasan daripada Yang Berhormat EXCO untuk musim kering dalam penubuhan 6.4. Musim kering biasanya bulan April hingga bulan September dan apa yang dikatakan oleh Jawatankuasa ini adalah HORAS sekarang tidak dapat membekalkan 600 mld dalam musim kering 2015 kerana apabila horas pertama sekali disebutkan dalam 2014 dijangka bahawa untuk tahun 2015 kita ada satu *reserved* HORAS tapi nampaknya 2015 ini dalam musim kering kita tak dapat bergantung kepada 600 mld hanya pada 2016 kita dapat memakai 600 mld dan yang kedua yang di jelaskan itu ada 30 mcm. Isunya berapa banyak kita nak tarik sehari 150, 300, 600 mld. yang kita nak tarik daripada kolam. Bilakah pam yang ada keupayaan untuk menarik 600 mld ini akan siap dipasang. Sebab pam pada hari ini tidak dapat menarik keseluruhan 600 mld jika kita memerlukannya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Bukit Gasing. Untuk musim kering kita sekarang berada pada bulan April, bulan 5, bulan 6 dan sekarang ini kita berkeupayaan untuk mengeluarkan bukan sahaja kita fokus kepada HORAS 600 kerana HORAS 600 akan siap pada September 2015. Tapi kita berkeupayaan untuk mengeluarkan daripada HORAS 600 dan beberapa komen yang lain dengan kapasiti keupayaan 800 juta liter sehari. Ini sudah mampu untuk menurunkan menghadapi musim kering tahun ini. Jadi itu saya sebutkan tadi dan berkenaan dengan kapasiti pengeluaran pam dan sebagainya kita berikan jaminan dan kepastian bahawa by September kita mampu untuk mengeluarkan 300 mld dengan sudah pastilah dengan bantuan pam-pam yang akan disediakan.

Kemudian 6.6 berkaitan dengan pengambilan tanah, untuk pengetahuan dapatandi sini yang melahirkan kerisauan bagaimana tanah masih lagi belum selesai seumpamanya untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian pengambilan tanah telah pun selesai di mana Borang I *Certificate of Agency* Borang K telah pun dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah dan dengan adanya Borang I tersebut pihak KSSB telah pun boleh masuk ke tapak untuk memulakan kerja-kerja pengorekan. Hasil daripada maklumat saya Borang I dan Borang K itu telah pun diberikan kepada pihak-pihak

yang tertentu pada 8 dan 9 Oktober 2014. Telah pun selesai berkenaan dengan pengambilan tanah dan berkaitan dengan tempat simpanan tadi saya menghargai pandangan-pandangan daripada rakan-rakan Ahli Dewan supaya pihak Kerajaan akan berbincang kembali dengan KSSB kerana permasalahan jualan pasir permasalahan tanah untuk letakkan *stock pile* dan sebagai itulah akan dibincangkan kerana itu kita akan mendapat maklum balas daripada KSSB.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya rasa yang pam itu 600 juta liter kapasiti adalah kaitan dengan kos RM200 juta *extra cost yang so* kalau kita ada *estimated* RM200 juta pasti ada *estimated* pam kapasiti so apakah pam kapasiti yang kita gunakan untuk *estimate the* RM200,000,000 *cost for HORAS?*

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Damansara Utama RM200 juta itu disebutkan sebelum ini termasuklah kos-kos pam dan kos-kos yang lain.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Yeah, so cost* pam itu pasti ada satu *estimated* apakah pengeluaran oleh kita mendapat penjelasan, kalau tak ada sekarang kita boleh menghantar.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Damansara Utama penjelasan *detail* berkenaan dengan kos pam dan berapa kapasiti mungkin kita akan berikan dalam hari yang lain. Walau bagaimanapun, yang lebih penting adalah September nanti atau pun kita berkeupayaan untuk menyediakan pam bagi pengeluaran air sehingga 300 juta liter sehari. Jadi Timbalan Speaker saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak di atas ..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan lagi, sedikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Timbalan Speaker, Yang Berhormat EXCO pada apa yang saya ikuti terdapat perbezaan dari angka *figure* dengan izin apa yang dinyatakan di dalam penyata dan sumber maklumat yang ada pada EXCO. Bagaimanakah nak menyelesaikan itu? Kerana kita pun dapat Jawatankuasa dapat daripada pendengaran dalaman, Sumber dinyatakan oleh Lembaga Urus Air Selangor, LUAS

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Bagi contoh, contoh yang sumber angka yang mana?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Muka surat dari muka surat 1 hingga ke-3 beberapa angka yang dinyatakan berbeza. Jadi sebelum secara rasminya

EXCO menyediakan surat maklum balas kertas maklum balas pendekatan yang boleh kita harmonikan perbezaan dan angka tersebut.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Hulu Kelang saya kira mungkin boleh sekali lagi dipanggil untuk pendengaran atau pun kita supaya kita boleh memberikan angka yang jelas kerana peringkat awal mungkin berdasarkan kepada unjuran-unjuran tetapi maklumat yang terkini yang ditapak dan projek mungkin ada beza di sana. Saya kira boleh berikan kemudian nanti saya kira itu sahaja, terima kasih banyak-banyak dan saya berharap penjelasan saya tadi boleh merangai dan buat pencerahan dan tidak seperti yang Permatang kata tadi ia terlalu misteri. Terima kasih banyak, banyak.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi “Bahawasanya Menurut Peraturan (5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pengurusan Sumber Air Mentah Selangor *The Committee On Raw Water Source Management Of The State of Selangor (JPK-SAM)* bagi Dewan Negeri Selangor berhubung dengan pelaksanaan *Project of Hybrid of River Augmentation System (HORAS) 600* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, yang tak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 9 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata hak dan kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu dengan Pembayaran Kemudahan dan Keistimewaan Ahli Dewan Negeri Selangor yang pernah digantung di negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2015.”

Tuan Timbalan Speaker, Jawatankuasa Khas dan Kebebasan telah mengadakan mesyuarat pada 28 Januari 2015 untuk membuat keputusan mengenai sama ada Dewan Negeri Selangor demi mengikut prinsip dan semangat di dalam mahkamah persekutuan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan lain-lain lawan Govind Singh Deo *situation* dengan izin 2014 9CRJ muka surat 577 untuk membayar semua gaji dan elaun ADUN-ADUN yang pernah digantung di negeri Selangor. Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat 7 ADUN-ADUN yang pernah digantung di negeri Selangor di mana gaji dan elaun mereka tidak dibayar dan jumlah ke semua amaun

yang digantung oleh Dewan Negeri Selangor adalah RM395,583.90. Menurut rekod Dewan Negeri Selangor jumlah kemudahan dan keistimewaan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Teng Chang Khim, ADUN Sungai Pinang jumlah yang digantung adalah RM99,700.20 sen yang mana merupakan gaji bulanan dengan jumlah 18 bulan gaji.
- (ii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Khir bin Toyo, ADUN (Sungai Panjang),
- (iii) Yang Berhormat Dato' Marsom bin Paing, ADUN Dengkil.
- (iv) Yang Berhormat Dato' Warno Dogol, ADUN Sabak.
- (v) Yang Berhormat Tuan Mohd. Isa bin Abu Kasim, ADUN Batang Kali.
- (vi) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Idris bin Haji Abu Bakar yang mana telah meninggal dunia iaitu merupakan ADUN Hulu Bernam sebelum ini.

Jumlah yang digantung adalah RM294,383.70 yang mana merupakan 6 bulan gaji bagi kelima-lima ADUN yang berkenaan. Yang berikutnya merupakan: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Satim bin Diman, ADUN Seri Serdang. Jumlah yang digantung RM1,500.00 sahaja yang merupakan elaun khas ADUN.

Menurut kes Yang Dipertua Dewan Rakyat dan lain melawan Govind Singh Deo, mahkamah persekutuan telah memutuskan usul untuk menahan elaun dan faedah responden adalah tanpa dasar undang-undang. Perlindungan perlembagaan yang diberikan kepada Ahli Parlimen melalui peruntukan perkara 64 Perlembagaan Persekutuan dalam bentuk Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa 1952 tidak boleh digantikan dengan ketidakhadiran undang-undang yang jelas).

Selain daripada itu, mahkamah persekutuan juga memutuskan bahawa tiada asas perlembagaan atau undang-undang yang memberi kuasa kepada parlimen untuk menahan saraan Ahli Parlimen, keistimewaan parlimen dalam perkara 63(1) Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilanjutkan kepada menahan saraan melalui resolusi dengan perintah tetap sebagai tanggungannya dengan wujudnya perkara 64 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu soalan 1 dan 2 dijawab dalam bentuk negatif manakala soalan-soalan 2 dan 3 dijawab dalam bentuk positif. Jadi, tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa telah sebulat suara bersetuju untuk mengikuti prinsip undang-undang keputusan kes mahkamah persekutuan yang Dipertua Dewan Rakyat dan lain melawan Govind Singh Deo. Jawatankuasa dengan sebulat suara juga bersetuju untuk membayar kesemua elaun dan gaji tertunggak kepada ADUN-ADUN yang pernah digantung. Jadi saya mohon disokong.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Tuan Speaker, saya sangat menyanjung tinggi usaha Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan hak kebebasan anggota Dewan sebagaimana di bawah apa ni, perlembagaan dan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Kota Anggerik nak sokong ke nak bahas.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Dengan itu, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Memandangkan tadi telah disokong, saya buka untuk perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan penyata yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan berkenaan dengan bayaran balik gaji-gaji ADUN-ADUN yang digantung berdasarkan kes, kes Yang Berhormat Govind Singh Ahli Parlimen Puchong dan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang diputuskan oleh mahkamah persekutuan di mana adalah wajar Ahli-ahli Dewan Negeri ataupun Ahli-ahli Parlimen, saraan mereka ataupun gaji mereka, elaun mereka tidak wajar dinafikan kerana mereka adalah dipilih oleh rakyat tidak perlu dinafikan, walaupun Jawatankuasa dan Hak Kebebasan itu mempunyai hak membuat hukuman dan sebagainya kepada Ahli-ahli Dewan yang ingkar, yang melanggar peraturan-peraturan dewan yang serius. Walau bagaimanapun dari soal prinsip keadilannya, gaji, saraannya, elaunnya tidak boleh dinafikan. Saya menyokong penuh apa yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan selaras dengan prinsip keadilan dan isu ini saya telah bangkitkan dalam perbahasan Belanjawan 2015 bulan November yang lalu di mana saya menggesa agar kerajaan bayar balik, semak balik semua Ahli-ahli yang digantung sebelum ini di Dewan Negeri Selangor selaras dengan perintah mahkamah kes parlimen tersebut kerana kita Dewan Negeri Selangor tidak boleh lari daripada prinsip keadilan. Kita adalah Dewan Negeri peneraju, Dewan Negeri di Malaysia. Jadi prinsip keadilan kita mesti berada di tahap dan landasan yang sebenarnya. Maka dengan itu bayaran yang dikenakan kepada semua ahli-ahli Dewan terutamanya Yang Berhormat Sungai Pinang, Yang Berhormat Sungai Panjang yang lalu, Yang Berhormat Dengkil, Sabak dan sebagainya, semuanya berjumlah dengan RM395,583.90 wajib dibayar, mesti dibayar dan sebarang pembayaran ini dan saya ingin cadangkan kita kena masukkan 8% faedah tahunan, 8% faedah tahunan mesti dikira kerana di mahkamah kita kalau kira bayaran pampasan dan sebagainya mesti dengan kos 8%. Saya yakin Yang Berhormat Timbalan Speaker dia pun faham tentang perkara ini, tentang faedah ini. Kita kena bagi faedah sebab sepatutnya benda itu dibayar tetapi tidak dibayar. Kalau ada yang 5 tahun, ada yang 10 tahun tak dibayar jadi 8% faedah itu mesti dibayar dalam konteks ini. Saya minta kerajaan kena *respond* dalam perkara ini sebab kita mampu, kita mampu hendak kalau kita nak memperjuangkan soal keadilan untuk semua kita sampai ke lubang cacing, ha.....sampai ke lubang cacing, ini

prinsip ketulusan. Saya, kawan-kawan kita ramai BN yang kena gantung, saya pun simpati, kita maju juga benda-benda ini diperbetulkan, ada kekhilafan waktu yang dulu tetapi benda ini boleh diperbetulkan. Ha... ini antara cadangan saya dan pada masa yang sama juga, saya juga minta kerajaan negeri semaklah semula, Ahli-ahli Dewan Negeri, saraan Ahli-ahli Dewan negeri pada 2014 yang lalu kerajaan telah menaikkan elaun-elaun Ahli-ahli Dewan Negeri tetapi saraan tersebut tidak dipanjangkan kepada pesara-pesara yang sudah tamat berkhidmat. Itu juga satu perkara yang saya nampak bercanggah dengan prinsip keadilan di mana teman-teman kita-kita seluruhnya ramai yang banyak buat aduan kepada saya. Saya harap kerajaan negeri Selangor mampu kita boleh lakukan. Jadi saya harap perkara itu harus dipertimbangkan, keadilan demi semua, walaupun dia bukan wajib dalam undang-undang tetapi secara konvensionalnya, amalannya kelazimannya ini patut disemak dan dipanjangkan oleh semua Ahli-ahli Dewan termasuk yang bersara. Ini saya harap, harapan ini dapat kita realisasikan demi kemesraan rakyat dan Ahli-ahli Dewan yang bersara. jadi saya menyokong penuh apa yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan syarat 8% faedah mesti dimasukkan. Sekian, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Kampung Tunku sebenarnya teruja untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pendirian saya, sebenarnya tak berminat tetapi akhirnya teruja. Pendirian saya ialah, saya sokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Teratai. Saya juga sokong cadangan yang dikemukakan oleh Sekinchan, tetapi saya ada satu pemerhatian iaitu kita harus ambil satu iktibar ataupun pengajaran daripada perkara ini. Apakah itu pengajaran kita belajar daripada insiden ini. Iaitu semasa Dewan membuat keputusan untuk menggantung gaji dan saraan-saraan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimaksudkan itu, keputusan yang dibuat oleh Dewan pada masa itu adalah berpandukan kepada *parliamentary practices* dan kita ikut apa yang berlaku di United Kingdom, mengikut buku *erthinemay* dan dalam buku itu ada diperuntukkan bahawa parlimen boleh membuat keputusan dan bukan sahaja untuk menggantung Ahli-ahli Dewan tetapi juga saraan, elaun dan juga gaji Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu yang dikatakan melanggar tata tertib semasa berada di dalam kamar. Ini adalah praktis yang dilakukan di United Kingdom kerana di United Kingdom mereka mengamalkan prinsip *the summary of parliament*. Parlimen United Kingdom adalah lebih tinggi daripada undang-undang ataupun perlembagaan negara berkenaan. Mahkamah di United Kingdom tidak boleh mengatakan sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh parlimen United Kingdom itu sebagai tidak sah. Ini adalah kedudukan istimewa yang ada di United Kingdom dan di Malaysia keadaannya berbeza di mana kita ada prinsip pengasingan kuasa dan kita tertakluk kepada *super mercy of the constitution* iaitu keluhuran perlembagaan dan di dalam negara kita keputusan yang dibuat oleh mahkamah persekutuan ini sebenarnya tepat iaitu di dalam perlembagaan dan juga undang-undang bertulis ada disebut bahawa Dewan harus memperuntukkan gaji

dan saraan kepada Yang Berhormat berkenaan melainkan kalau ada ditulis di dalam undang-undang ini bahawa Dewan boleh membuat keputusan untuk bukan sahaja menggantung seseorang Ahli itu malahan menggantung juga pembayaran gaji dan elaun dan sekiranya ini ada ditulis dalam Peraturan Tetap ataupun mana-mana undang bertulis maka kita boleh melakukannya tetapi malangnya kita tidak ada dan terpaksa kita mengikut keputusan daripada undang mahkamah persekutuan ini. Jadi perbezaannya di sini: satu; negara kita negara yang berdasarkan kepada keluruhan perlembagaan. Apa yang termaktub dalam perlembagaan itu, itulah yang tertinggi, undang yang tertinggi di Malaysia tetapi di United Kingdom tidak. Undang-undang yang diluluskan oleh parlimen tidak boleh dicabar melainkan undang-undang itu dirumus kembali oleh parlimen itu sendiri. Jadi saya kira itu adalah satu pengajaran yang wajar saya bangkit dan juga kongsi dengan rakan-rakan yang ada di sini dan dengan ucapan-ucapan di atas saya memohon Dewan ini kita lihat kembali sekiranya perlu kita boleh meminda undang-undang berkenaan tetapi sekiranya tidak perlu, kita kekalkan dengan keputusan ini dan kita bayar apa-apa yang tertunggak. Jadi saya memohon menyokong, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jika ada penggulungan daripada pencadang, tidak ada.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Dengan izin Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan saraan ataupun cadangan dengan merujuk kepada undang-undang di United Kingdom sebenarnya undang-undang di United Kingdom telah digariskan di dalam kes Govind Singh Deo yang mana mahkamah tinggi pada ketika itu dengan izin menyatakan bahawa; *United Kingdom wait holding the members allowance has become automatic consequence of suspension sees the passing of standing order number 45 A which was passed in 1998 which means to say that they had to be an express addition to the standing order of the house of common to allow especially for the withholding of numeration as an automatic consequence of suspension.* Dengan kata lain sekiranya Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat rasanya perlu kita mungkin kena kaji supaya kita meminda Peraturan-peraturan Tetap untuk memasukkan mana-mana klausa yang sesuai dan berkenaan. Berkenaan dengan saraan Yang Berhormat Sekinchan berkenaan dengan faedah 8% saya cadangkan supaya perkara ini boleh dibawa balik kepada jawatankuasa untuk perbincangan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dipersilakan pihak kerajaan jika ingin membuat penjelasan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Pihak kerajaan mengambil maklum akan pandangan dan juga keputusan jawatankuasa dan akan membincangkannya dan akan memberi maklum balas kemudian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu pembayaran kemudahan dan keistimewaan Ahli Dewan Negeri Selangor yang pernah digantung di negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.4 Tahun 2015”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Yang tak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA:Usul No. 10 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi / badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri (JP-BAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Selaman Sdn. Bhd. (SSB) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2015”.

Saya sini nak membuat satu *summary* sahaja untuk penyata ini. Penyata ini adalah berasaskan menggunakan Laporan Ketua Audit Negara 2013 tentang SSB (Selaman Sdn. Bhd.). kalau kita tengok satu pendengaran tertutup telah dijalankan pada 4 Februari 2015 (Rabu) untuk menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Selaman Sdn. Bhd. Apa yang kita mendapati daripada pendengaran tertutup dan audit ialah secara ringkasnya kelemahan-kelemahan yang disebut di audit ialah empat. Di mana ia senaraikan di muka surat 3 penyata tersebut. Pencapaian objektif penubuhan SSB secara keseluruhannya tidak dapat ditentukan. Yang kedua (kelemahan yang kedua) ialah SSB didapati bergantung pada projek penswastaaan ataupun usaha sama bersama PKNS ataupun syarikat lain. Kelemahan yang ketiga ialah kualiti projek pembinaan boleh dipertingkatkan lagi. Yang keempat ialah pengurusan bank tanah perlu dipertingkatkan.

Antara kelemahan-kelemahan yang kita dapati secara ringkasnya ialah penemuan Jawatankuasa ialah yang untuk kelemahan pertama ialah bahawa rancangan perniagaan SSB tiada penemuan kita adalah di muka surat 5 (6.1.3. bahawa SSB tidak dapat menentukan sasaran kuantitatif untuk projek-projek pembangunan). Ada projek yang tertangguh, ada yang dipatahkan. Penemuan yang kedua yang kita dapati ialah PKNS tidak dapat memastikan keberkesanan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh SSB sebab Selaman Sdn. Bhd. Adalah subsidiari PKNS. Yang penemuan ketiga ialah sepanjang tahun 2013, SSB hanya sebagai sebuah

syarikat hartanah pembangunan hartanah ia hanya dapat melaksanakan penjualan tanah sahaja. 3 ekar di Ampang Point. Itu bukan perniagaan teras SSB.

Seterusnya, saya terus pergi kelemahan kedua bahawa SSB bergantung terlalu banyak terhadap usaha sama. Jika kita tengok 6.2.1 kita dapat antara dapati bahawa antara tahun 1999 sampai 2013, SSB hanya telah melaksanakan 14 projek ini. Daripada 14 projek ini, 78.6% adalah secara penswastaan dan 21% sahaja yang PKNS boleh membangunkan dengan sendiri. Walau bagaimanapun, hanya 1 projek yang dibangunkan oleh SSB sebenar-benar sebab di antara 3 projek itu 2 telah dipatahkan, 1 telah dibatalkan, 1 telah ditangguhkan dan 1 yang dilaksanakan ialah yang dua itu projek Kaya Residency 1 di Kampung Jawa dan Klang. Yang projek ini pun tertangguh 52 bulan sebab ada masalah kebenaran merancang. Kenapa ada masalah itu? Masalah itu adalah di *detail* kan di 6.2.2 di mana Ahli Dewan Undangan Negeri boleh tengok. Apa yang kita tengok ialah perubahan CEO yang secara ringkasnya ialah perubahan CEO di SSB telah mengakibatkan *delay* ini kerana CEO yang pertama mahu Kaya Residency satu pembangunan yang berbeza dengan CEO yang kedua. So, mereka *submit* dua kali KM (kebenaran merancang) kepada PBT.

Penemuan yang kita boleh dapati ialah Ahli Lembaga Pengarah SSB tidak mempunyai kecekapan ataupun untuk menguruskan syarikat SSB bahawa dia boleh melaksanakan urusan pembelian tanah yang menguntungkan dan juga projek-projek pembangunan yang ada kesinambungan walaupun ada pertukaran CEO yang rancangan syarikat tidak sepatutnya ditukar-tukar.

Yang kelemahan ketiga yang kita tengok ialah kualiti projek pembinaan pun perlu dipertingkatkan lagi. Kita mendapati bahawa terdapat di projek kedai pejabat di Seksyen 7 Shah Alam ada 51 aduan dan aduan ini mengambil masa lebih daripada 60 hari untuk SSB untuk respons kepada aduan ini. SSB dengan ada teguran daripada audit, mereka telah membuat sedikit *improvement* di dalam SOP mereka so, mereka telah mengeluarkan satu SOP kepada mesyuarat ahli lembaga pengarah pada bulan Jun 2014. Penemuan yang kita dapati ialah bahawa Selaman ini telah bergantung terlalu banyak kepada syarikat induknya iaitu PKNS untuk menyediakan SOP ataupun menguruskan kontraktor dan Selaman tidak mampu lagi sekarang menguruskan kontraktor dan memastikan kualiti kerja.

Yang seterusnya kelemahan yang paling penting saya nak bangkitkan di sini ialah pengurusan bank tanah Selaman Sdn. Bhd. Kalau kita tengok muka surat 8 (*point* yang ketiga 6.4.1 semakan audit *point* yang ketiga). Yang insiden ini berlaku pada 24 September 2013 bahawa Lembaga SSB membuat keputusan untuk membatalkan pembelian tanah 3.2 ekar di Sungai Bakau Gombak daripada seorang individu kerana sebelum ini SSB telah memutuskan untuk menggunakan harga sebanyak RM16.71juta untuk membeli tanah tersebut. Tanah pasaran (harga pasaran tanah itu) ialah RM3.5juta. so, sekarang SSB nak membeli satu tanah yang

jauh dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran tanah dan tanah ini adalah tanah yang bermasalah. Bukan sahaja kita nak menggunakan harga tanah yang lebih tinggi untuk membeli tanah ini, tanah ini adalah tanah yang bermasalah sebab projek pelebaran jalan telah bermula pada 15 Mac 2013 dan tarikh tersebut telah tertera dalam papan tanda di tapak tanah tersebut. Tetapi SSB membeli tanah itu selepas projek ini tak bermula. Dia membeli tanah itu pada 24 April 2013. Oleh sebab harga ini terlalu tinggi, SSB pun tak boleh dapatkan *loan* (pinjaman bank) dan dia terpaksa membatalkan pembelian tersebut dan hilang deposit RM1.6juta dan juga menanggung kos berjumlah RM20ribu untuk tujuan penyiasatan tanah.

Kita dapati bahawa pembelian tanah yang cuai seperti berikut adalah dua. Yang pertama ialah harga pasaran membeli tanah harga pasaran yang jauh lebih tinggi. Yang kedua ialah membeli tanah yang sudah terlibat dalam kerja pelebaran jalan. Sepatutnya sebelum pembelian tanah, papan tanda sudah ada tertera di tapak tersebut dan SSB masih lagi beli. So, ini memang kecuai. So, penemuan jawatankuasa ialah SSB cuai dalam melaksanakan pembelian tanah bukan sahaja Sungai Bakau yang saya jelaskan tadi, Sungai Merab juga (di *point* kedua saya tidak nak memanjangkan), tapi ini cuai. Memang cuai dalam pembelian tanah dan jawatankuasa tidak menolak kemungkinan pembelian tanah ini berlaku bukan kerana kecuai, dikhuatiri terdapat pihak yang mengaut keuntungan daripada keputusan tersebut.

Kita juga mendapati bahawa walaupun kita SSB melibatkan kerugian sedemikian, tiada kakitangan di SSB yang menghadapi tindakan disiplin untuk bertanggungjawab terhadap pembelian tanah ini yang menyebabkan SSB mengalami kerugian.

Saranan kita. Yang pertama, kedua, ketiga, keempat adalah pengurusan dan yang paling penting yang kita (jawatankuasa) nak menyarankan kepada kerajaan ialah yang saranan nombor 5 muka surat 9. Atas semangat akauntabiliti, kerajaan negeri hendaklah menyiasat sama ada penyelewengan atau kecuai berlaku dalam urusan pembelian tanah Sungai Merab dan Sungai Bakau. Kerajaan negeri hendaklah memastikan supaya tindakan yang sewajarnya diambil kepada sesiapa yang bertanggungjawab dalam pembelian tanah tersebut kerana ia mengakibatkan kerugian SSB.

Kerajaan negeri juga hendaklah mengambil langkah-langkah berpatutan untuk memastikan kecuai dalam melaksanakan pembelian tanah Sungai Merab dan Sungai Bakau tidak berlaku lagi. Bukan sahaja di SSB, tetapi juga di PKNS dan juga anak-anak syarikat yang lain. Demikianlah usul saya dan mohon Dewan yang mulia ini untuk menerimanya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya sokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Usul ini telah disokong, saya buka untuk perbahasan. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kinrara bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Damansara Utama berkenaan Penyata Selaman Sdn. Bhd. Saya merujuk kepada salah satu saranan jawatankuasa bahawa kerajaan negeri hendaklah memastikan PKNS hendaklah memantau dan meneliti subsidiarinya. Tetapi soalannya adalah kerajaan negeri mempunyai ratusan anak-anak atau cucu syarikat. Sejauh manakah keberkesanan pemantauan untuk semua syarikat GLC ini?

Pada sesi sidang yang lepas, JP-ABAS pernah membentangkan satu penyata tentang cadangan penstrukturan semula anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor. Dari kes Selaman Sdn. Bhd. Jelasnya ada keperluan kerajaan negeri memandang serius tentang cadangan ini. Kita tidak perlu mempunyai banyak anak syarikat kerajaan dalam bidang yang sama. Anak-anak syarikat dalam bidang sama perlu disatukan supaya kerajaan negeri dapat memantau pengurusan dengan lebih baik. Dan untuk mengelakkan anak syarikat yang tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi menceburi dalam projek yang tidak memberi manfaat kepada kerajaan negeri Selangor.

Dari jawapan untuk soalan bertulis yang saya baru terima tentang anak-anak syarikat negeri yang telah memberi dividen bagi sebagai pulangan pelaburan kepada kerajaan negeri dari tahun 2004 dan hingga 2014. Yang ini soalan bertulis (jawapan soalan bertulis) yang saya baru terima dalam sidang dewan ini. Saya amat terkejut dengan jawapan ini bahawa dalam 10 tahun yang lepas, tiada sebuah anak syarikat kerajaan yang pernah memberi pulangan pelaburan kepada kerajaan negeri kecuali Kumpulan Semesta pernah beri dividen kepada MBI. Dalam situasi sebegini adakah kerajaan negeri masih memerlukan ratusan anak syarikat GLC?

Dengan ini, Kinrara berharap kerajaan negeri akan menjalankan satu *corporate restructuring exercise* (dengan izin) pada masa yang paling dekat. Di samping itu pelantikan CEO atau ketua untuk syarikat GLC perlu dibuat melalui *open recruitment* (dengan izin) supaya kita boleh dapat kepakaran yang sesuai untuk mengetuai sesebuah syarikat. Sekian, Kinrara menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya di depan sahaja. Selamat pagi saya hanya hendak membangkitkan satu perkara yang saya perhatikan di muka surat pertama, bahawa SSB ini adalah hanya dimiliki 60% oleh PKNS, tetapi 40% baki dimiliki oleh Puncak Exotika Sdn Bhd dan di sini saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kerajaan dan Syarikat Puncak Exotika Sdn Bhd ini adalah syarikat milik kerajaan ataupun syarikat milik persendirian oleh orang luar. Yang saya ingin nak

tahu kenapa kita masih lagi membuat peniagaan seperti ini di mana projek-projek yang dibangunkan, kenapa PKNS perlu mendapatkan penglibatan *partner* di luar yang saya lihat daripada peniaga ini tidak menyumbang apa-apa kepakaran untuk membangunkan projek ini perlu disiasat dan cadangan saya untuk bergerak ke hadapan PKNS saya jangka ada keupayaan kewangan dan kebolehan untuk melaksanakan projek-projek ini tanpa mengadakan syarikat anak syarikat seperti ini di mana 40% dimiliki oleh pihak lain. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya cuma ingin menarik terhadap saranan jawatankuasa untuk perkara 1 yang mana Kerajaan Negeri melalui PKNS hendaklah memastikan SSP menentukan dan mencapai sasaran kuantiti untuk projek-projek pembangunan jadi saya ingin tahu sebenarnya apakah peranan SSP ini sebab sekiranya dilihat kepada objektif penubuhannya nampaknya pada pandangan saya dia lebih kepada merupakan satu *in house developer* dengan izin untuk PKNS dan peranan yang dimainkan adalah bertindih jadi sebelum ini yang Y.A.B. Menteri Besar telah jelaskan bahawa anak syarikat ataupun subsidiari yang berkaitan hendak terlibat dalam bidang-bidang yang strategik. Jadi apakah Kerajaan Negeri khasnya PKNS akan mengkaji semula macam mana untuk menetapkan hala tuju untuk SSB ini supaya tidak berlaku lagi, banyak yang kita nampak kegagalan dalam pelaksanaan projek dan khasnya saya amat tertarik dengan *point* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama dalam urus niaga tanah itu sendirinya bahawa siasatan dan kajian tidak dijalankan dengan teliti sebelum kita melaksanakan satu transaksi dan akhirnya kerugian itu ditanggung oleh subsidiari dan akhirnya sebenarnya kerugian itu dibawa kepada rakyat di Selangor ini secara amnya. Itu saja yang saya ingin bangkitkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan penyata. Apa yang telah dikemukakan pada hari ini, ialah bukti yang nyata bahawa pada pentadbiran yang lalu yang lepas. Kebanyakan anak syarikat Perbadanan Negeri Selangor ini, boleh katakan pergi *right*, pergi *right* ataupun ditanggung oleh syarikat-syarikat swasta ataupun individu yang tertentu ataupun *political cable* dengan pemimpin-pemimpin politik di negeri Selangor. Jadi sebagai contohnya PKNS memegang mempunyai pegangan yang tinggi 60% berbanding dengan Puncak Exotika tapi apabila *company* profil telah meningkat projek telah berjalan dengan baik maka pelepasan pegangan ekuiti berlaku itu dengan begitu mudah. Dan dalam kes-kes yang lain yang telah dikaji diadakan pendengaran tertutup dengan tertutup oleh pihak JB ABAS nyata bahawa seolah-olah penubuhan itu dan ke arah pelepasan pegangan

majoriti ekuiti itu dilakukan secara terangsang terancang dan tidak disedari oleh rakyat. Jadi ni satu perkara yang klasik kes yang telah kita kaji telah kita kaji secara mendalam daripada laporan ketua audit negara negeri Selangor, mungkin juga daripada pendengaran dalaman yang menunjukkan bahawa rekod telah nyata bahawa tidak ada pegangan ekuiti pemberian dividen dibayar balik oleh anak-anak syarikat yang telah berjaya, sebaliknya yang berlaku yang dinyatakan dengan oleh Kinrara tadi syarikat di peringkat anak, di peringkat cucu memang *by design*, sengaja diwujudkan oleh sebab untuk melepaskan *investment* sebenarnya tidak wajar tapi telah berlaku dan akan memastikan kos setiap syarikat itu di kembangkan secara *vertical* dengan izin. Jadi ini saya ingin tekankan bahawa amalan ini yang menjadikan JP ABAS telah menekankan dan telah mengemukakan penyata usaha penyata kepada sidang yang lepas bagi pihak kerajaan untuk meneliti semula program penstrukturan anak-anak syarikat negeri Kerajaan Selangor. Jadi kita harap dengan penyata ini sekali gus dibawakan dengan penyata yang lepas dan *respon* maklum balas daripada pihak EXCO perihal pentingnya kita memastikan setiap ringgit yang dicurahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui GLC melalui aktiviti sama ada pinjaman ataupun suntikan modal pembiayaan ataupun kerjasama usaha sama mana-mana projek bertujuan untuk kepentingan rakyat negeri Selangor melalui Kerajaan Negeri Selangor dan yang satu ini tegaskan sebagaimana contoh dalam muka surat 3 penemuan audit. Audit telah menegaskan 4 perkara ini merupakan 4 perkara yang kritikal dan dalam perbincangan pendengaran dalam bersama dengan audit. Kita faham dan kita telah menyelami, jawatankuasa telah menyelami bahawa audit agak dingin dalam konteks pendedahannya laporannya GLC-GLC negeri Selangor dan umumnya di Malaysia. Jadi kalau nak gunakan pakai *standard* yang lebih ketat, kemungkinan besar sebahagian besar daripada anak-anak syarikat ini, melakukan kesalahan yang lebih besar. Jadi dengan itu jawatankuasa ABAS menganggap tanggungjawab dewan kepada rakyat Negeri Selangor untuk memastikan satu *standard* yang lebih ketat, itulah sebabnya jawatankuasa JP-ABAS ini di antara jawatankuasa yang aktif mengemukakan usul-usul penyata-penyata bagi menekankan perihal pentingnya kerajaan yang dibantu oleh Sidang Dewan oleh Dewan Negeri Selangor melalui *SELCAT Committee* antara lain JP-ABAS ke arah untuk memantapkan lagi pengawasan penguasaan dan kawalan terhadap GLC dan oleh kerana itu kita amat terkejut lihat muka surat 5,(6.1.3),3 sepanjang tahun 2013. SSB hanya melaksanakan penjualan tanah 3 ekar di Ampang Point dengan harga yang cukup rendah, yang cukup mengejutkan kita dan kita ingin mencari jalan kemudian selepas ini mengadakan pendengaran tertutup lagi untuk bagi memastikan adakah penjualan tanah dengan harga sedemikian rendah itu walaupun sudah lengkap dari segi perjanjiannya dimuktamadkan secara muktamad boleh di *review* semula. Jadi ini satu perkara yang ingin kami tegaskan dan dengan itu saya menyokong agar penyata ini diterima.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Ijok dulu

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Saya rujuk muka surat 9.643.2 menyatakan tiada kakitangan di SSB yang menghadapi tindakan disiplin untuk bertanggungjawab terhadap pembelian tanah ini menyebabkan SSB mengalami kerugian. SSB ialah anak syarikat PKNS menggunakan kerugian ialah duit rakyat, jadi saya nak tahu dari kerajaan kenapa tiada tindakan telah dilakukan pada orang-orang yang membuatkan kerugian duit rakyat. Nombor dua saya nak tahu sama ada kakitangan yang melakukan yang yang masalah ini terjadi masih dalam khidmat, sekian. Itu sahaja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Kampung Tunku dulu

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya singkat sahaja, terima kasih Speaker, Timbalan Speaker, saya mengambil fasal saya akan mengambil daripada sudut yang berbeza daripada ahli-ahli terhormat yang lain merupakan ahli jawatankuasa itu, iaitu tetapi tadi telah pun disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, sebagai pengerusi di mana tahap audit yang dijalankan dalam syarikat ini, saya sedikit berbeza dengan pendapat Yang Berhormat Hulu Kelang di mana saya kira Audit telah menjalankan tugas cuma persembahan audit itu mengelirukan, kerana kalau kita baca, ini menjadi amalan setiap ahli Yang Berhormat sekiranya apabila membaca laporan audit termasuk juga media dan orang ramai awam kita akan baca rumusannya, rumusan di depan kita baca penghakiman pun kita baca di depan sahaja, tapi jarang kita merujuk pada apa yang dilaporkan di belakang. Kepincangan-kepincangan Selaman Sdn Bhd ini diketahui dan dikesan semasa ahli-ahli jawatankuasa meneliti apa yang dilaburkan di belakang. Dan kalau kita baca laporan audit pada muka surat berapa sv berapa 15, dalam laporan audit peranan 4.2 saya memetik yer, 4.2 Pengauditan yang dijalankan pada bulan November bla bla bla bla bla. Secara keseluruhannya tadbir urus korporat SSB didapati baik. Selain itu SSB itu perlu berusaha meningkatkan prestasi capai objektif utama syarikat. Jadi komen audit adalah bahawa tadbir urus korporat SSB didapati baik tapi bilakah bila kami mengupas apa yang berlaku di belakang itu yang sedikit yang mengejutkan kami jawatankuasa oleh sebab itu saya mengambil kesempatan ini dengan sudut perbahasan ini sedikit berbeza bahawa kerajaan dan juga audit haruslah semasa menyiapkan laporan audit perlu mempersembahkan satu gambaran yang tepat kepada keseluruhan audit yang dijalankan. Kalau ayat tadbir urus korporat baik seolah-olah menunjukkan bahawa Selaman tak ada masalah pada halnya ada masalahnya. Jadi saya memohon supaya kita semua mengambil iktibar termasuk juga jawatankuasa-jawatankuasa yang lain dalam memeriksa laporan audit ini kita kena baca secara keseluruhan. Jadi itu sahaja pemerhatian saya. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana beri peluang kepada pembangkang juga untuk bahas

dalam isu ataupun usul yang dibawa oleh apa ni oleh JP-ABAS. Bagi pihak BN kita alu-alukan apa juga rumusan dan juga dapatan yang dibuat oleh jawatankuasa ABAS khususnya mengenai Syarikat Selaman Berhad. Memang bagi pihak kita agak mengejutkan apabila tadi saya dapat Kampung Tunku punya laporan bahawa audit kata bagus, Damansara Utama pula kata dalam tahun 2 tahun yang lepas Syarikat ini tahun 2013 SSB hanya melaksanakan penjualan tanah 3 ekar di Ampang Point sebagai transaksi dan yang bukan syarikat teras hartanah pendapatan ini jelas menunjukkan bahawa saya kena ingat dulu suatu Pelabuhan Klang menjadi Menteri Besar menerajui Kerajaan Pakatan Rakyat memang saya rasa amat yakin bahawa pada waktu itu satu sikap ketelusan dan kredibiliti yang dikenalkan kepada pentadbiran kerajaan amat dialu-alukan tapi yangmenunjukkan terdapat banyak berlaku ketirisan–ketirisan dari segi apa ini pengurusan anak-anak syarikat yang mana akhirnya dewan didedahkan bahawa SSB akhirnya mengalami kerugian 1.67 juta dalam menuntut deposit yang terpaksa dilupuskan. Jadi ini sudah tentulah wang rakyat yang sudah dibazirkan dan saya nak bertanya apakah rakan-rakan lain juga, bagaimanakah tindakan yang akan diambil pengurusan syarikat ini. Saya nak bertanya bagaimana syarikat ini menjalankan kalau tidak ada aktiviti perniagaan tidak ada aktiviti-aktiviti sokongan yang boleh apa ni menguruskan syarikat ini bagaimana kakitangan syarikat ini dibayar gaji. Saya pun hairan kalau tidak ada aktiviti hanya dengan jual tanah bagaimanakah kakitangan syarikat ini diuruskan membayar elaun, membayar gaji, membayar pengurusan dan berbagai-bagai bentuk. Ini satu perkara yang agak rumit misterilah kepada saya, jadi bagaimana diuruskan syarikat ini dengan tidak ada aktiviti dan penjualan ini dan saya nak menyebut juga ketelusan ini kerana hari ini saya nak jauh sedikit kalau boleh Tuan Timbalan Speaker benarkan bahawa mengenai laporan.

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jangan jauh sangat. Berikan topik saja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sikit saja. Pun melibatkan laporan audit yang melibatkan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Yayasan Selangor, yang sudah di umum dalam laporan audit melibatkan kerugian hampir enam juta, melibatkan bangunan terbengkalai bertahun-tahun. Saya pun dah bangkitkan dalam dewan ini bertahun-tahun terbengkalai tidak ada pendapatan di kawasan bangunan menara Yayasan Selangor di sebelah kawasan Lot 10 Kuala Lumpur yang sepatutnya menjadi kawasan komersial.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta Penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Adakah Yang Berhormat Permatang sedar bahawa JP-ABAS dalam merangka mengadakan pendengaran-pendengaran dalaman dengan Yayasan Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak termasuk Jawatankuasa ini mungkin saya tak maklum. Tapi eloklah untuk diambil perhatian oleh Jawatankuasa ini bahawa sebenarnya kerugian inilah yang hendak kita lihat supaya pembaziran ini bertahun-tahun, bangunan ini dah dibina bertahun-tahun yang sepatutnya mendapat pendapatan dan akhirnya terbengkalai. Begitu juga dengan asrama Yayasan Selangor Kampung Pandan yang juga hari ini akhirnya tak dapat tak ada *student*, bangunan terbengkalai dan inilah yang sebenarnya yang kita harapkan kerana dewan ini, jawatan-jawatankuasa ini dapat memberikan satu cadangan dan rumusan supaya pembaziran ini ataupun perkara-perkara penyelewengan ini. Saya nak mintalah Yang Berhormat Pengerusi, Timbalan Speaker berkenaan dengan SSB ini yang mengenai tadi apa yang di sebut nama jawatankuasa yang kelima atas semangat akauntabiliti tadi. Saya habiskan sedikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi habis dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dari segi penyelewengan, kalau jawatankuasa mendapati ada unsur-unsur penyelewengan atau pun kecuaiian berlaku saya cadangkan apa salahnya tindakan-tindakan bukan setakat tindakan dalam syarikat saja perlu diambil tindakan disiplin, laporan kepada suruhanjaya pencegahan rasuah Malaysia kena dibuat. Biar kita lihat bahawa ini adalah satu pengajaran kepada kita. Kalau kita buat satu tindakan yang agresif, bukan agresif yang wajar kita buat maka akan menjadi satu panduan juga.

Y.B. PUAN GAN PAI NEI: Saya mohon penjelasan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok.

Y.B. PUAN GAN PAI NEI: Saya rasa cadangan Yang Berhormat Permatang itu adalah bagus kalau ada kecuaiian, ketirisan, penyelewengan, kita dilapur kepada SPRM dan agensi berkenaan untuk tindakan. Termasuk di dakwa ke mahkamah dan sebagainya. Adakah cadangan ini juga dipanjangkan kepada Kerajaan Persekutuan yang mana Jabatan Audit Negara setiap tahun kita nampak ada ketirisan. Itu yang saya ingin Permatang nyatakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Terima kasih Rawang. Dalam isu mengenai ketelusan ini panjang cerita ini Tuan Speaker. Dari segi ketelusan pada saya lah saya, kitalah tidak pernah berkompromi daripada apa-apa pun penyelewengan. Mana-mana jabatan sama ada negeri persekutuan itu menjadi teras perkhidmatan kita. Kita tidak akan berkompromi, kita tidak akan bersetuju pun mana-mana pihak dilindungi biar di kemukakan dan biar satu tindakan diambil sebagai satu peringatan dan juga tindakan yang wajar. Jadi saya setuju kalau Rawang kata laporan saya bersetuju. Mana-mana juga jabatan kalau berlaku

ketirisan, kecuaiian, penyelewengan kita tidak akan boleh nak *cover up* lagi. Jadi mesti dilaporkan dan biar pihak berwajib SPRM mengambil tindakan dan juga membuat apa-apa juga tindakan mahkamah dan sebagainya juga supaya satu peringatan supaya kita benar-benar melaksanakan. Kalau kita tidak ada satu tindakan yang betul-betul keras, jelas maka akhirnya perkara-perkara sebegini akan berlaku lagi di banyak tempat di banyak anak syarikat GLC lagi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya memang setuju dengan YB Permatang bahawa tindakan yang keras kena diambil. Adakah YB Permatang setuju dalam pentadbiran Pakatan Rakyat kita dengar dengan adanya JP-ABAS dengan adanya penyata-penyata dikeluarkan yang kerajaan ini adalah lebih telus dan terbuka dan kita bukan sahaja menjadi cop menjadi setem untuk kerajaan kita tetapi kita menunggu juga dengan pentadbiran yang sedia ada.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dari segi ketelusan saya tidak ada pertikaikan, masalah yang ini yang berlaku Pakatan Rakyat menjadi kerajaan. Isu Selaman ini pun waktu Pakatan Rakyat menjadi kerajaan. Isu terbenkhalainya Yayasan Selangor yang saya bangkitkan tadi pun waktu Pakatan Rakyat jadi kerajaan. Saya ada dua.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tapi dia ada mekanisme di Parlimen untuk membuat penyata dan maklum balas dan seterusnya. Adakah YB Permatang bersetuju bahawa Parlimen juga kena membuat sedemikian untuk ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang pertama saya bukan Ahli Parlimen. Bukan Ahli Parlimen, yang kedua tak ada masalah. Saya kalau perkara yang benar dan saya fikir baru ini pun semalam dan kelmarin Ketua Setiausaha Negara telah buat kenyataan dia akan panggil semua siasatan semua kementerian jabatan yang terlibat dari segi teguran audit akan di buat laporan oleh ahli-ahli di panggil untuk diberi penjelasan. Saya rasa PAC di Parlimen pun menjalankan peranan yang sama. Panggil semua kementerian, ada sepuluh kementerian yang akan dipanggil. Jadi dari segi isu tak, tak timbullah tapi saya rasa yang apa berlaku hari ini, saya alu-alukan sebab itu ucapan dasar saya tadi, awal tadi saya kata saya alu-alukan JP ABAS walau saya ucap terima kasih. Tetapi saya nak beritahu juga peristiwa ini, perkara ini berlaku diwaktu Pakatan Rakyat menjadi kerajaan. Jadi saya fikir itu menjadi satu jawapanlah. Jadi saya ingat Tuan Speaker itu sajalah perbincangan saya, saya ucapkan terima kasih. Terima kasih.

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya persilakan pihak kerajaan jika ada penjelasan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Damansara Utama, kepada Bukit Gasing, Kinrara Hulu Kelang, Kg. Tunku, Ijok dan Permatang yang telah dan juga Rawang yang telah memberikan pandangan mereka dan saya

mengucapkan terima kasih di atas penemuan-penemuan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa. Ada empat kelemahan yang telah digariskan di sini dan terima kasih kerana daripada empat kelemahan itu terdapat enam saranan yang perlu diambil oleh pihak kerajaan. Untuk makluman empat puluh persen atau empat puluh peratus Punca Eksotika asalnya adalah milik sepertimana di soalkan tadi adalah milik Arab Malaysia Development Bank Bhd. Itu lah empat puluh peratus itulah asal pemilik empat puluh peratus tersebut. Selaman Sdn. Bhd sepertimana yang kita semua tahu, seperti mana yang diumumkan dalam jawatankuasa ini adalah telah ditubuhkan pada 1997. Kerajaan Negeri melalui PKNS menerima saranan J/Kuasa untuk meningkatkan pemantauan dan menambahbaikkan pengurusan dan kecekapan syarikat bagi memastikan kebolehan keuntungan dan operasi Selaman dicapai berpaksikan akauntabiliti dan tadbir urus yang cekap. Selanjutnya ke arah ini pihak Selaman telah merangka pelan strategik yang merupakan sebuah dokumen hala tuju Selaman Sdn. Bhd dalam masa lima tahun yang amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan sumber rujukan dalam mencipta dan membentuk hala tuju dan budaya kerja bagi memastikan kesinambungan dan *survival* syarikat. Pelan strategik ini mensasarkan untuk menjadikan Selaman Sdn. Bhd. Sebagai sebuah syarikat yang teguh dan berdaya saing bagi merealisasikan misi dan visi yang digariskan. Empat objektif strategi telah dikenal pasti iaitu memuktamadkan model pembangunan di atas tanah-tanah milikan syarikat. (b) meneroka peluang-peluang pembangunan atau perniagaan baru bagi memastikan kesinambungan dan meningkatkan aktiviti syarikat. (c) memperkasakan pembangunan modal insan dan transformasi sistem pengurusan operasi syarikat. (d) memantapkan keupayaan sumber dan pengurusan kewangan syarikat. Strategik ini mengandungi pelan tindakan, strategik ini juga mengandungi pelan tindakan bagi menyokong objektif strategik yang dapat memantapkan tahap pencapaian prestasi kewangan projek dan operasi serta pentadbiran syarikat secara keseluruhannya. Dibangkitkan juga tadi oleh Ijok tentang apakah tindakan yang telah diambil ke atas pegawai-pegawai atau mereka-mereka yang terlibat dalam kes ini. Saya rasa kita telah dapat akan penemuan-penemuan audit oleh jawatankuasa ini dan selepas ini pihak kerajaan kita akan mengambil tindakan atau *we will act appointthe suggestion* atau pun dengan izin oleh pihak jawatan kuasa. Berkenaan dengan pemantauan ratusan GLC yang ini sedang juga diperhatikan oleh pihak kerajaan sama ada penstrukturan semula itu perlu dilakukan seperti mana yang dicadangkan bahawa terdapat banyak GLC yang di dalam *business* yang sama mungkin perlu disatukan *business* tersebut di bawah satu payung. Terima kasih juga Permatang, saya rasa banyak juga yang dibincangkan atau yang di bahaskan itu menjangkau lebih luar daripada apa yang dibentangkan oleh jawatankuasa. Tapi tak apalah kita dengar sebab ini akan memberikan satu penambahbaikan kepada pentadbiran kerajaan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Permatang, dan mungkin layak menjadi Pengerusi PAC lah kalau macam ini. Mungkin kena turun ke depan bukan duduk belakang. Walau bagaimana pun kerajaan negeri mengambil maklum tentang masalah-masalah contohnya dari segi pulangan yang sepatutnya ratusan syarikat-

syarikat anak dan cucu dan cicit ini sepatutnya diberikan kepada kerajaan. Ini semua akan diambil maklum akan dibincangkan dan kerajaan akan mengambil tindakan. Terima kasih.

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan agensi badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Selaman Sdn. Bhd (SSB) yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat 10 tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul di persetujui.

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA: Seterusnya usul nombor 11 tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA: Usul ini telah ditarik balik oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA: Usul nombor 12 tahun 2015 usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut.

“ Bahawasanya menurut peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa pilihan khas mengenai sumber pengurusan air mentah Selangor. (*Select Committee On RawWater Resources Management Of The State Of Selangor.JPK-SAM*. Bagi dewan Negeri Selangor berhubung gangguan bekalan air tidak berjadual di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang di sebabkan pencemaran di Sungai Semenyih yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 13 tahun 2015. Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian. Saranan yang dibekalkan didalam penyata ini adalah amat *straightto the point* dengan izin. Perkara ini saya fikir telah pun banyak dibincangkan sebelum ini oleh di soalan-soalan dewan tetapi izinkan saya *go through* lima saranan oleh jawatankuasa ini.”

Yang pertama - jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri menggesa Jabatan Alam Sekitar mendakwa Genesis Aluminium Sdn. Bhd. di mahkamah. Kerajaan Negeri Selangor agak tegas ke atas mereka yang telah mencemar air sungai Selangor. Pada saranan ini kami mengucapkan terima kasih kepada Yang

Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mengumumkan sewaktu sidang dewan minggu lepas bahawa tindakan untuk memberhentikan operasi kilang ini telah di jalankan. Kerajaan negeri Selangor patut tegas kepada insiden-insiden lain pencemaran di Sungai Semenyih kerana sedikit pencemaran boleh mengganggu operasi loji rawatan air dan menyebabkan gangguan bekalan air kepada ratusan ribu penduduk di Negeri Selangor seperti apa yang kita lihat. Apa yang kita nampak pada dua bulan yang lepas sebanyak lima gangguan bekalan air disebabkan oleh pencemaran dan satu gangguan disebabkan oleh paip yang pecah. Jadi lima gangguan dalam masa kurang daripada dua bulan adalah satu perkara yang amat serius. Kami berharap insiden-insiden pencemaran ini tidak akan dikenakan tindakan biasa yang mungkin lambat tetapi kita akan mengambil tindakan pro aktif menggunakan kreativiti kita untuk melaksanakan pelbagai cara undang-undang seperti menggunakan Pihak Berkuasa Tempatan yang mengawal lesen perniagaan dan lesen-lesen kilang. Saranan yang kedua ialah Jawatankuasa mencadangkan supaya projek-projek stesen teluk pengukur atau pun gerges luas dipercepatkan supaya pencemaran dapat dikesan lebih awal dan langkah-langkah mitigasi dapat diambil lebih cepat.

Tuan-tuan dan puan-puan cukup maklum Sungai Semenyih ini adalah satu sungai yang panjang dan di sepanjang sungai yang panjang ini terdapat banyak kemungkinan berlakunya pencemaran dan tidak semestinya di muka sauk yang air di ambil untuk loji rawatan air. Jika pencemaran berlaku *up stream* dengan izin sepuluh jam lebih awal daripada tempat pengambilan air ia haruslah dikesan dengan lebih awal. Kita boleh memasang teluk pengukur untuk mengesan insiden pencemaran supaya tindakan untuk pencairan ataupun tindakan-tindakan kimia lain yang kita boleh buat untuk mengatasi pencemaran ini boleh dilakukan. Dengan rizab margin yang sangat-sangat rendah di Sungai Semenyih di mana hampir loji rawatan ini kena *operate* dengan seratus dua puluh peratus daripada kapasiti *design* nya. Kita tidak boleh mengambil risiko untuk yang boleh menjejaskan bekalan air sebab dia bukan melibatkan....

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minta duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan jam 1.00 petang dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan Selamat Petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, saya hanya tinggal satu lagi *point* yang saya nak buat kita menjurus kepada saranan terakhir bahawa Jawatankuasa mencadangkan supaya unit pengesanan pesalah-pesalah, penguatkuasaan terhadap mereka dilakukan dengan lebih efektif. Saya tahu daripada penjelasan Yang Berhormat Bukit Lanjan terdahulu bahawa memang banyak usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menangkap pesalah-pesalah yang mencemarkan Sungai Semenyih. Saya tahu kita bekerja siang dan malam tetapi mungkin itu, *its not enough* lah dengan izin. Kita perlu memastikan bahawa memang langsung tidak ada apa-apa pencemaran yang tidak ditangkap. *The crisis management* dengan izin mesti ditingkatkan dengan lebih baik.

Pada tahun ini kita mendapat pencemaran mangan yang sebelum ini tidak kita alami, kita selalu ada pencemaran ammonia, tumpahan minyak dan sebagainya tapi mungkin ada pencemaran jenis lain yang akan timbul kita perlu *react* dengan lebih cepat terhadap apa-apa pencemaran yang mungkin berlaku kerana kita tidak ada rizab yang cukup di Sungai Semenyih dan loji rawatan Sungai Semenyih. *So the crisis management is very-very important.* Jika apa-apa masalah yang baru yang timbul yang lain yang timbul kita mesti *react* dengan sangat cepat ambil lah profesional. *I think* berbaloi kita mengajikan beberapa profesional yang boleh menguruskan *crisis management* ini untuk mencari penyelesaian yang cepat dalam beberapa jam masalah ini mesti diatasi bukan beberapa hari ataupun beberapa minggu. Pihak Berkuasa Tempatan di sepanjang semua sungai kita mesti bersedia untuk mengambil tindakan untuk membantu, kalau kita perlu kita, kita perlu menghentikan lesen mana-mana kilang mesti kita berani untuk membuatnya dengan cepat dan bukan selepas beberapa hari ataupun beberapa minggu supaya kita menjamin pembekalan air yang sentiasa ada dan tidak terputus. Jadi itulah perbincangan saya. Saya mohon mencadang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, oleh kerana Usul telah disokong, saya persilakan untuk perbincangan. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya hanya nak menambah sedikit tentang penyata ini adalah menegaskan bahawa saranan muka surat 8, 9.1 bahawa Kerajaan Negeri mengesah bahawa Jabatan Alam Sekitar Selangor untuk mendakwa Genesis Aluminium Industri Sdn. Bhd. Saya telah tahu

bahawa, bahawa Kerajaan Negeri telah menarik balik lesen itu. Saya memang tengok ini adalah tindakan yang tegas dan saya nak mencadangkan Kerajaan untuk membuat ini berterusan supaya semua, semua kilang-kilang yang mengeluarkan dan mencemarkan kilang menarik balik lesen mereka.

Saya nak memberi sedikit pandangan apabila kita sebagai Pengerusi JPK-SAM apabila kita membuat pendengaran beberapa agensi yang salah satu *problem* yang mereka hadapi ialah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan juga UPEN dia ada beberapa fungsi yang bertindih. So, sebagai contoh ya, apabila kita menanya tentang siapakah yang bertanggungjawab untuk menguatkuasa pencemaran? Jabatan Alam Sekitar Selangor kata itu kuasa LUAS tapi LUAS berkata ini isu Jabatan Alam Sekitar Selangor. Ini lah yang tiada *ownership* di antara agensi yang ada masalah yang mengakibatkan masalah bahawa apabila pencemaran berlaku. Kedua-duanya berkata bukan tanggungjawab saya. So, saya menyeru kepada Kerajaan boleh ada satu siapa yang bertanggungjawab menentukan siapa yang bertanggungjawab. Saya sini nak memberi sikit apa yang kita fahami yang kita kalau kita tengok saranan muka surat 8, 9.4 Jawatankuasa mencadangkan supaya Undang-undang yang lebih ketat, kita tidak spesifik sini kerana kita pun tidak tahu bahawa siapakah yang bertanggungjawab. Saya nak sini membentangkan sikit tentang kenapa kita kata Undang-undang sahaja tidak tetapi tak ada spesifik kerana apa yang kita *gather from our* pendengaran adalah di mana Akta Kualiti Alam Sekeliling di mana ia adalah Undang-undang Persekutuan, seksyen 25 ada yang mengawal pencemaran pengairan. Seksyen 27, Akta Kualiti Alam Sekitar pun melarang pelepasan minyak, 29 melarang pelepasan buangan dan seksyen 51, memberi kuasa kepada Menteri Alam Sekitar untuk membuat peraturan-peraturan untuk melindungi alam sekitar termasuk air daratan.

Di seksyen 51 inilah yang ada peraturan-peraturan yang set piawaian untuk pengeluaran *effluent* yang menjaga pengeluaran *effluent* kilang-kilang ataupun loji rawatan kumbahan tetapi ini Akta Persekutuan, itu Akta *under* Jabatan Alam Sekitar Selangor tapi *under* LUAS kita ada enakmen. Di mana enakmen ini diberi kuasa atas Perlembagaan Persekutuan di mana Jadual 2 Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa Negeri yang ada kuasa untuk air tetapi tidak termasuk bekalan dan perkhidmatan air.

So, *under* enakmen LUAS ini, kalau kita tengok Seksyen 78, sekatan terhadap pencemaran dan 79 larangan pencemaran sesuatu sumber yang ini juga, izin kan saya untuk membaca sikit yang enakmen ini. Ia berkata bahawa Lembaga bolehlah setelah berunding dengan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar menetapkan syarat-syarat yang boleh diterima untuk pemancaran, pelepasan ataupun pendepositan bahan buangan oleh mana-mana orang ke dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan atau bahagiannya dan seterusnya banyak lagi yang, yang seksyen ini adalah untuk menghalang orang daripada memberi, daripada melepaskan

pencemaran kepada sungai yang sesiapa yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya RM3,000.00 setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga mengehendaki pematuhan tersebut dan seksyen 79 juga sama bahawa kita *under enactment* LUAS, kita boleh mendakwa orang yang mencemar sungai tersebut tetapi apabila pencemaran sungai Semenyih berlaku, apabila kita menanya sama ada kita boleh menggunakan enakmen tersebut jawapan yang kita dapat ialah LUAS tidak ada kuasa. Kuasa ini dalam Jabatan Alam Sekitar Selangor tapi kita tanya Jabatan Alam Sekitar Selangor apa yang kita dapat ialah LUAS ada kuasa. So, sebab ini lah, 9.4 saranan 9.4 adalah sangat pendek sebab kita tidak tahu siapakah yang ada kuasa untuk membuat tersebut. So, saya rasa Y.B. EXCO ada jawapan untuk tersebut.

Apa yang saya tengok ialah semua ini kita tahu, tidak tahu siapa kuasa tapi saya tengok yang efektif itu tarikh balik lesen. So, kalau Kerajaan Negeri boleh tarik balik lesen pencemar-pencemar yang mencemarkan sungai itu satu kuasa yang baik dan satu tindakan yang tegas dan *immediate* yang kilang-kilang boleh akan merasa takut untuk mencemarkan. Saya tengok ini adalah efektif tapi dari segi Undang-undang memang kita kena tengok sama ada ini adalah *legal or not to* tarik lesen *once you*, so kita yang ni lah saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi sedikit penjelasan dan memastikan bahawa semua kilang-kilang yang mencemarkan sungai akan mendapatkan tindakan yang tegas dan kita kena buat *PC all the time to say that this person is taken out, this person is taken out so that you no scare people off you know* hah itu, dengan izin.

So, ini saya tengok ini tindakan yang kita kena ambil dan yang kedua, so Genesis Aluminium Industri ini saya berharap bahawa mereka akan didakwa. Apa yang kita tahu yang sekarang selepas pendengaran ialah dia tidak dapat didakwa seperti YB EXCO yang bagi tahu kerana Jabatan Alam Sekitar Selangor dia pergi satu hari selepas pencemaran berlaku.

Dia pergi tak ada di situ *device*, dia tak ada *measurement* untuk PH. Kalau kita tahu PH itu biasalah hah dia ambil itu kertas LIMOS pergi tengok, *check* PH ini memang satu yang saya rasa kalau Jabatan Alam Sekitar sebagai agensi Persekutuan tiada wang untuk dapatkan PH meter mungkin Kerajaan Negeri boleh *ponser* (ketawa). PH meter itu *I think a few hundred* ringgit *now*. Mangan meter kita tengok mangan yang *measure* ukur sungai itu. ABASS ada, Konsortium ABASS ada tapi Jabatan Alam Sekitar tak ada mereka kena ambil sampel tapi dia ambil sampel sehari selepas kejadian berlaku. Sampel itu tiada apa larangan, so, so *the reading of the sample eventually* dia tidak melanggar Undang-undang kerana sampel itu ambil satu hari selepas dan kena hantar pergi Jabatan Kimia dua, tiga empat minggu selepas pencemaran kita tanya, tanya, tanya baru dapat *reading*, so memang ini *something that we need to look into* dan saya berharap bahawa....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, minta pendekkan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ok. saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh berbuat sesuatu untuk ini. Sekian sahaja saya menyokong Usul.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada Jawatankuasa SAM yang membawa penyata dan Usul ini dalam Dewan dengan tajuk Gangguan Bekalan Air. Jadi bila disebut tentang Gangguan Bekalan Air biasanya tanggapan rakyat yang menyokong Kerajaan yang ada adalah sabotaj. Itu satu gambaran yang sedia disebut oleh penulis-penulis blog, *website* bebas dan pro reformasi punya kumpulan. Jadi oleh kerana itu kita hendaklah menangani isu ini secara objektif dan apa yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa adalah suatu yang bertujuan untuk mengaddress dengan izin isu ini dan saya melihat bahawa dalam isu yang ini sebenarnya kekeliruan dari segi penguatkuasaan itu berlaku.

Dalam bidang penyelarasan kita ada LUAS, kita ada Jabatan Alam Sekitar, kita ada PBT yang berkenaan, Pejabat Daerah dan kita ada kadang-kadang dibantu oleh pihak polis. Polis Diraja Malaysia dengan penglibatan masing-masing agensi tempatan dan negeri. Jadi, tetapi yang sebagaimana yang dinyatakan oleh Damansara Utama tadi adalah dari segi penguatkuasaan. Selalu berlaku kekeliruan saya memahami bahawa semua yang melibatkan urusan air, laut, bukit, tasik, bawah tanah, sungai, lombong selagi belum masuk ke muka sauk yang diuruskan oleh Puncak Niaga adalah dalam bidang kuasa LUAS. Kalau ada salji pun suatu hari nanti di Selangor, air salji di atas gunung-gunung itu pun adalah urusan di bawah bidang kuasa LUAS yang dilindungi oleh satu Akta, Enakmen yang agak kuat.

Kalau kita buka dalam *website* LUAS saya bacakan di sini, apakah fungsi LUAS? LUAS diperkasakan dengan perundangan dan kuasa penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dengan 17, 17 fungsi utama seterusnya. Jadi maknanya bidang kuasanya jelas tetapi setakat yang kita lihat LUAS di samping ada kuasa itu hanya memainkan peranan *advocacy* dengan izin mendidik. Buat Program meningkatkan kesedaran anak-anak, pelajar sekolah di peringkat pembersihan sungai yang bersih dan sebagainya kemudian aktiviti yang berkaitan dengan kitar semula sisa minyak masak, pemeliharaan apa ni tebing-tebing, pantai-pantai di Selangor dengan pokok bakau dan aktiviti yang seumpama itu. Tidak ada penguatkuasaan dan saya telah menguji perkara ini apabila saya berada di permulaan dulu.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat jangan Luas sangat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tak...memang

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Fokus pencemaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tak...Benda ni luas. (Ketawa). Tu lah kena luas jadi saya tumpukan bidang kuasa ini hendaklah kita perkasakan dengan itu LUAS mesti mengambil langkah-langkah ke arah penguatkuasaan yang diperuntukkan oleh Enakmen yang ada, jadi dengan itu saya mencadangkan di samping menerima penyata ini pihak Kerajaan bersedia dengan satu rangka dalam pembentangan bajet pada hujung tahun ini untuk memberikan bajet peruntukan yang lebih sebagaimana ternyata di dalam Enakmen LUAS untuk membolehkan LUAS memainkan peranan bukan hanya dalam bidang *advocacy*, pendidikan, penerangan tetapi juga dalam bidang penguatkuasaan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya persila pihak Kerajaan jika ingin memberi penjelasan. Silakan. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan juga khasnya Bukit Gasing, Damansara Utama dan juga Hulu Kelang.

Beberapa perkara yang dibangkit dalam penyata dan juga saranan Kerajaan Negeri Selangor menerima secara baik dan perhatian akan diberi kepada saranan-saranan dan juga kritikan tersebut dan kita juga akan memberi secara bertulis, laporan dan juga maklum balas terhadap penyata tersebut.

Ada satu dua perkara, saya ingin menggunakan sedikit masa untuk menjelaskan perkara, beberapa perkara yang di bahas tadi. Satunya yang dibentangkan oleh Damansara Utama tentang dengan izin *jurisdiction* antara Jabatan Alam Sekitar, antara Lembaga Urus Air Selangor, PBT dan juga agensi-agensi lain termasuk UPEN.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya bidang kuasanya bukan seluas yang kita jangka dan ianya adalah sangat spesifik. So, saya ingin maklum dalam Dewan ini bahawa Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk memantau, mengawal dan juga kalau ada kes mendakwa beberapa kes yang ada kaitan tentang *a fluent discharge* dengan izin. Untuk Lembaga Urus Air Selangor walaupun tadi disebut oleh Hulu Kelang bahawa ada bidang kuasanya cukup luas seperti namanya LUAS tetapi Enakmen seksyen 78 dan juga 79 mesti dibaca sekali dengan Jadual ataupun peraturan yang ditetapkan di mana bidang kuasa untuk menguatkuasakannya adalah sangat spesifik. Supaya kita tidak ada pertindihan antara bidang kuasa satu agensi federal dengan Akta itu sendiri dan juga Enakmen di peringkat negeri.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Urus Air Selangor selain daripada memberi, selain daripada pengurusan lembangan sungai, perlindungan bukan sahaja buat aktiviti ya saya nak betulkan perkara ini memang ada penguatkuasaan tetapi penguatkuasaannya sangat spesifik jadi kalau kita rujuk kepada Jadual pertama peraturan 2 senarai aktiviti yang dikuatkuasai adalah:-

1. Akuakultur air tawar dalam kolam ataupun sangkar.
2. Akuakultur udang laut dalam kolam.
3. Pembangunan atau kerja tanah.
4. Penternakan selain daripada khinzir.
5. Penternakan khinzir.
6. Penternakan haiwan kesayangan dan
7. Aktiviti yang berkaitan dengan perlombongan.

Jadi memang ada perbincangan antara pusat dan juga agensi negeri di mana kita tidak, kita ingin elakkan pertindihan Undang-undang yang digunakan. Jadi selain daripada itu juga ada senarai parameter yang ada kaitan dengan aktiviti yang dikawal di bawah Lembaga Urus Air Selangor. So, ianya ada piawaian ataupun parameter tersendiri. Saya harap saya dapat jelaskan perkara ini.

Keduanya tentang pendakwaan dari Kerajaan Negeri Selangor kita memang menekankan pendakwaan mesti diikuti selepas ada kes pencemaran dan sebagainya dan Jabatan Alam Sekitar ataupun Lembaga Urus Air Selangor memang mereka keluarkan *investigation papers* dengan izin, siasatan dan sebagainya untuk mendapat bukti-bukti yang kukuh tetapi akhirnya kebenaran untuk mendakwa tidak kira daripada melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling, satu Akta Federal ataupun Lembaga Urus Air Selangor ianya mesti dapat kebenaran daripada dengan izin *Attorney General Office* jadi bukti adalah sesuatu yang amat penting dan juga kalau kita lihat kes-kes yang kita telah bawa ke Mahkamah memang adalah kita ada proses dan sebagainya.

Apa yang dibangkit oleh Damansara Utama juga tentang peralatan *test kit*. *Test kit* juga bukan semua boleh mengutip pensampelan ataupun *sampling*. Ianya mesti adalah pegawai yang bertauliah. Jadi sebagai contohnya Damansara Utama sering kali tanya mengapa kita tidak boleh menggunakan ujian insitu oleh ABASS kerana ABASS tidak diperuntukkan ataupun diberi tauliah oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil pensampelan tersebut. Walau bagaimanapun saya rasa kes

pencemaran mangan dan juga asid ya bukan sahaja mangan tetapi asid di Sungai Semenyih yang merupakan satu perkara yang baru kita telah mengkaji semula SOP, *Standard Operating Procedure* dan juga krisis *management* macam mana kita boleh bergerak secepat mungkin dan mengambil tindakan tegas dan serta-merta. Kita memang mengalu-alukan sokongan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Minggu lepas, yang memberi kebenaran kita untuk...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Sorry, let me finish.* Mengambil tindakan, pelbagai tindakan dan kita saya rasa itu bukan apa yang disebut tadi oleh Bukit Gasing bahawa itu adalah cara kreatif. Tidak ada kreativiti, kita hanya guna apa yang sedia ada iaitu melalui PBT dan juga melalui beberapa syor dan juga siasatan daripada JAS. Oleh sebab itu, kita dapat tutup kilang yang pertama. Ada kilang yang kedua baru-baru ini hari Selasa kalau masa itu saya kita hanya buat kenyataan media semalam hari Rabu tetapi Selasa pun ada pencemaran di kawasan yang sangat dekat dengan kilang aluminium tersebut ianya merupakan satu kilang berlainan kilang konkrit dan MPKJ, PBT dia masuk tutup dan beri kompaun dan juga Jabatan Alam Sekitar menyitakan mesin yang berkenaan. Jadi kita juga harap dengan saranan teguran dan juga kritikan daripada....

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta Penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Biar saya habis. Daripada Jawatankuasa Pilihan Khas maka kita boleh memperincikan dan juga menambah baik lagi *Standard Operating Procedure* dan juga *crisis management* kita.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO penutupan kilang itu ialah untuk tempoh berapa lama ataupun ada apa *justification* katakan kilang itu memang mencemarkan sungai tersebut.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kalau kita tidak ada bukti, kita tidak akan tutup jadi setakat ini kita telah membuat ketetapan bahawa tanpa kebenaran ataupun kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor khususnya untuk industri ataupun tidak kira kilang ke ataupun dari segi pertanian dan sebagainya yang mencemarkan sumber air mentah yang mengalir ke loji rawatan air ataupun kepada loji-loji yang membekalkan air maka MMKN sahaja yang akan membuka sitaan ataupun membenarkan kilang ataupun industri tersebut untuk menyambung kerja mereka. Kalau tidak ada kelulusan daripada MMKN maka ianya akan kekal ditutup.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ini berkaitan langsung ya dengan perkara 94 iaitu terhadap mereka yang melepaskan kumbahan dan bahan tercemar ke dalam sungai tidak kira dengan sengaja ataupun tidak sengaja. Iaitu isu yang saya timbulkan di sabotaj persepsinya sabotaj. Apa....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Maaf, saya terlepas hah. Hulu Kelang kita tidak kira sabotaj atau tidak kerana dalam semua Undang-undang tidak kira Alam Sekitar ke ataupun LUAS sengaja ataupun tidak sengaja ini merupakan tanggungjawab pemilik kilang. Jadi kita tak kisah kalau nak cerita, cerita yang sedih tentang sabotaj dan sebagainya boleh cerita semasa dalam Mahkamah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak minta.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya.Adakah rancangan Kerajaan Negeri supaya meletakkan seorang untuk bertanggungjawab di satu sungai, sungai kedua, ketiga supaya apabila pencemaran berlaku orang inilah yang bertanggungjawab. *More accountable* sekarang kita tidak ada orang....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Untuk satu sungai? Ataupun..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *No...Part of it, part of it one person take care a few to monitor.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya rasa kalau boleh Jawatankuasa Pilihan Khas boleh cadangkan tetapi apa yang dicadangkan dalam saranan kedua adalah untuk adakan *station* tolok pengukur

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Orang itu tidak payah *physically there but she need to take care of it but lets says for example*, kalau saya tengok lah hah... kalau kita boleh membuat satu *more accountable system* di mana ada orang yang *take care of* sungai-sungai tertentu, tempat-tempat tertentu apabila pencemaran berlaku orang inilah yang dapat adakan tindakan. *He will be the one that accountable and maybe being fired or sake something like that.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: (ketawa)...

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Otherwise* apa yang berlaku sekarang ialah tiada orang yang bertanggungjawab. *Everybody says not my fault.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Damansara Utama, saya ingin tegaskan orang yang bertanggungjawab adalah pemilik industri ataupun kilang bukan penjawat awam yang jaga sungai ataupun jadi ketua sungai dan saya pada awal minggu ini saya tidak sebut berapa anak sungai, anak sungai utama, sungai utama yang kita bakal gazet ianya lebih daripada 500. Saya rasa ini adalah satu perkara yang susahlah. Tapi saya rasa *accountability at the end of the day* dengan izin *the accountability is on the industry and the factory* yang telah mendirikan yang telah mendapat lesen yang sepatutnya *adhere to the* syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar yang dikeluarkan dan juga syarat-syarat pelesenan yang dikeluarkan oleh PBT. Kalau mereka kata sekarang adalah tanggungjawab Kerajaan untuk kita... you know... semua EXCO pergi sana lihat sungai... *I think this is off the mark. So, let's stick to the who are the real criminals in this case, it is not a civil servant, it is all factory's who continuous who think that they want to pollute as the wish.*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Memang, *we are not saying the civil servant are criminals*, jangan salah faham tetapi...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jangan ulangi perkara yang sama ya Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Tetapi mesti ada seseorang dalam pentadbiran Kerajaan yang mengambil tanggungjawab untuk memastikan perkara ini tidak selalu berulang dan apabila terjadi pesalah itu ditangkap. *That's why we are saying that must be accountability, they must be ownership from someone within the Government.*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sebab itu lah *I think*, apa yang kita tidak mahu bukan hendak salahkan siapa tapi adalah untuk menjamin bahawa pencemaran tidak berlaku lagi. Kalau kita tengok siapakah yang ada bidang kuasa untuk menguatkuasa, kita sering kata bukan LUAS, bukan Kerajaan Selangor itu Jabatan Alam Sekitar tapi *would that help our problem?* Kalau kita diberi kuasa *Enactment LUAS 1999 Section 78 and 79* bahawa kita boleh, boleh membuat penguatkuasaan *then why not we take out the ownership, are we afraid?*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Dengan izin ya, saya nak jawab dalam Bahasa Inggeris. *I think its better.* (Ketawa). Kerana saya dah jawab

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Biar Bahasa Malaysia lebih panjang daripada Bahasa Inggeris.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya dah jawab tadi dalam Bahasa Melayu tapi mungkin saya perlu ulang sekali lagi dalam Bahasa Inggeris. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *it is not because Lembaga Urus Air Selangor is get to take action but it just that we cannot have a situation where a state law can*

supercide a federal law. So what has happen is that with consultation with federal authorities Lembaga Urus Air Selangor has had its own jadual and juga peraturan. And what it does it is enforces areas which are not covered by Jabatan Alam Sekitar. So Jabatan Alam Sekitar when its comes to kilang, factories, effluent discharge that is very clearly their jurisdiction. It's not Lembaga Urus Air Selangor. They cannot do that because it is not within their scope. So to speak. Can we have 2? Yes, we can. But why have 2 because the federal law will always supercide the state law.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Then, why can you, I mean, I think taking away, ambil balik itu tarik balik lesen itu 1 langkah yang sangat baik. This is under our control. And you can do that all the time.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Yes, but we cannot just take away the license. How come we took away the license of the first factory, genesis aluminum because there was evidence who provided the evidence that they did not ikut syarat-syarat pelesenan dan sebagainya, Jabatan Alam Sekitar not Lembaga Urus Air Selangor because they do not. First they are not consulted in the licensing to their syarat-syarat has nothing to do with kilang. It's not agriculture, it's not*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:*Can you uncovered the Jabatan Alam SekitarSelangor sebab they don't have the peralatan and they have very, I mean can you do something oh empowerment on Jabatan Alam Sekitar supaya more effective in doing their work.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Thank you very muchDamansara Utama. Sorry, mohon maaf Tuan Speaker. Seperti yang saya telah sebut tadi. Itu bukan isu. It is about whether the inside testing equipment can be use in court. Why do we always send all this to Jabatan Kimia? Because Jabatan Kimia adalah*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *You can do insitu and take the sampeling.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Let me finish. The authority to be able to present the bukti ataupun evidence dalam mahkamah. Kalau kes ini diberi kebenaran oleh attonney General office to pursue the case for example. Insitu sampling can give some result but is it enough for it to be held as evidence as special on environmental cases. So this actually the question that we have to discuss further with federal. Is it enough? The sampling now actually we are discussing now withJabatan Alam Sekitar supaya memberi tauliah kepada agensi-agensi lain sebagai contohnya PBT ataupun Lembaga Urus Air Selangor ataupun ABASS ataupun sesiapa yang ada kaitan dengan pencegahan ataupun pemantauan pencemaran supaya mereka juga diberi kuasa yang sama untuk mengambil pensampelan, pensampelan. Right, but atthis point in time we do not have the authority to collect the samples yet.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Habis ya? Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawasanya menurut peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor*, JPK-SAM bagi Dewan Negeri Selangor berhubung gangguan bekalan air tidak berjadual di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang disebabkan pencemaran di Sungai Semenyih yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul No. 13 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *Select Committee On Row Water Resource Management Of The State Of Selangor*, JPK-SAM bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Pengurusan air Selangor dan Pembekalan Sumber Air Mentah Sungai Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2015.

Tuan Speaker, izinkan saya menggunakan sepenuhnya 15 minit untuk membentangkan kertas kerja ini, kertas bilangan 15, dua ribu. Ada banyak, pertama sekali

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat tak boleh 15 minit, 10 minit saja.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: 10 minit? Ok. Pertama sekali saya nak berterima kepada Kerajaan Negeri memberi menubuhkan jawatankuasa ini. Ini kali pertama bahawa *Legist Lattice Branch of The Government* dengan izin boleh teliti dengan isu air mentah yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Apa yang kita dapat dari muka surat 2, untuk kertas kerja ini adalah struktur organisasi. Ahli-ahli Dewan Negeri boleh tengok apakah struktur organisasi sekarang di air di Selangor dan muka surat 3, bekalan air di Selangor. Saya nak menghuraikan sikit tentang rajah ini, di gambar, yang, yang *supply and demand* bekalan air 2005 hingga 2020. Apa yang saya nak stres, menegaskan di sini adalah NRW di mana penggunaan yang

kita sedia ada adalah garisan merah itu. Tetapi NRW sebab kita banyak NRW, *None Revenue Water*. Kita kena ada bekalan yang jauh lebih banyak daripada permintaan kita. Ini adalah sesuatu yang kita tidak boleh atasi sekarang sebab kita tidak ada kuasa sekarang di perawatan air dan *distribution*, air *distribution* until penstrukturan semula habis. Apa yang kita boleh buat kalau kita tengok gambar ini adalah yang 2 *point*. Yang pertama ialah tahun 2015 sampai tahun 2017 adalah sangat kritikal. Kalau kita tengok tahun yang ini memang *buffer* itu sangat kecil. *Buffer* ini adalah *buffer* untuk air terawat. Apa yang kita boleh buat sebagai Kerajaan Negeri ialah *we cannot do with* NRW. *What we can do* ialah *demand management*. Dengan ini saya sangat mengalu-alukan kempen penjimatan air. Saya berharap bahawa kempen penjimatan air itu sangat efektif untuk menurunkan air *demand* dengan efektif. Apa yang kita tengok dalam penyata ini adalah antara semua empangan di Selangor, Empangan Skim Sungai Selangor adalah yang paling besar iaitu dia membekalkan 62% keperluan bekalan air Selangor. Empangan ini ada, skim Sungai Selangor ini ada 2 empangan. Yang pertama, Empangan Sungai Selangor. Yang kedua, Sungai Tinggi dan HORAS 600 adalah di Sungai Selangor ini. Apa yang kita tengok muka surat kalau kita tengok mekanisme Ahli-ahli Dewan boleh tengok mekanisme pelepasan air. Apa yang kita *study* mengkaji jawatan air JPKSAM mengkaji adalah keberkesanan catuan air. Kita juga kaji adakah catuan air baik untuk, untuk mengatasi masalah pada musim kering. Apa yang kita tengok dalam muka surat 4 adalah tarik, tarik kita catuan air. Apa yang kita tengok 7.2 muka surat 4, menurut graf limpahan Baraj Bestari Jaya. Ini saya nak menerangkan sikit graf ini muka surat 5. Graf limpahan Bestari Jaya kalau kita tengok ini di Baraj Bestari Jaya adalah *after* semua loji rawatan air. Iaitu empangan air di *upstream*, dia go *downstream river* selepas loji rawatan menarik air dari, dari sungai selepas itu kita sampai Baraj Bestari Jaya. Kalau kita tengok laporan ini ya, *if you look*, kalau kita tengok di 15 April sampai 30 April graf tersebut, kita mendapati bahawa ada limpahan yang ekstra. So ini bermakna bahawa catuan kita berlaku dari 27 Februari hingga 30 April. Tapi sampai 15 April ke 30 April sebenarnya kita ada air ekstra, di Baraj Bestari Jaya selepas loji rawatan air. Iaitu walau kita catuan air tapi *actually you don't need to* catu sebab you ada *actually you have* ekstra water in Baraj. Ini bermaksud bahawa catuan air tu kita tengok adalah munasabah *first half* tapi sehingga 15 April sampai 30 April Jawatankuasa berasa bahawa kita kena mengkaji semula sama ada itu adalah wajar. 7.3, kita pun mendapati bahawa catuan air hanya dapat mengurangkan air sebanyak 7% sahaja. Iaitu tiada penjimatan yang signifikan yang telah dicapai dengan catuan air. Dengan itu Jawatankuasa berpendapat bahawa catuan air bukan satu strategi yang baik untuk menangani masalah kekurangan air di musim kering. Jika catuan air diperlukan, Jawatankuasa berpendapat bahawa ia hendaklah dilaksanakan dengan teliti supaya apa yang dilaku, berlaku dalam 2 minggu terakhir April tidak berlaku lagi. Muka surat 6, apa yang, banyak Ahli-ahli Dewan Negeri takut ialah sama ada kita ada cukup air mentah di Sungai Selangor. Jawatankuasa JPKSAM telah membuat 1 kajian ataupun telah membuat pendengaran supaya untuk memastikan sama ada Sungai Selangor cukup air ke tidak. So, Ahli-ahli Dewan Negeri yang airnya di *supply* oleh

Sungai Selangor kita telah, ini adalah laporannya. Kalau kita tengok rajah itu, adalah kolam-kolam alternatif, lokasi kolam-kolam alternatif yang kita ada yang di, kalau kita tengok semua *all the figures*, itu adalah kapasiti pam. Apa kita dapat, dapati ialah keseluruhannya seperti apa yang dikatakan oleh Y.B. EXCO bahawa keseluruhan kolam-kolam alternatif akan memberi, membekalkan 800 juta liter air mentah kepada Sungai Selangor iaitu adalah 25% daripada jumlah keperluan Sungai Selangor. Ini adalah *achievement* yang sangat baik daripada Kerajaan Negeri bahawa sekarang kita ada ekstra 25% in Sungai Selangor. Kalau kita tengok 8, dari semua kolam-kolam alternatif itu kalau tengok jumlah isi padu. Jumlah isi padu kita ada 84 juta meter *cubic*. Itu pencapaian yang baik sebab 84 juta meter *cubic* adalah lebih kurang *half of* Empangan Sungai Selangor. *And* kolam-kolam alternatif ini bukan di *upstream*. Dia di *downstream*, di *meadle stream and everything*. Ini bermaksud bahawa dia boleh membekalkan air kepada sungai. Walau bagaimanapun kalau kita ada isu padu untuk isi air tetapi tidak ada kapasiti untuk mengepamkan air pun tak cukup so kita pun mengkaji sama ada pam cukup ke tak. So isu-isu pam adalah di muka surat 7 bahawa kalau kita ingat lagi pada April 23, 23hb. April, 2014 Kerajaan Negeri mengumumkan bahawa untuk membeli pam, 10 pam, biji pam itu kita mendapati bahawa Kerajaan Negeri telah menerima pam tersebut tetapi 10 bulan kemudian iaitu Februari 2015 dan antara 10 yang diterima hanya 1 yang telah dipasangkan. Dengan erti kata lain apa yang kita beli di 2014 untuk mengatasi sepatutnya musim kering 2014, sampai sekarang baru 1 pam sahaja yang dapat dipasangkan. Prestasi menangani krisis sedemikian amat merisaukan. Penemuan yang kita dapati ialah banyak orang akan bertanya bahawa adakah kita ada cukup air untuk tahun ini? *We don't want to see what is happening last year but* adakah kita ada cukup air tahun ini? Saya sangat berterima kasih kepada UPEN sebab Jawatankuasa meminta UPEN untuk membuat senario analisis iaitu dia mengunjurkan sama ada kita ada cukup air ke tidak menggunakan unjuran taburan hujan untuk 2015 yang kita boleh tengok ini graf itu di muka surat 8. Kalau tengok graf ini banyak orang yang akan risau tidak dapat macam mana tengok laporan ini. Apa yang kita nak stres dengan graf ini ialah *even at the worst case* senario *that means* kalau 2015 paling, paling, paling kering. Dengan ada horas dan juga kolam-kolam alternatif dan kalau UPEN adalah *correct* dengan *scenario analysis* tersebut, *worst case* senario akan berlaku di Ogos dan September. Di Sungai Selangor dan Sungai Tinggi Dam. *Worst case the lowest* yang paling rendah dia akan capai adalah lebih daripada 45 *control volume* iaitu kalau Y.B.-Y.B. adalah di Sungai Selangor, air mentah dibekalkan oleh Sungai Selangor agaknya 2015 *safe* untuk Y.B.-Y.B. di yang dibekalkan oleh Sungai Selangor iaitu 65% daripada pembekalan air mentah *of course its provided that UPEN is correct* dan juga kolam-kolam ada pam. So pam itu sangat penting untuk kita.

Ok, walaupun kita boleh menjamin bahawa air mentah cukup kita tidak boleh menjamin air terawat cukup. So saya nak membezakan antara dua ini tapi graf ini *scenario analysis* is sangat penting untuk kita menganalisis senario akan datang. *Last* sekali ya saranan jawatankuasa kerajaan negeri hendaklah menjalankan

kempen besar-besaran yang efektif menggalakkan penjimatan air memandangkan pada tiga tahun ini adalah yang sangat kritikal. Saranan kedua kerajaan negeri hendaklah memastikan luas mempercepat pemasangan pam-pam yang telah dibeli. Bulan kering adalah Julai dan Ogos. Harap pam boleh disiap pada masa itu. Saranan ketiga ialah Kerajaan Negeri hendaklah memastikan adanya sumber manusia yang mencukupi untuk mengoperasi pam-pam tersebut dan keempat adalah pertimbang untuk membeli pam yang lebih banyak lagi memandangkan pembelian pam adalah panjang dan masalah perubahan iklim di Malaysia akan menjadi lebih serius. Pam tidak hanya boleh digunakan untuk mengatasi krisis musim kering tetapi juga *flood so* kalau kita beli yang lebih banyak lagi kita boleh *better in crisismanagement*. Saranan kelima ialah kerajaan negeri hendaklah mengenal pasti kolam-kolam dan memastikan kualiti air kolam adalah dikawal. Ini bukan sahaja di Sungai Selangor tetapi jawatankuasa mencadangkan kerajaan mengambil langkah yang proaktif untuk mencari kolam-kolam *alternative* di sungai-sungai lain juga. Ini adalah untuk sebagai *preventive step just in case* kalau sungai lain tak cukup air bukan Sungai Selangor. Kita sudah ada kolam *alternative*, sudah ada air pam, kita boleh pam air pergi sungai yang kita tidak cukup air. Ini adalah untuk memastikan semua air mentah di seluruh Selangor adalah bersedia untuk perubahan iklim yang akan datang di *future*. Dan saranan keenam ialah Jawatankuasa mencadangkan supaya catuan air dianggap sebagai sesuatu yang sangat serius dan hanya dilaksanakan sebagai langkah terakhir *last result*. Pihak yang terlibat harus bertanggungjawab untuk keputusan yang salah dalam menjalankan catuan air. Sekian sahaja saya membentangkan kertas

TUAN SPEAKER: Ada penyokong?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan jika ada perbahasan tapi saya harap tidak mengulangi pembentangan yang dibuat oleh pencadang tadi. Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Y.B Timbalan Speaker, saya ingin mengambil sedikit sahaja perbahasan dalam isu usul yang dibentangkan oleh Damansara Utama jawatankuasa SAM mengenai pengurusan sungai dan pembekalan sumber air mentah di Selangor. Kita sudah mendengar laporan daripada jawatankuasa ini mengenai betapa kritikalnya air di Negeri Selangor dan apa yang saya nak sedikit mengambil perbahasan pada petang ini ialah mengenai peranan-peranan yang dimainkan oleh agensi dalam memastikan pertamanya sungai utama yang membekalkan 62% air di Selangor iaitu Sungai Selangor dan Sungai Tinggi. Apa yang saya nak perjelaskan di sini ialah dari segi penguatkuasaan. Saya ingin menyarankan dalam memastikan air dapat dibekalkan dalam keadaan yang baik. Kita nak mengharapkan supaya Sungai Selangor Sungai Tinggi khususnya dan sungai-sungai yang lain yang ada dalam negeri Selangor ini berada pada tahap kelas ketiga, yang terbaiknya kelas dua. Kelas satu tu saya fikir

mungkin mustahil untuk diperolehi. Kita bimbang kalau sungai-sungai di Selangor pada tahap empat itu akan memberikan kesan kepada kos dan sebagainya. Sebab itulah saya hendak mencadangkan sebagai susulan daripada pembentangan oleh Damansara Utama. Dari segi ini saya nak mencadangkan supaya beberapa perkara perlu diambil perhatian. Yang pertama saya mencadangkan kepada pihak LUAS, Lembaga Urus Air Selangor supaya Kerajaan Negeri kita apabila siasatan kita buat kita dapati dari segi penguatkuasaan, dari segi anggota penguatkuasa kita hendak mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya penguatkuasaan di peringkat LUAS ini perlu ditambah sama ada dari segi jumlah penguatkuasa dan sebagainya.

Yang kedua, juga saya nak mencadangkan supaya LUAS akan meneliti apa-apa juga permohonan yang dipanjangkan untuk tujuan mendapat kelulusan bagi sokongan untuk *Development Order* dengan izin tak perlu Kebenaran Merancang. Kita nak supaya LUAS betul-betul meneliti pastikan supaya tebing-tebing sungai ini pada jarak-jarak tertentu tidak diberikan apa-apa kelulusan terutamanya melibatkan industri-industri yang boleh memungkinkan berlakunya pencemaran. Industri-industri berat menyebabkan apa ni kimia dan sebagainya saya mengharapkan supaya tidak diberikan kebenaran untuk menjalankan apa-apa operasi di sepanjang tebing-tebing sungai. Dan kita nak pastikan juga supaya LUAS betul-betul meneliti setiap permohonan sebelum berikan sokongan kepada industri-industri yang dijangkakan boleh memberikan kesan sebagaimana kita berlaku di beberapa kawasan loji air industri-industri ini memberikan kesan kepada penyaluran di dalam sungai. Yang kedua juga dari segi penguatkuasaan. Kita mengharapkan kerana sungai ini merupakan saluran utama untuk kita mendapat bekalan air mentah. Penguatkuasaan dari segi pengorekan pasir sungai. Saya dapati hari ini bahawa aktiviti ini cukup membimbangkan. Pengorekan sungai pasir-pasir sungai ditebing-tebing sungai boleh menyebabkan keruntuhan tebing-tebing sungai. Dan kalau sekiranya aktiviti ini tidak dikawal tidak diselia, tidak diurus dengan baik maka sudah pastilah sungai kita akan menjadi lebih cetek dan ini akan memberikan kesan kepada saluran air dalam kawasan berkenaan. Jadi saya mencadangkan supaya penguatkuasaan ini sentiasa dikawal. KSSB sebagai agensi yang diberikan tanggungjawab kena bertanggungjawab sepenuhnya dari segi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengorekan pasir di kawasan-kawasan yang melibatkan sungai-sungai utama di dalam negeri kita. Jadi itu saja beberapa perkara yang mungkin saya menambah untuk jawatankuasa ini. Dan saya harapkan kerajaan boleh memberikan apa ni respons yang baik mengenai perkara-perkara yang saya nyatakan tadi. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya mempersila pihak kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Ya.

TUAN SPEAKER: Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Izinkan saya memberikan sedikit pandangan sebelum rakan saya yang bijaksana Y.B. Taman Templer membuat penggulungan keseluruhannya. Saya terpanggil untuk menjawab beberapa tuduhan di mana saya juga merupakan sebahagian daripada pihak yang membuat keputusan sama ada catuan air harus dilakukan pada tahun 2014. Jadi memang kalau kita lihat dari sekarang selepas perkara itu berlaku, *after event* kita senang cakap, sepatutnya kita dua minggu yang terakhir tidak melakukannya. Tapi kita harus tengok pada masa itu kita dalam keadaan yang keadaan krisis dan kerajaan tidak duduk dan lihat saja. Setiap hari kita ada jawatankuasa yang saya percaya dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan dengan pakar-pakar yang ada dengan wakil UPEN dari SPAN, SYABAS, hari-hari memantau keadaan, ya, air sungai macam mana, pelepasan dari empangan macam mana. Pada dua minggu yang terakhir empangan tidak melepaskan airnya lagi sebab ada air yang mencukupi daripada sungai. Tapi kita tidak boleh melihat pada limpahan air pada satu hari, dua hari. Setiap hari mereka memantau. Dan setiap minggu kita kena buat satu keputusan. Jadi selepas satu minggu soalan yang ditanyakan masih adakah selamat kalau kita sekarang memandangkan air dah ada untuk tujuh hari yang lalu dah ada air yang mencukupi tanpa pelepasan air daripada empangan adakah selamat pada masa itu untuk kita menghentikan catuan air. Jadi kesimpulan pada masa itu adalah masih tidak selamat. Oleh itu disambungkan lagi. Setiap hari memantau kemudian minggu kedua didapati selesa. Semua pakar semua pihak dah rasa selesa. Dengan keadaan kita yakin. Dengan tanpa pelepasan air dari empangan kita boleh hentikan catuan air. Itu proses kita membuat keputusan. Sebab catuan air ini dia bukan macam dekat rumah kita nak air buka air, tak nak air tutup air. Hari ini air sedikit buka sedikit, besok air lebih kita buka lebih, tak boleh. Sebab apabila kita mengenakan catuan air dia melibatkan beratus pekerja. Beratus pekerja perlu dikerahkan untuk buka pili, tutup pili. Sebab itu dan apabila kita buka air selepas catuan sampai ke hujung pengguna daripada yang paling jauh daripada apa tu tangki air tu kadang-kadang memerlukan lapan jam air baru sampai.

Bukan kat rumah buka saat itu buka saat itulah kita dapat air. Jadi bukan satu keputusan yang senang sama ada kita nak buat catuan air dan begitu juga bukan senang kita nak buat satu keputusan untuk menghentikan air, menghentikan catuan. Kalau silap kalau minggu pertama kita dah buat keputusan yang tergesa-gesa, ok kita hentikan catuan air, tapi apakah yang akan berlaku kalau seminggu selepas itu tiba-tiba kita dapati air tak cukup kita nak umumkan lagi catuan air dikenakan lagi. Saya rasa ini menambahkan lagi kerumitan, menambahkan lagi kesengsaraan rakyat kerana sekali ada air seminggu ada air sekali catuan dan sebab itulah kita hendak lihat operasinya, mengapa minggu, dua minggu yang akhir tu keputusan dibuat selepas kita memantau dah dua minggu. Jadi adalah tidak adil kalau kita persalahkan mana-mana pihak. Sebab pihak ni, ya sila....

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Mohon penjelasan sedikit. Bukan nak cari kesalahan, bukan, yang kita ingin *I think* penjelasan yang baik kita menerima tapi is *lesson*

learn sebab ini adalah yang paling teruk yang kita hadapi dan sekarang kita ada kolam *alternative* di mana SPAN juga kata negeri lain perlu belajar dari kita. So / tengok ini adalah satu *lesson for us*

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya SPAN memberi kepujian selepas itu lepas kita berjaya mengurusnya. Sekarang kita mendapat kepujian tetapi kalau tidak ada krisis itu kita tidak dapat belajar. Mungkin ini satu *blessing in disguise*. Kalau tak ada catuan air kita tidak tahu bagaimana kita menguruskan satu krisis. Dan dengan krisis itu dengan iktibar itu sekarang kita tahu merancang dengan cara lebih baik dan ini dapat kepujian pula. Jadi kita harus lihat daripada *perspektif positive*. Tapi saya rasa terpanggil kerana saya melihat peranan jawatankuasa yang terakhir, ya, izinkan saya bacakan 'Jawatankuasa mencadangkan supaya catuan air dianggap sebagai sesuatu yang sangat serius dan hanya dilaksanakan sebagai langkah terakhir, *last result*'. Ini saya setuju. Sebab sebelum kita membuat keputusan saya kira kita berbincang sekurang-kurang tiga minggu setiap kali dipanggil dalam MTES dipanggil, SYABAS dipanggil, SPAN. Semua dah setuju. Bila kita buat keputusan pun bukan serta merta. Kita tangguhkan lagi seminggu untuk membuat persiapan yang terbaik. Jadi kita buat keputusan catuan air tu bukan dalam satu mesyuarat. Sekurang-kurang kalau tidak silap saya ada tiga kali kita buat di MTES tiga minggu kita lihat keadaan macam mana. Bererti kita dah buat persiapan jauh. Kita dah, apabila kita ada ramalan dah buat ramalan ini keadaannya maka kita dah bincang, mula bincang. Kalau kita tidak ada buat perancangan yang rapi sudah tentu catuan air itu perlu dibuat dalam dua tiga hari. Kita buat urusan. Tapi kita ambil berminggu. Tapi saya balik pada saranan jawatankuasa yang saya rasa mungkin keterlaluan sedikit, adalah perenggan kedua yang mengatakan 'pihak yang terlibat harus bertanggungjawab untuk keputusan yang salah dalam menjalankan catuan air.' Jadi itulah rasa saya tersinggung sedikitlah sebab kita buat catuan air selama dua bulan ya daripada bulan bila tu, Februari, fasa 1,2,3, ke-4 masuk ke 4 bila kita lihat keadaan dah berubah dan bertambah baik maka kita membuat keputusan untuk ni tapi mungkin dari segi operasi kita tak nampak. Jadi saya hendak mengambil kesempatan itu, kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai, semua jabatan yang terlibat dalam membuat keputusan sama ada kita hendak memulakan catuan dan sama ada kita hendak memberhentikan catuan air yang telah pun berlaku pada tahun lepas. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Timbalan Speaker dan juga rakan-rakan yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan, begitu juga membenteng penyata Jawatankuasa Pilihan Khas, JPK-SAM tadi. Saya bersetuju dengan Sungai Pinang, kejadian tahun lepas memberikan banyak pengajaran kepada kita dan menyebabkan kita, pada tahun ini mengambil pendekatan yang pro aktif. Dan tahun lepas memang keadaan cuaca yang memang di luar jangkaan sesiapa sahaja. Pada bulan Februari 2014, hanya 2mm sahaja, air hujan yang turun. Jadi, disebabkan

keadaan tahun lepas, pada tahun ini, kita mengambil banyak langkah-langkah pro aktif dan seperti mana yang telah pun di lihat dan dapatan-dapatan. Termasuklah juga pada tahun ini kita membuatkan banyak perkara-perkara yang bersifat pro aktif. Antaranya seperti *cloud seeding*, yang bermula daripada 21 Februari tanpa kita berhenti dan pada hari ini kita lihat bagaimana dalam keadaan musim yang kebiasaan kemarau pun kita mendapati banyak dan ada hujan-hujan yang turun dan memberikan takungan kepada empangan-empangan kita. Tatkala kita melihat, sebenarnya perkara-perkara ini telah pun dibincang, dibincangkan, sepanjang Dewan ini, dan dijawab. Dan pagi tadi pun berkenaan dengan isu ini. Kalau kita lihat, pada 23 Mac 2014, pada tahun lepas, Empangan Sungai Selangor hanya 38.31%, berbanding dengan sekarang. Tahun ini, 23 Mac, tuan-tuan boleh lihat sendiri dalam laman web LUAS, yang memberikan status terkini empangan. 23 Mac, 70.29%. Tahun ini kita rasa cukup bersyukur kepada Allah SWT di atas keadaan ini, menyebabkan kita rasa agak selesa. Walau bagaimanapun, banyak saranan-saranan yang telah pun dinyatakan dan pihak Kerajaan, mengambil berat di atas cadangan-cadangan, terutamanya berkenaan kempen penjimatan air. Walaupun dalam keadaan kita sekarang ini berada pada tahap yang baik dengan adanya kolam-kolam takungan, HORAS, yang mampu memberikan sumbangan 800 juta liter air, yang dulunya tidak ada. Tapi pada kali ini kita telah pun bersedia untuk itu dengan pam-pam dan sebagainya. Berkenaan penjimatan air, memang pihak Kerajaan Negeri telah pun ada perancangan untuk melakukan penjimatan air ini, kerana kalau kita merujuk kepada *Malaysia Water Industry Guide*, 2014, yang mana dari sudut *domestic consumption*, dengan izin. Selangor di antara pengguna air yang tinggi per kapita *per day*. Sebanyak 235 liter *per head, per day*, berbanding dengan Kelantan, saya sebutkan tadi, 140 liter *per head, per day*. Jadi saranan Jawatankuasa untuk mengadakan kempen itu, memang amat disambut baik. Begitu juga dengan perkara-perkara persiapan-persiapan lain, seperti pam-pam dan sebagainya. Jadi pihak Kerajaan akan memastikan kita bersiap sedia dengan alatan-alatan ini supaya keupayaan kita untuk mengeluarkan air di kolam-kolam takungan dan sebagainya berada pada tahap siap siaga untuk kita gunakan sewaktu musim kemarau yang akan menjelang. Jadi saya kira, terima kasih banyak-banyak kepada Jawatankuasa JKPSAM yang bertungkus-lumus menyediakan penyata dan dapatan-dapatan, begitu juga saranan-saranan dan pihak Kerajaan akan mengambil berat tentang saranan-saranan ini dan akan berusaha untuk melaksanakan yang terbaik. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *On Row Water Resources Management Of The State Of Selangor*, JPK-SAM, bagi Dewan Negeri Selangor, Berhubung Pengurusan Air Selangor dan Pembekalan Air Mentah Selangor yang telah di bentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 14 Tahun 2015.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN:Usul seterusnya Usul no. 14, Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5), oleh Yang Berhormat Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membuat satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, (*Select CommityRow Water Resources Management Of The State Of Selangor*), JPK-SAM, Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung dengan pencemaran ammonia di Loji Rawatan Air Batu 11, Cheras dan Bukit Tampoi di Sungai Langat yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 16, Tahun 2015.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang mulia ini, pada hari ini saya membentangkan penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, JPKSAM, di Dewan Negeri Selangor, berhubung dengan pencemaran ammonia di Loji Rawatan Air Batu 11, Cheras dan juga Bukit Tampoi di Sungai Langat. JPKSAM, telah bersetuju untuk meneliti isu ini atas sebab insiden ini yang telah menjejaskan bekalan air secara signifikan. Antara bulan Januari hingga April 2014, LRA Batu 11, tetap ditutup sebanyak lima kali, manakala LRA Bukit Tampoi, terpaksa ditutup sebanyak dua kali akibat pencemaran ammonia. Punca pencemaran ammonia didapati berasal daripada peningkatan kepekatan kandungan ammonia dalam Sungai Langat kepada 2 sampai 10 miligram per liter kerana kekurangan pencairan akibat musim kering yang berlanjutan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar, *Study On Polution Prevention Water Quality Improvement, Program Of Sungai Langat*, Julai 2003, jumlah peratusan pencemaran berkaitan kumbahan adalah lebih kurang 30%. Iaitu Loji Kumbahan Awam, 13.84%, Loji Kumbahan Swasta 2.95% dan Tangki Septik Individu or SID, 12.55%. Ini menunjukkan bahawa pencemaran kumbahan adalah antara menyumbang terbesar pencemaran ammonia di Sungai Langat. Terdapat tiga penyelesaian yang dicadangkan oleh Lembaga Urus Air Selangor :

- 1) Melalui penggantian penapis di Loji Rawatan Air yang didapati tidak efektif secara teknikal dan dipasang dalam aset, dalam kawalan Syarikat konsesi.
- 2) Penggunaan *tanker* rawatan awalan *Teknologi Kosmo Ball*. Di mana pergerakan bebola-bebola ini di dalam tangki air yang bertakung mampu mengeluarkan kadar kepekatan ammonia dalam air dan berjaya mencapai pengurangan 70-80% di Loji Rawatan Air. Projek ini memerlukan kos RM1,875,700.00 dan jangka masa 6 bulan untuk disiapkan. Jawatankuasa

difahamkan Kertas Kerja telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri oleh LUAS.

- 3) Terowong Langat II, menurut Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib, JPKSAM difahamkan bahawa sumber air mentah sebanyak 500mld akan disalurkan dari Pahang untuk membantu, membantu pencairan paras ammonia dalam Sungai Langat. Menurut UPEN, jumlah ini mencukupi untuk memberikan kesan mengurangkan tahap kandungan ammonia dalam sungai. Penemuan Jawatankuasa ialah Jawatankuasa mendapati bahawa Lembaga Sungai Langat, adalah Lembaga Sungai Langat adalah terdedah kepada pencemaran ammonia kerana jumlah Loji Rawatan Kumbahan iaitu LRK dan ISD yang banyak di sepanjang sungai tersebut. Jawatankuasa mendapati bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri belum cukup berkesan dalam mengatasi masalah pencemaran ammonia yang berlaku berulang kali. Jawatankuasa mendapati bahawa penyelesaian sementara wajar dilaksanakan sebelum Projek Rasionalisasi Kumbahan oleh Kerajaan Persekutuan disiapkan. Saranan Jawatankuasa ialah Jawatankuasa mencadangkan supaya tindakan serta-merta diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pencemaran ammonia kerana ia memberikan kesan yang buruk kepada rakyat dan negeri, ekonomi negeri. Memandangkan ISD menyumbang sehingga 12% pencemaran, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor mengadakan kempen secara pro aktif untuk milik rumah, untuk *nyah lumpur, dislodge*, tangki septik mereka yang sepatutnya dilakukan dua atau tiga tahun sekali. Insentif dicadangkan untuk diberikan pemilik rumah untuk melaksanakan *dislodge* ini. Untuk mengendalikan masalah pencemaran dengan lebih baik dan mengoptimalkan pelepasan air untuk pelarutan ammonia, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mempercepatkan projek LUAS untuk memasang Tolak Pengukur sepanjang sungai di Lembaga Sungai Langat yang sering mengalami pencemaran. Dengan adakan, dengan adanya Tolak Pengukur, *is gorgeos*. Seperti dalam projek *Integrated WaterResources Management Systems (IWRMS)*, kualiti air mentah boleh dipantau secara lebih sistematik dan tindakan kecemasan boleh diambil dengan lebih cepat. Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menambah pakar-pakar air dalam agensi-agensi Kerajaan untuk menangani masalah pencemaran.
- 5) Jawatankuasa mencadangkan, no. 5, Jawatankuasa mencadangkan, supaya Kerajaan memperkasakan LUAS dengan menambahkan anggota penguat kuasa.
- 6) Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor memantau dengan lebih baik projek Rasionalisasi Kumbahan dan menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan mencapai sasaran rancangannya, *target* mengikut jadual.

- 7) Jawatankuasa mencadang supaya Kerajaan Negeri Selangor mencari penyelesaian untuk pelepasan LRK kategori 2 dan 3 sebelum projek Rasionalisasi siap. Sama ada memberi insentif kepada pemilik-pemilik LRK, IWK dan persendirian untuk mengambil yang sesuai, untuk mengurangkan kadar kandungan ammonia ataupun mencari jalan untuk mengenakan piawaian yang lebih tinggi terhadap LRK kategori 2 dan 3, termasuk membuat pindaan Undang-undang. Tuan Speaker, itulah cadangan saya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Usul ini telah disokong, saya buka untuk perbahasan. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, masalah pencemaran ammonia di Sungai Langat ini berlaku kerap kali yang telah menyebabkan kesukaran bagi penduduk di kawasan tersebut. Oleh kerana ia berlaku berulang kali, saya rasa ini menjadi sangat serius. Sebab tadi ialah, loji-loji kumbahan peribadi dan juga loji IWK ini, jadi penyumbang terbesar. Tapi saya tak nampak ada tindakan-tindakan yang lebih konkrit yang diambil terhadap pemilik loji-loji kumbahan ini, iaitu saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri, LUAS khususnya hendaklah lebih serius dalam menangani isu ini. Keduanya ialah kalau kita lihat di kawasan Semenyih, kawasan *water in take*, berada di bawah kawasan industri. Ini soal *planning*, jadi kalau boleh industri-industri sebelah atas, di kawasan *in take* ini hendaklah ditutup atau dipindahkan. Hingga kini saya tak dengar ada satu tangkapan besar. Sebab setiap kali berlaku pencemaran ammonia, tidak ada satu bukti kukuh untuk menahan industri-industri ini. Jadi saya, saya sebut tadi supaya pertama, *planning*, jangan sesekali kita benarkan kawasan industri jangan berada di atas *water in take*. Jadi, oleh sebab ia berulang banyak kali, saya minta supaya Kerajaan Negeri lebih tegas dalam isu ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga terpanggil untuk mengambil perbahasan usul ini dan Kampung Tunku kekal dengan pendirian saya bahawa kerajaan harus mengambil tindakan yang proaktif dan bukan *re-active*. Apakah itu tindakan *re-active*? Tindakan *re-active* ialah tindakan penguatkuasaan dan juga tindakan kawal selia. Tindakan proaktif ialah tindakan yang diambil di mana kerajaan telah pun meramalkan bahawa ia akan berlaku dan mengambil tindakan-tindakan tertentu. Bahawa sekiranya berlaku juga kita mempunyai langkah-langkah kawal selia ataupun langkah-langkah *pre-active* yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah ini dan tindakan proaktif yang saya rasa ia berkesan tetapi mungkin melibatkan peruntukan ialah kapasiti dan juga pengurusan loji rawatan air. Soalan yang ditanya ialah adakah loji rawatan air yang ada di Selangor mempunyai kapasiti yang penuh untuk merawat *foliation* yang dimaksudkan ini. Seperti anomia, mangganis, *diesel* dan sebagainya. Kalau kita

faham dengan *industry water treatment* kita akan tahu bahawa *polluting hear talking about her* saya (dengan izin). Bukan perkara atau bahan-bahan pencemaran yang baru dia selalu menyebabkan loji-loji rawatan air di Selangor dan seluruh dunia. *Shutdown or breakdown* kerana kehadiran bahan-bahan pencemaran ini. Jadi soalan saya adakah kita mempunyai teknologi ataupun teknik rawatan air yang mencukupi? Bagaimana kita menguruskan loji rawatan air? Apakah reka bentuk *what a design how are our water treatment plant design and where did there are design is to carturf for the eats this pollutens if there are oppuringwhich amount in our water interpoint without even have to shutdown their water treatment plants.* dan kalau ikut *standard* industri apa yang selalu kita lihat ialah kita ada 2 set unit operasi yang sama. Satu (1) *operating and another ones duty standby i think chemical engineering do know this playground.*

Pada masa yang sama saya rasa pernah dengar jawapan daripada mantan Menteri Besar. Apa yang berlaku di Negeri Selangor sekarang kita tiada *duty standby* kerana untuk memenuhi keperluan air yang begitu banyak sekali. Semua unit yang ada itu kita jalankan sahaja. Itu yang menyebabkan sekiranya ada apa-apa berlaku pencemaran ke atau *breakdown* ke paip pecah ke pam pecah ke apa pun kerosakan yang berlaku kita akan menghadapi masalah kerana kita tiada *sparepart* kita ada kita tiada *duty standby* yang boleh dihidupkan untuk menjalankan operasinya. Ini adalah kaitan dengan *any management this is what im talking about proaktif and pre-aktif.* Sebab itu saya merasakan sekiranya kita tiada kapasiti sebegini di dalam di semua loji-loji rawatan air di Negeri Selangor dan sekiranya kita tidak mempunyai teknik ataupun peruntukan untuk mempunyai teknik rawatan air yang baru ini dan saya rasa masalah ini akan berulang dan saya di sini sangat mengharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian yang penuh terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh bukan sahaja penyata ini tetapi juga penyata-penyata sebelumnya. Bahawa kapasiti loji rawatan air ini perlu dilihat dan dirombak semula. Sekiranya ini tidak dilakukan saya boleh memberi jaminan bahawa mesti akan berulang. Berapakali berapa banyak kali loji rawatan air di Negeri Selangor terpaksa ditutup kerana pencemaran anomia. Takkan kita tidak tahu anomia ini wujud di mana-mana mungkin baru sekalilah kerana kita ada pencemaran yang disebabkan oleh magan kehadiran manggan dalam air. Ini saya rasa ini kali pertama dilaporkan. Tetapi di seluruh dunia pencemaran yang disebabkan oleh manggan dan juga besi ia wujud dan kita ada banyak *later* yang boleh *ficap* macam mana menjalankan rawatan. Sebelum itu kita ada pencemaran yang disebabkan oleh tumpahan minyak diesel di Gombak dan kita dapat mengesan dalam masa kurang daripada 24 jam punca-punca pencemaran itu. Jadi saya rasa ini adalah perkara yang saya ingin ketengahkan di sini iaitu tentang teknik dan juga cara pengurusan rawatan loji air. Kampung Tunku berdiri mohon supaya usul ini disokong. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:Sila Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker. Saya tidak ingin mengambil masa yang lama, cuma ia melibatkan Loji Bukit Tampoi yang mana seperti mana kita maklum bahawasanya ia terletak di kawasan Adun Dengkil yang mempunyai kuang 10,000 pemegang akaun Syabas. Pada tahun lepas selama 21 hari berturut-turut penduduk dan masyarakat di sekitar Bukit Changgang, Labuhan Dagang, Olak Lempit, Sg. Gading dan sebagainya mengalami masalah bekalan air selama 21 hari berturut-turut. Tetapi pada tahun ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Y.A.B Menteri Besar dan juga EXCO-EXCO yang mengambil tindakan yang proaktif dari segi untuk menangani masalah ini walaupun ia ada ganggu bekalan air berlaku sekejap-kejap saya hendak membetulkan Seri Andalas bukan 2 kali sebenarnya 5 kali ia berlaku tetapi tidak berpanjangan dan saya percaya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri seperti melepaskan air daripada Empangan Sg. Langat merawat air di tasik kemudian dimasukkan semula ke dalam sungai dan juga mengambil air daripada Terowong Sg. Pahang air. Rupanya Terowong telah berguna walaupun belum beroperasi itu saya mengucapkan terima kasih. Tetapi semua itu hanyalah yang saya katakan *template follicle* ataupun (dengan izin). Apa yang lebih penting bagi kita saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan bahawasanya kita memerlukan *longterm solution proactive manager*. Dan saya ingin mencadangkan di sini sebenarnya kita perlu menaiktarafkan loji-loji lama yang sedia ada seperti Loji Bukit Tampoi juga Loji Bt.12. Kalau kita ingin menaik taraf ia perlu memerlukan kos yang tinggi tetapi dengan cara kita mempercepatkan penyusunan semula air di Negeri Selangor ini yang mana nanti segala loji-loji yang perlu di naik taraf ia di bawah bidang kuasa PAAB Agensi Badan Persekutuan akan menanggung naik taraf dan juga menggantikan paip-paip yang lama. Jadi kalau kita boleh mempercepatkan isu penyusunan semula air ini secara tidak langsung kita boleh Kerajaan Negeri tidak perlu mengeluarkan belanja dan apa yang perlu saya tekankan sekiranya sudah ada loji-loji baru loji-loji besar seperti Loji Empangan Langat 2 loji besar yang lain loji-loji lama ini boleh ditutup sebab kita sudah ada loji besar yang boleh menampung jumlah bekalan air untuk rakyat Negeri Selangor. Dan satu yang hendak saya tekankan bila ia ditutup seperti mana perjanjian hak milik loji ini akan dipindahkan semula kepada Kerajaan Negeri. Itu

TUAN SPEAKER:Dengkil jauh sangat pergi tu...patah balik, patah balik

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya saya hendak habis

TUAN SPEAKER:Isu pencemaran Tampoi ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya hendak memberi cadangan. Cadangan bagaimana Kerajaan Negeri boleh menjimatkan wang. Dan kemudian ia loji ini tidak digunakan ia dikembalikan balik kepada Kerajaan Negeri itu antara syarat-syarat perjanjian yang saya difahamkan dalam usul ini. Jadi saya

mencadangkan supaya kita kerajaan sendirilah untuk mengambil langkah-langkah yang proaktif seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu untuk menaiktarafkan loji-loji ini atau loji lama ini ditutup dengan cara itu masalah air di Negeri Selangor ini boleh diselesaikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER:Saya mempersilakan pihak kerajaan. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker dan juga Seri Andalas, Kota Anggerik, Kampung Tunku dan Dengkil. Kerajaan Negeri Selangor menerima secara baik teguran, kritikan dan juga butiran laporan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas dan beberapa saranan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri akan meneliti dan memberi jawapan semasa sidang Dewan yang akan datang secara tulis banyak cadangan tadi yang dibahaskan kita mengambil maklumat juga dan juga untuk maklumat Dewan yang mulia ini kita di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan kerjasama IWK dan juga Suruhanjaya Pengurusan Air Negara telah mula secara proaktif untuk pergi ke beberapa kawasan untuk satusesemak tangki *septik* yang besar yang keduanya (2) juga ada kempen untuk (dengan izin) *this let individu use thank*. Dan juga ketiga (3) kita juga ada beberapa kempen untuk menggalakkan ataupun memberi sedikit tekanan bangunan-bangunan kerajaan tidak kira kerajaan pusat ataupun negeri untuk *main tent* (dengan izin) IST tersebut. Selain daripada itu kita juga ada kertas cadangan yang sepatutnya di bentang dalam Sumber Air Negara MSAN yang Ke-9 pada tahun lepas berkaitan dengan semakan semula berkaitan dengan piawai loji kumbahan bagi kategori 2 dan 3. Ahli Dewan yang mulia ini 2 dan 3 sebenarnya bermaksudnya di seluruh negara ini ada piawai yang berbeza so jadi yang agak lama *standard* nya lebih rendah yang tidak begitu lama ia sedikit tinggi dan yang baru dia ada *standard* tersendiri. Maka perkara ini perlu di bincang di peringkat pusat kerana perkara ini adalah satu isu nasional. Walau bagaimanapun saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga telah mengeluarkan surat edaran bertarikh 17 Februari 2015 kepada semua Kementerian yang menyarankan kepada semua Kementerian serta semua agensi-agensi khususnya di bawahnya untuk memantau dan juga untuk menyelenggarakan (IRK) Loji Rawatan Kumbahan termasuk tangki *diesel* setiap premis di kawasan Lembangan Sg. Langat. Akhirnya isu tadi dibangkitkan dalam teknologi saya rasa ini adalah satu perkara yang boleh di bincang di peringkat Air Selangor dan juga konsesi pemegang konsesi rawatan air di Negeri Selangor. Dan mungkin ini juga adalah satu perbincangan yang perlu diadakan sebelum penstrukturan semula air di Negeri Selangor boleh dihabiskan. Dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas kerana memberi saranan dan juga memberi cadangan yang amat baik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah adalah suatu usul yang berbunyi:- "Bahawasanya menurut peraturan 76.5 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini

menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor bagi Dewan Negeri Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) berhubung pencemaran anomia di loji rawatan air di Batu 11 Cheras dan di Bukit Tampoi di Sg. Langat yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini supaya kertas cadangan Bil.(16) Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini **Dipersetujui**.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No.15 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Bismillahir Rahmanir Rahim.Assalamualaikum Wabarakatuh.* Terima kasih Y.B Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:- “Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan bagi meneruskan pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) yang akan membantu kelancaran trafik di pusat-pusat bandar berkaitan.”Pertama saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan laluan kepada usul ini untuk dibentangkan dan menerima usul ini walaupun saya rasa petang ini terlanggar tembok juga melawan arus kerana usul ini walaupun dibentangkan pihak kerajaan melalui kenyataan Menteri Besar, ucapan-ucapan dalam penggulungan sudah menjelaskan bahawa KIDEX ini dibatalkan. Jadi walau bagaimanapun atas laluan yang diberikan ini saya ucap terima kasih sekurang-kurangnya kita dapat membahaskan secara terbuka usul ini untuk sama-sama dinilai, biarlah rakyat negeri Selangor, rakyat seluruh negara dapat melihat perbahasan ini, dapat melihat daripada pandangan pihak pembangkang dan pihak kerajaan supaya dapat melihat dan membuat penilaian akan pentingnya usul ini dikemukakan. Saya yakin akan mengundang perdebatan daripada rakan-rakan saya terutamanya yang terlibat, Bukit Gasing, sudah tersenyum, Bukit Damansara Utama, Kampung Tunku, Kinrara akan membuat perbahasan dan saya yakin sekalipun Usul ini mungkin tidak dapat diluluskan tetapi apa yang penting kepada saya, apa yang penting kepada saya inilah suara rakyat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ini sudah mengaku kalah sebelum sampai..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Belum, belum lagi. Suara rakyat dapat dibawa dalam Dewan ini dapat dikemukakan dan mudah-mudahan. Siapa tahu dengan perdebatan pada petang ini akan membuka semula perbincangan, mengubah sekali Menteri Besar ataupun kerajaan boleh membuat penilaian semula,

mempertimbangkan semula untuk Usul ini ataupun lebuh raya ini diterima. Tuan Speaker, sebelum saya memberikan latar belakang...

TUAN SPEAKER:Saya bagi 15 minit sahaja Permatang. Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebelum saya memberi latar belakang mengenai Usul ini saya juga ingin menjelaskan bahawa Usul ini dibawa kerana kita adalah Wakil rakyat yang peduli rakyat. Saya membawa slogan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang jangan sampai Usul ini nanti dibawa saya dah biasa diberi gelaran, dulu mantan Menteri Besar selalu menggelar saya Wakil Rakyat Syabas sebab bercakap fasal SYABAS, jangan pula hari ini saya Menteri Besar panggil Wakil Rakyat KIDEX kerana mewakili KIDEX. Jadi saya nak beritahu bahawa Usul ini dikemukakan tidak ada apa-apa kepentingan dari segi wakil-wakil rakyat kita dengan syarikat ini. Saya mengharapkan penggulungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak buat strategi yang sama mendedahkan syarikat ini, kroni ini, milik kerajaan ini disebut nama-nama. Saya rasa itu bukan semangat Usul ini. Biar Usul ini sekali pun didebatkan biar diberikan jawapan, rakyat dapat tahu bahawa Usul ini ditolak, ataupun bukan ditolak, KIDEX ini dibatalkan kerana apa? Teknikal atau tidak ekonomik ataupun kerana masalah politik dan sebagainya. Jadi Tuan Speaker, saya menyentuh sedikit mengenai latar belakang projek ini bahawa projek KIDEX ini oleh pihak swasta dibuat berikutan kajian trafik yang dijalankan oleh kerajaan persekutuan menunjukkan peningkatan jumlah kenderaan terutamanya di kawasan Puchong, Kinrara, dan Petaling Jaya Selatan serta kawasan sekelilingnya. Lebuh raya KIDEX dijangka dapat membantu dalam masalah kesesakan trafik yang dialami oleh pengguna jalan raya dengan menyediakan laluan alternatif yang akan menghubungkan koridor utara dan selatan. Projek ini melibatkan laluan lebuh raya sepanjang 26.1km yang mengandungi 14.9km jalan utama dan 11.2 jejambat lebuh raya bertingkat sepenuhnya yang meliputi 90% di atas rizab jalan yang sedia ada. Ia akan menghubungkan Damansara dan persimpangan NKVE di sebelah utara dan bandar Kinrara di sebelah selatan. Kos pembinaan projek ini dijangka bernilai RM2.42 bilion bersamaan RM88.8 juta untuk setiap kilometer. Projek KIDEX ini merupakan sebahagian daripada skim perancangan jangka panjang kerajaan persekutuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Kelang di samping pelaksanaan projek MRT yang sedang berlangsung sekarang hendaklah dilihat secara holistik. Bukan sahaja akan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas tapi juga akan memberi manfaat kepada limpahan sosioekonomi kepada negeri dan negara keseluruhannya. Juga menepati dasar kerajaan pusat untuk mengimbangi perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang di masa hadapan. Berdasarkan kepada penjelasan Menteri Kerja Raya Malaysia di Dewan Rakyat pada 24 Mac 2015 yang lalu, telah dimaklumkan bahawa cadangan projek KIDEX telah dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor ataupun MTES dan telah diluluskan secara dasar pada 23 Februari 2012. Perjanjian konsesi KIDEX telah ditandatangani di antara kerajaan pusat dan syarikat konsesi pada 15

November 2013. Kerajaan persekutuan juga telah memastikan supaya syarikat konsesi memenuhi semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan negeri termasuk hasil laporan Penilaian Impak Lalu Lintas (TIA), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang telah dihantarkan atau kami telah dimaklumkan telah dihantar ke Majlis Bandar raya Petaling Jaya pada 7 Julai 2014 dan 25 Januari 2015. Kerajaan pusat melalui Lembaga Lebuh raya Malaysia dan syarikat konsesi telah mengadakan sesi *engagement* dengan izin yang telah dibuat secara berterusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Persatuan Penduduk yang terlibat. Permohonan kerajaan negeri untuk mendedahkan dokumen perjanjian konsesi termasuk kadar tol tidak dapat dipenuhi kerana melibatkan aspek kerahsiaan yang memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak dan juga kabinet selaras dengan klausa yang terdapat dalam perjanjian berkenaan. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, perjanjian KIDEX ini juga masih belum dikuatkuasakan. Ia nya masih merupakan perjanjian bersyarat ataupun *conditional agreement* dengan izin Yang Berhormat Speaker, memerlukan pematuhan syarat oleh syarikat konsesi. Tuan Speaker, itu sedikit mengenai latar belakang, jadi apa yang nak saya perelaskan petang ini sebenarnya keputusan kerajaan negeri tidak membenarkan projek KIDEX diteruskan perlu dilihat berdasarkan apa? Kalau berdasarkan penilaian saya, rakan-rakan kita melihat ia lebih kepada kepentingan politik Pakatan Rakyat dari kepentingan majoriti rakyat serta hasrat murni kerajaan persekutuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut dan isu bertol ini juga merupakan satu janji pilihan raya dalam manifesto Pilihan raya Ketiga belas Pakatan Rakyat janji untuk menghapuskan lebuh raya bertol.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Nak tanya sikit.

TUAN SPEAKER:Belum buka untuk perbahasan. Biar beliau habiskan dahulu. Yang Berhormat Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Yang ini agak bertentangan kerana apa Yang Berhormat Speaker, saya melihat dalam isu mengenai kerajaan negeri Pulau Pinang, jambatan kedua baru sahaja disiapkan, baru beroperasi, tak adalah baru, dalam setahun barangkali beroperasi tetapi yang peliknya dalam manifesto yang mengatakan tidak ada lebuh raya bertol kerajaan Pulau Pinang dan DAP Pulau Pinang sudah mencadangkan pembinaan terowong dasar laut yang bernilai RM6.3 bilion yang dianugerahkan kepada Syarikat Konsortium Zenith Sdn. Bhd yang mana syarikat ini diberikan kemudahan untuk mengutip tol selama 30 tahun. Sudah tentu lah ini satu perkara yang begitu bertentangan dengan manifesto ini. Kalau di Selangor ditolak ini kerana peduli rakyat, kerana tidak mahu jalan betul tetapi di Pulau Pinang, kerajaan negeri Pulau Pinang membenarkan dan sedang merancang untuk membuat terowong dasar laut, yang mana terowong ini dengan kos yang besar, dengan mengenakan tol kepada rakyat. Mana ada kebenarannya? Isu ini juga merupakan salah satu sebab mengapa Menteri Besar, mantan Menteri Besar yang lama dari Pelabuhan Kelang dipecat kerana meluluskan projek ini pada dasarnya

dan bertentangan dengan dasar parti dan pendirian keras daripada Bukit Antarabangsa juga yang pada waktu itu menjadi Pengerusi BBC Pakatan Rakyat dalam Dewan Selangor ini apabila dilantik menjadi Menteri Besar, beliau tidak ada pilihan. Saya rasa melainkan untuk mencari helah dan alasan bagaimana hendak menyusahkan atau membatalkan projek KIDEX ini. Saya dengar ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai isu pembatalan KIDEX ini. Antaranya ialah kerana bantahan, bantahan-bantahan daripada rakyat tapi saya pun hairan kalau Menteri Besar boleh katakan Pelabuhan Kelang ini agak *selective amnesia*, saya pinjam baliklah perkataan itu kepada Menteri Besar kerana saya tengok Menteri Besar pun agak selektif. Kalau KIDEX dibatalkan atas alasan kerana bantahan rakyat, kenapa Datom Jelatek yang juga mendapat bantahan rakyat diteruskan? Ini kita kena lihat dalam konteks kalau ia betul-betul berdasarkan bantahan rakyat, kena terima kalau ini dibantah dibatalkan, yang itu juga kena dibatalkan. Bukan masalah PERKASA. Itu kebenaran, jadi saya melihat sikap ini membuktikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mahu ada hubungan baik dengan kerajaan persekutuan, tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan persekutuan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan. Tahu kah Yang Berhormat bahawa dalam proses mendapatkan pandangan rakyat dilakukan secara teratur dalam kes KIDEX dan demikian juga kita lakukan sebagai ADUN untuk mengadakan dialog terbuka di Hulu Kelang dengan para pembantah dan mereka tidak terima, mereka buat cara mereka.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya akan bantahkan sedikit lagi mengenai perkara ini dan kita akan jawab. Jadi pada saya lah, ada banyak masa lagi Speaker?

TUAN SPEAKER: 5 minit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: 5 minit lagi. Ok. Saya nak bagi ruang nanti kepada rakan-rakan saya akan membahaskan fakta-fakta yang lebih jelas dari segi teknikal dan sebagainya untuk menyokong ucapan ini. Usaha apa Sekinchan? Ok. Saya nak berikan beberapa perkara soalan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang pertama, adakah Yang Amat Berhormat sedar dan mengakui hakikat bahawa kita akan menghadapi masalah lalu lintas berikutan pertambahan kenderaan di kawasan laluan KIDEX dan persekitarannya menjelang tahun 2018. Sekiranya projek KIDEX ini tidak dimulakan pada tahun sekarang dan dijangka siap pada tahun 2018. Saya juga nak meninggalkan persoalan walaupun soalan ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adakah kerajaan negeri mempunyai jajaran alternatif bagi menggantikan jajaran sedia ada pada KIDEX ini?

Kedua, sekiranya jajaran KIDEX diubah, adakah kerajaan negeri akan bersetuju untuk meneruskan projek ini? Ketiga, apakah strategi kerajaan negeri dalam mengatasi masalah jalan raya yang terutama di kawasan LDP. Mesti ada strategi,

kalau tolak projek KIDEX, apa strategi kerajaan negeri dalam menguraikan masalah trafik yang ada di kawasan berkenaan. Keempat, siapa yang akan membiayai kos pelaksanaannya sekiranya kerajaan negeri bertanggungjawab untuk membina lebuh raya bersendirian? Adakah sumber kewangan daripada kerajaan negeri dan bagaimana kos penyelenggaraan seterusnya? Saya bagi lagi soalan untuk direnungkan bersama oleh Dewan ini. Melalui surat JPBD, Hulu Kelang saya nak bagi tahu, melalui surat JPBD terdapat sebanyak 4,647 petisyen yang menyokong pembinaan KIDEX, menyokong, dan 899 borang sokongan dan Laporan Tinjauan Kajian Struktur Negeri Selangor 2035 dikemukakan. Menyokong, tapi saya nak tanya, berapa ramai dan siapakah yang membangkang projek ini sehingga kerajaan negeri membatalkan? Projek ini yang dilihat akan memberi banyak kesan, faedah dan pengguna lebuh raya kepada kerajaan negeri sendiri. Adakah mereka ini penduduk, pemilik perniagaan atau ahli politik yang berkepentingan? Saya pun dah dengar jelas juga dalam Dewan ini apabila Usul ini dikemukakan. Apakah benar ada rancangan ataupun bantahan silalah kemukakan supaya kita dapat membuat penilaian. Apa benar sebab saya dimaklumkan lebuh raya ini sangat diberikan sokongan oleh rakyat. Siapa yang nak duduk dalam *jammed*, keluar 6 pagi balik 8 malam, keluar gelap balik gelap untuk pergi dalam konteks kegiatan melalui 15km, 20km.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Permatang, tadi tuduh MB batal projek ini sebab rakyat bantah, sekarang kata rakyat sokong. *So, please make up your mind*, rakyat sokong ke rakyat bantah ni.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang saya kemukakan ialah sokongan yang diberi kepada KIDEX. Yang Berhormat ni tak dengar kot ni. Saya kata yang sebut ini ialah jumlah yang menyokong KIDEX kita kemukakan tetapi Menteri Besar kata ada bantahan rakyat tapi kita tak tahu siapa yang membantah, berapa orang, ataupun yang membantah ini ahli politik Bukit Gasing yang membantah, hanya seorang yang membantah atau Kinrara yang membantah, atau Kampung Tunku yang membantah atau 4 orang sahaja ahli-ahli politik ada ADUN yang membantah sedangkan rakyat pada dasarnya bersetuju...

TUAN SPEAKER: Ringkaskan Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak bagi dua tiga soalan lagi untuk difikirkan bersama. Mengapa hanya KIDEX yang dibatalkan? dan bukan lebuh raya-lebuh raya yang lain sebab kita ada juga ada WCE, lebuh raya pantai barat. Apa yang menimpa nasib Lebuh raya Pantai Barat, apakah yang menimpa nasib sama kerana lebuh raya ini pula akan melalui menghubungkan antara Utara dan Selatan. Ini juga satu perkara yang perlu difikirkan kalau ini dibatalkan apa juga nasib yang akan menimpa WCE atau LPB ini. Ini saya nak minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar dijawab dan kenapa projek ini dibatalkan selepas ia diluluskan oleh pengurusan atau pentadbiran yang lama di bawah Menteri

Besar yang lama. Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Speaker, saya nak menjawab juga beberapa tohmahan yang dikemukakan ia menyatakan bahawa pelan induk Lebuh raya Malaysia ini gagal dan ini merupakan satu pendapat atau pun pembohongan yang jelas. Siapa kata lebuh raya ini gagal sekiranya itu benar mengapa lebuh raya-lebuh raya di Malaysia sesak. Dulu Bukit Gasing bukan sesak kerana apa kena ingat, kena ingat kerana pengguna, kalau dikatakan sesak.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sesak itu gagallah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Nanti-nanti maknanya kalau lebuh raya gagal, lebuh raya kosong, lebuh raya kosong, syarikat konsesi tutup buku tak boleh berniaga sebab tidak ada orang lalu itu betul gagal. Sekarang ini kita ada keperluan jumlah kenderaan semakin meningkat, pertambahan penduduk semakin besar sebab itu kita perlukan lagi lebuh raya. Dulu siapa yang tidak bangkang, masa kita buat DUKE, waktu kita buat lebuh raya-lebuh raya di kawasan ini MPE, lebuh raya SKVE, semuanya mendapat tentangan daripada pihak pembangkang tetapi hari ini terbukti kesesakan-kesesakan yang berlaku ini dan kita kena ingat bahawa lebuh raya yang dibina ini ada alternatif. KIDEX ini memberi alternatif kalau siapa tak nak bayar tol mereka boleh lalu jalan yang sedia ada. Tidak ada masalah sepatutnya, hari ini rakyat sedia untuk membayar tol asalkan mereka mendapat elakkan kesesakan, tidak ada terpaksa, saya tidak ada katakan terpaksa sebab rakyat bersedia untuk membayar. Saya mohon kepada Kerajaan Negeri, kalau betul-betul kita nak lihat KIDEX ini dapat sukar atau tidak saya minta supaya dewan ini membuat satu pendirian. Kita buat *survey* kepada rakyat yang ada, sama ada rakyat bersetuju atau tidak. Kalau terbukti rakyat menolak kita boleh terima projek ini boleh dibatalkan. Saya nak minta Kerajaan Negeri buat jangan ambil pendirian terus membatalkan tetapi bukalah ruang perbincangan, bukalah pandangan supaya pandangan-pandangan lain juga diterima dilihat supaya lebuh raya memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia keseluruhannya dan semoga kesesakan trafik yang berlaku dalam kawasan-kawasan PJ, kawasan-kawasan Kinrara, Puchong, LDP saya nak beritahu kepada Kinrara sebelum ada LDP. LDP juga dulu di bantah oleh rakyat kononnya betul dan sebagainya. Hari ini kita tengok kesannya apa dengan adanya LDP, Puchong boleh membangun, kalau dulu orang pun tidak boleh pergi ke Puchong. Hari ini kita tengok pembangunan begitu pesat di kawasan-kawasan berkenaan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tetapi rakyat Puchong dipaksa bayar tol.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau lalu kita bayarlah YB, kalau tidak mahu bayar lalu jalan biasa.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Boleh Permatang tunjukkan satu alternatif, jalan alternatif yang tanpa bayar tol di Puchong. Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak beritahu Yang Berhormat jalan lama banyak ada, tiada masalah.

Y.B. PUAN NOORHANIM BINTI ISMAIL: Puchong, untuk makluman Permatang Puchong dikelilingi oleh tol, tidak ada jalan alternatif lain.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada jalan alternatif.

Y.B. PUAN NOORHANIM BINTI ISMAIL: Kecuali jalan sungai, kalau sungai boleh tak kena tol tetapi lain dari sungai kita tidak boleh keluar dari Puchong.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat jangan buat pertuduhan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kita belok ke kiri kena tol, belok ke kanan kena tol, ke depan kena tol, *U turn* ke belakang lagi pun kena tol di Puchong, tunjukkanlah satu jalan alternatif di Puchong.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Pulau Pinang nak buat terowong pun nak cas tol selama 30 tahun nak cas tol itu terowong yang dibuat oleh Pulau Pinang jadi jangan cakap fasal tol. Pulau Pinang juga DAP.

TUAN SPEAKER: Permatang tolong habiskan 1 minit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih, saya sudah habiskan jangkakan perkara ini dijadikan perbahasan jadi Yang Berhormat Speaker saya dengan ini membentangkan usul dan saya mengharapkan perbahasan pada hari ini adalah perbahasan yang sihat. Kita nak sekali pun perbahasan yang boleh mengundang beberapa hasil yang baik yang rakyat boleh lihat, rakyat boleh dengar dan saya mengharapkan usul ini diterima dan disokong oleh semua Ahli-ahli Dewan, terima kasih. Saya dengan ini mengemukakan usul ini terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pencadang saya bagi lima minit. Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Lima minit sahaja Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker, Dengkil mengambil peluang ini untuk menyokong cadangan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Permatang berkenaan dengan menggesa pihak Kerajaan Negeri untuk meneruskan projek KINRARA, *Damansara Expressway* dengan izin saya ingin memetik kata-kata daripada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa menjawab pertanyaan berkenaan dengan KIDEX tempoh hari. Seseorang pemimpin mestilah mempunyai integriti, kredibiliti dan keberanian dalam membuat keputusan. Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat tetapi adakah keberanian dalam membuat keputusan itu, kita mengambil kira kepentingan, kemaslahatan rakyat kebanyakan. Saya mendapat

maklumat Yang Amat Berhormat dapat berjumpa dengan kumpulan yang dinamakan *said no to* KIDEX tetapi Yang Amat Berhormat tidak menyebutkan lagi tentang kumpulan atau pun *friend of* KIDEX yang berkali-kali, nanti dulu saya, yang berkali-kali membuat temujanji memohon kebenaran berjumpa tetapi tidak dapat dipenuhi. Saya juga ingin menyatakan di sini sebenarnya dalam *friend of* KIDEX, penyokong-penyokong KIDEX ini Yang Amat Berhormat. Seperti mana yang disebutkan oleh Permatang tadi hampir 5,000 orang yang menyokong KIDEX. Ini dapat saya buktikan Yang Amat Berhormat dengan *compilation* penyokong-penyokong KIDEX ini yang mana ini sendiri diakui oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor. Bila mereka cuba membuat perjumpaan yang mana kita dapati seperti mana yang disebutkan oleh Permatang tadi iaitu 5,000 orang iaitu hampir 5,000, 4,647 yang menandatangani petisyen dan 899 orang yang mengisi borang repensasi laporan tinjauan kajian rancangan struktur Negeri Selangor. Kalau dibandingkan dengan kumpulan *said no to* KIDEX ini saya difahamkan hanya 1,000 orang sahaja orang membuat repensasi ini. Yang kedua Yang Amat Berhormat kajian juga yang dibuat oleh *public survey consultant* yang diiktiraf oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seramai 2,000 yang telah dibuat statistik di satu kilometer kiri dan kanan jajaran KIDEX ini lebih daripada 75% yang menyokong pelaksanaan KIDEX ini. Yang ini yang saya sebutkan tadi ianya patut juga kita ditekankan bagaimana rakyat keseluruhannya bukan sahaja satu pihak sahaja yang perlu kita temui dan saya nak bagi tahu juga dalam ini juga terdapat NGO yang ramai. Sekinchan dia ada semua rekod ini, saya boleh bagikan salinan nanti untuk Sekinchan. RT residen, rukun tetangga saya namakan sedikit rukun tetangga Taman Medan Baru, Rukun Tetangga Seksyen 3, PJ, Persatuan, apa pula UMNO ini rakyat Persatuan Pandu Puteri, nanti-nanti dulu, jangan kacau saya, saya ada lima minit sahaja. Persatuan Pandu Puteri Selangor yang beroperasi di Jalan Tanjung, Petaling Jaya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Pandu Puteri.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sabar, sabar Persatuan Pemandu Teksi Pengkalan Pekan Lama, PJ, Persatuan Penduduk Seksyen 3 PJ, RT dan RA dan yang satu lagi Yang Amat Berhormat, Persatuan Pengguna-pengguna Awam Malaysia yang beralamat di PJ.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Persatuan itu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak payah kacau saya nanti you debat, you dah ada banyak masa, bagi saya peluang untuk menghabiskan perbahasan saya. Yang ini Yang Amat Berhormat hakikatnya mereka cuba berjumpa dengan Yang Amat Berhormat tetapi hajat mereka tidak kesampaian. Jadi pentingnya satu lagi saya nak sebutkan berkenaan dengan *town hall meeting* ini yang diadakan oleh MPSJ. MPSJ *town hall meeting* yang diadakan ramai ataupun lulus untuk menyokong supaya KIDEX ini dilaksanakan dan tidak mendapat bantahan yang banyak tetapi MBPJ tidak dapat mengadakan *town hall*

meting disebabkan ada kekecohan dan sebagainya. Tetapi di pihak MPSJ yang ada jajaran KIDEX ini juga lulus, rakyat menyokong semasa *town hall meeting* ini dibuat. Satu lagi untuk maklumat Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat ada menyebutkan tentang bagaimana pelan induk pengangkutan awam Negeri Selangor untuk menggantikan atau pun untuk menggantikan lebuhraya-lebuhraya yang akan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan melalui pihak swasta.

TUAN SPEAKER: Dengkil boleh berhenti sekejap tak. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan dewan ini masih belum selesai maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya dewan yang bersidang pada hari mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap dalam Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan dewan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui. Silakan Dengkil satu minit.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Satu minit sahaja, saya nak menyatakan di sini berkenaan dengan pelan induk pengangkutan awam yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Bahawasanya pembinaan lebuhraya ini bertepatan dan ia juga menjadi pemangkin, dia juga *complement* kepada pelan induk pengangkutan awam. Apa yang disebutkan di sini ialah kalau kita mengharapkan pengangkutan awam dengan melalui lebuhraya-lebuhraya yang sedia ada ianya kita akan alami *level of services* tetapi kalau kita seperti mana yang kita maklum pengangkutan awam ini juga termasuk bas, teksi dan juga ada di kalangan kita ini pergi ke tempat kerja dengan menggunakan *semi moded* daripada rumah pergi ke LRT, menggunakan kereta dan menggunakan *fider* bas tetapi bila jalan sesak ianya *the field the ...* dengan izin dan saya difahamkan KIDEX menyediakan khidmat MRT, LRT untuk *complement*.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat boleh tanya sedikit, boleh minta penjelasan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya.

TUAN SPEAKER: Benarkan atau tidak.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Banyak *point* lagi ini tapi nanti EXCO gulung nanti.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya tidak gulung tapi nak minta penjelasan sebab Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawa dalam pengetahuan Yang Berhormat Kerajaan Negeri sedang menyediakan satu pelan induk pengangkutan awam. Jadi dengan pengetahuan itu boleh tak Yang Berhormat tangguhkan usul ini selepas kita buat pelan induk. Yang Berhormat tengok kaji pelan induk dan dari situ pelan itu dapat menyelesaikan masalah dan masa itu mungkin Yang Berhormat menyatakan KIDEX tidak perlu dan bagikan sedikit masa kaji dulu boleh tak.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok Kerajaan Negeri boleh kaji tetapi saya sini nyatakan bahawanya ianya *compliment* dengan pelan induk pengangkutan awam sebab KIDEX juga menyediakan perkhidmatan untuk MRT, LRT dan sebagainya. Saya ingin pergi kepada yang disebut syarat-syarat yang tidak dipenuhi oleh KIDEX seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya difahamkan hampir semua syarat-syarat telah dipenuhi berkenaan dengan laporan ekonomi, impak analisis sudah diberikan, berkenaan dengan laporan *benefit* analisis dah diberikan, berkenaan dengan projek LRR juga sudah diberikan, kadar tol pula dibincangkan nanti oleh kerajaan setelah lebuhraya disiapkan oleh mengambil kira kos pembinaan dan juga pengiraan IRR, juga senarai nama Lembaga Pengarah KIDEX juga sudah diberikan, kesan terhadap lalu lintas dan alam sekitar juga telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri, EIA *report* dan juga pendedahan isi kandungan yang ini disebutkan oleh Permatang tadi memerlukan kebenaran daripada Kabinet dan pihak AG. Saya banyak lagi *point* ini Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kawan lain boleh tolong nanti berbahas. Cepat sedikit Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: 5 minit lagi boleh.

TUAN SPEAKER: Tak, 1 minit.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: 1 minit lagi.

TUAN SPEAKER: Cepat, cepat, cepat.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Akhir sekalilah saya tutuplah, akhir sekali. Saya sebenarnya hendak jawab 5 perkara, 5 perkara yang disebutkan oleh bantahan daripada *Say No To KIDEX* seperti kajian lengkap berkenaan justifikasi projek, dari sudut ekonomi yang ini, dari segi sosial impak, *economies impact studies* telah pun diberikan, *level of services* yang dikatakan F itu dengan adanya

KIDEX ini, *level of services* akan menjadi bertambah baik seperti akan membantu kesesakan di LDP dan jalan-jalan lain seperti Jalan Templer, Jalan Universiti dan jalan-jalan lain lagi. Berkenaan dengan pencemaran bumi, masalah statik ia juga telah dibuat kajian alam sekitar yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak konsesi ini difahamkan akan terus membuat *engagement* dengan pelbagai agensi berkaitan terutamanya melibatkan *complaint* dan kesan kepada penduduk. Akhir sekali saya, sebelum saya tutup saya merayu pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mempertimbangkan semula pembatalan Lebuhraya KIDEX ini, saya juga merayu kepada ADUN-ADUN dan rakan-rakan saya Bukit Gasing, Damansara Utama, Kinrara mungkin setuju kot, Taman Medan mungkin setuju yang tak setuju ini Yang Amat Berhormat, yang tak setuju ini. Yang tak setuju ini sebenarnya ia segelintir orang yang berada di kawasan P.J. Sentral atau pun di P.J. New Town Sentral, P.J. New Town. Tetapi kebanyakannya bila kita lihat tadi ...

TUAN SPEAKER: Ok Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Yang Amat Berhormat boleh dapat mendengar di kedua-dua belah pihak sesuai juga dengan konsep yang dicuba ketengahkan oleh Yang Amat Berhormat pembangunan berkualiti, rakyat di peduli. Akhirnya saya juga menyeru Yang Amat Berhormat supaya kita terus mengikut titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor supaya kita teruskan konsep bersemuka dan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk kebaikan rakyat Negeri Selangor, terima kasih Tuan Speaker, *I raise my case*, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan, 5 minit seorang, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan juga terpanggil turut serta dalam perbahasan usul KIDEX yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Permatang. Saya sifatkan usul ini sebagai usul yang tidak sihat, tidak sihat kerana apa kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita sudah berulang kali di dalam Dewan yang mulia sepanjang 2 minggu ini, berulang kali dah beri jawapan melalui soalan dewan, melalui penggulungan mengatakan kenapa KIDEX ini kita tolak dalam ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini menghina Speaker ini sebab usul ini dah Speaker luluskan. Sekinchan ini peraturan ini jangan hina Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak kata usul ini, apa boleh saya hina, mana saya hina

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Speaker tolong bagi penjelasan pada Sekinchan ini. Tuan Speaker tolak tak apa.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Peraturan mana ini. Ini *flow* ...

TUAN SPEAKER: Saya benarkan perbahasan secara terbuka, Permatang saya telah luluskan silakan Sekinchan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Hah...dah lulus jangan kutuk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Permatang ini

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sebenarnya Tuan Speaker, kalau Permatang memahami Peraturan Tetap usul ini dibawa menurut Peraturan 17. Di bawah Peraturan 17, Speaker tidak boleh menolak selagi notis 14 hari yang mencukupi itu diberikan. Jadi yang boleh ditolak ...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada juga usul yang ditolak.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tak boleh

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada juga usul yang ditolak bukan semua diterima.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tak dengarlah. Tolak kerana ia melanggar Peraturan Tetap yang lain. Kalau dia tidak melanggar Peraturan yang lain yang boleh lulus atau tolak usul itu adalah Dewan ini bukan Speaker. Jangan sengaja salahkan Speaker.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya tak ada salah Speaker, Speaker betul, saya sokong Speaker. Speakerlah yang jawab bukan

TUAN SPEAKER: Permatang, Sungai Burong, Sungai Pinang

TUAN SPEAKER: Ya Sungai Panjang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Speakerlah yang jawab bukan EXCO yang jawab, Speaker yang jawab.

TUAN SPEAKER: Ok Sungai Panjang, ok.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bawa Peraturan Tetap tak faham ke, bawa Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER: Ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Sebut masa tadi tak sebut pun. Hendak *refer* kepada Peraturan Tetap tak minta izin pun.

TUAN SPEAKER: Permatang....

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya minta izin, tak dengar hoiiii..... Mana kamu tadi tidur ke?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: EXCO tak minta izin dengan Speaker pun tadi

TUAN SPEAKER: Ok saya betulkan Permatang, Speaker benarkan usul ini dibentangkan dalam Dewan bukan Speaker luluskan usul ini. Ada perbezaan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Terima kasih Puan Speaker buat pencerahan. Betullah itu.

TUAN SPEAKER: Ok, teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan saya meneruskan dan saya nampak usul yang dibawa ini tidak sihat sebab apa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dah bagi julung kali julung kali jawapan dalam Dewan yang mulia ini tentang KIDEX ini dan prinsipnya kenapa kerajaan negeri tolak pembangunan KIDEX, projek kita tidak tolak, kita tolak pembangunan KIDEX kerana apa, kerana dia tidak menepati 3 syarat utama seperti yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat MMKN Bil.7/25 pada 17 Februari 2015. Dan telah disahkan MMKN yang berikutnya Ke 8/25 25 Februari yang lalu. Di mana satu menyediakan projek pembangunan Lebuhraya KIDEX tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu menyediakan penilaian impak lalu lintas yang bebas, penilaian impak sosial dan penilaian alam sekitar. Kajian-kajian ini perlu dimanfaatkan yang nyata kepada pihak pengguna dan penduduk di kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat kesan pembinaan lebuhraya tersebut, itu satu.

Yang kedua mendedahkan kadar tol, mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk fasa kenaikan kadar tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan pelaburan perlu didedahkan. Yang ketiga mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar kerajaan negeri yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban. Ini tiga perkara yang penting konsesi dan kerajaan persekutuan tidak menepati, maka kerajaan negeri terpaksa membatalkan pembangunan KIDEX ini. Jadi kita telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam konteks pembangunan KIDEX ini dan kerajaan negeri ada jawapan untuk ada satu kajian terperinci untuk pengangkutan awam yang bersepadu yang akan dibuat. Jadi jangan Permatang nak sibuk tentang ini tentang soal KIDEX

ini, kita ada buat berdasarkan prinsip-prinsip kerana apa, kita kluatir kalau tol tidak diumumkan akan berlaku seperti Lebuhraya Utara Selatan. 6 bilion pembinaan sampai sekarang lebih 24 bilion sudah dikutip tapi tak berhenti-henti menindas rakyat. Ini rakyat ditindas sampai hari ini, GST ditindas semua ditindas. Semua bawah Barisan Nasional tak ada yang tertindas. Ini perkara yang cukup penting, semua ditindas.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Puan Speaker mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak ada celah masa terlalu suntuk untuk saya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sikitlah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya sebab masa terlalu suntuk ya jadi saya hendak beritahu untuk usul yang sedemikian dan di belakang, siapa yang di belakang konsesi rakyat berhak tahu kita tidak mahu amalan-amalan dahulu Barisan Nasional yang dahulu yang buat. Serahkan kontrak kepada konsesi tanpa mengumumkan siapa mereka di belakang, itu tak betul, itu tak telus. Sekarang kita hendak tahu siapa pemegang konsesi dan seperti maklumat yang saya terima, pemegang konsesi siapa Hafarizam. Siapa Hafarizam Tuan Speaker, peguam UMNO peguam UMNO dapat orang kampung Sekinchan pun tak dapat, Permatang pun tak dapat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Yang Berhormat Sekinchan tahu tak yang Hafarizam ini juga didapati bersalah kerana menghina Dewan dan dia belum bayar denda lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas cerahan Sungai Pinang, tengok orang yang dapat konsesi hina

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Nama-nama pengarah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, cuba *check* betul-betul ada tak nama Hafarizam ini. Cuba *check* tanya dengan Yang Amat Berhormat ada tak nama Hafarizam ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang kedua saya tak nak jawab

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jangan main *semborono* je.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang kedua siapa

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Sekinchan berhenti sekejap. Batang Kali dan Dengkil kalau hendak mencelah kena dapatkan kebenaran orang yang berbahas dan Speaker dulu. Ok teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker seterusnya Pengerusinya siapa bekas Ketua Hakim Negara, dulu-dulu pernah jadi peguam UMNO siapa dia? Tun Zaki tengok siapa yang dapat konsesi, jadi benda-benda ini rakyat tak tahu, kita kena dedahkan kepada rakyat jadi konsesi ini perjanjian konsesi ini kena dedahkan kepada rakyat. Tol dia macam mana, supaya rakyat tidak dibebankan. Prinsipnya di sini tapi Permatang yang jadi hampir separuh juru cakap tak faham, sentiasa hendak menindas dulu kini dan selamanya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker hendak mohon sedikit penjelasan dengan Yang Berhormat Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan beri, Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Boleh.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya hendak ada tak pernah bahawa kontraktor atau pun syarikat yang terima yang tadi disebutkan isteri kepada Tun Zaki dan juga Hafarizam itu sebenarnya adalah juga terlibat dalam kes *crisis speria*, adakah itu benar dua-dua mereka itu terlibat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Rawang yang bijaksana kerana memberi ingatan kepada saya, saya ucapkan terima kasih. Memang dalam kes insiden hitam insiden Perak ini dua-dua terlibat. Jadi ini mungkin sebagai imbuhan, mungkin sebagai imbuhan, ganjaran daripada krisis rampasan kuasa ini semua. Ini antara rakyat hendak tahu, rakyat di luar hendak tahu apa yang UMNO buat, buat projek semua demi kroni. Demi kroni cakap rakyat itu semua temberang belakalah, temberang belaka jadi usul ini tidak sihat. Dewan ini kita perlu tolak dengan kos sekalilah, tolak ya sebab tak relevan, MB dah jawab dibangkit lagi membuang masa Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Kita ada banyak benda hendak buat tapi cakap berulang lagi menggunakan pentas ini untuk cakap sahaja sebab jawapan dah ada. Jadi sebab Permatang kurang sihatlah dalam konteks ini jadi tak apa saya tidak mahu cakap panjang, jadi saya *check-check* ini dia kata ada sokongan daripada *friends of KIDEX*, ramai sangat. Saya *check friends of KIDEX* ini dalam 262 *like* sahaja (dewan ketawa) 262 *like* sahaja, *friends of KIDEX* cuma 130 orang sahaja (dewan ketawa). *friends of KIDEX* 130 orang sahaja. Tak payahlah, tak payahlah

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tengoklah, tengok, tengoklah petisyen ini....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak payahlah, tak payah, tak payah.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi saya tidak mahu cakap panjang

TUAN SPEAKER: *Befare* lah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ahli-ahli Dewan yang bijaksana, kita kena tolak usul yang tidak sihat dan juga Permatang yang kurang sihat ini dengan kos, akhir sekali saya dengan ceraian pantun inilah zaman BN *kito* sudah beli timbang kati, zaman dulu kita jual beli pakai timbang kati, zaman *saieki kito* jual beli *nggangor* GST, zaman sekarang jual beli kena GST ya, rakyat di gasak UMNO Barisan Nasional sampai setengah mati, sekian sahaja saya mohon, saya mohon usul ini ditolak dengan kos, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker kerana beli laluan. Usul yang dibawa oleh Permatang ini malangnya dia tidak membuktikan usulnya. Saya ingin ada beberapa hujah yang dibawa oleh pihak Barisan Nasional pada hari ini yang tidak membuktikan kenapa mereka hendakkan Lebuh raya KIDEX ini. Didakwa akan membantu kelancaran trafik di pusat bandar raya yang berkaitan tetapi sepanjang ucapan, ucapan pembukaan tidak menjawab. Saya bangun cuba hendak tanya tapi tak nak bagi laluan. Memang dokumen-dokumen trafik ini telah diberi, saya sepanjang 2014 naik turun naik turun berpuluh-puluh Mesyuarat Teknikal di MPBJ, di pihak konsultan KIDEX dan sebagainya untuk dengar hujah. Bila KIDEX pertama timbul pada tahun 2013 kita tidak tolak, banyak rakyat marah dengan saya, banyak rakyat marah dengan Adun-Adun Pakatan Rakyat kerana tidak tolak KIDEX. Kita tidak tolak *just because* orang membantah, jangan silap faham itu bukan alasan yang lebu raya ini ditolak. Kita memberi peluang, kita tanya KIDEX untuk buktikan bagi semua dokumen trafik memang cukup lama yang diperlukan untuk KIDEX untuk menjawab kesemuanya. Tetapi apabila dijawab saya ingin berkata di Dewan pada hari ini, MPPJ telah mengambil satu tindakan pro aktif dan profesional untuk menilai segala dokumen impak trafik yang dibekalkan oleh pihak LLM oleh pihak KIDEX.

Satu perunding telah dilantik pada September 2014 diberi empat bulan, ada banyak mesyuarat teknikal untuk mereka memahami segala yang hendak dibuat oleh pihak KIDEX dan LLM. Dan setelah meneliti untuk empat bulan ini mereka akhirnya pada bulan Januari 2015 ini telah keluar laporan mereka. *This is independed consultant professional engineers* yang tak dipertikaikan mereka keluar laporan independent ini bukanlah laporan politik, laporan daripada Engineer mereka kata lebu raya ini tidak ada manfaat untuk Petaling Jaya dan tidak diperlukan untuk Petaling Jaya, memang Permatang saya tahu Permatang jauh dari Petaling Jaya ambil perhatian tetapi Permatang mesti tahu ada tak baca laporan daripada yang dikeluarkan oleh Perunding *Independent* ini, kalau belum baca lagi nanti bila balik nanti tolong lah ambil satu salinan dan laporan yang dibuat oleh MPBJ ini, komisen daripada MBPJ

ini kita tidak rahsiakan dibagi kepada semua dimasukkan ke laman web. *Just goggle* boleh dapat.

Impact traffic makluman yang kita dapat dari konsultankIDEX sendiri akan hanya menurunkan kesesakan trafik di Petaling Jaya by 1.3%, 1.3 peratus sahaja *average travelling time* purata masa untuk perjalanan bukan nak angka saya angka daripada pihak perunding KIDEX itu JACOB kalau tak percaya kita balik tanya *your politicalmaster* yang sediakan semua skirp-skirp ucapan ini kenapa lupa nak masukkan benda ini. Untuk perjalanan daripada luar Petaling Jaya ke Petaling Jaya dan dari Petaling Jaya ke luar Petaling Jaya seperti Puchong seperti Rawang dan sebagainya jika KIDEX dibina akan hanya akan menurunkan 2.6peratus sahaja *average travelling time* ini adalah angka yang sangat sedikit kalau nak bina lebuhraya sebagai penyelesaian kepada trafik dengan cara UMNO Barisan Nasional ini saya rasa kena binalah 30 lebuhraya di Petaling Jaya supaya dapat mengatasi kesesakan kalau

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Mencelah

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Ok, boleh saya bagi

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Saya tak ada masalah, saya pun tak ada masalah untuk kata berani dan tak berani daripada konsultankIDEX pencerahan diturunkan di 30 peratus bukan sahaja

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Di mana 30 peratus, di jalan mana

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Bukan masalah ini laporan konsesi saya tak boleh nak jelaskan kesemuanya dalam ..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Betul Menteri dah kata banyak 30peratus tapi bila dia nak petik angka 30peratus dia petiklah tempat jalan yang ada kurang trafik jalan yang naik trafik dia tak sebut tapi kalau baca laporan yang tebal-tebal ada semua, ada jalan di mana trafik dia akan naik seperti Jalan Utara, seperti Jalan Cangai, ada jalan yang trafik dia akan turun betul kalau tak petik sahaja jalan yang trafik dia akan turun itu *not professional way* untuk *study* laporan trafik jadi kena ambil keseluruhannya jangan petik sahaja yang don't yang hendak *to justify your point* ambil keseluruhan. Trafik akaun satu perkara ambil juga *statistic, average travelling time* sebab ada simulation daripada Bandar Utama ke PJ, daripada Taman Medan ke SS2, simulation pihak KonsultankIDEX tu ambil dia punya *average travelling time* saya rasa laporan itu tidak dibekalkan bukan di atas meja Permatang hari ini. Tetapi laporan itu ada, untuk isu adakah kita ini adil atau pun tidak ada adil saya rasa pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberi 3 syarat yang sangat jelas, 3 syarat yang sangat jelas dalam tempoh masa 3 bulan dengan *date line* Februari 2015 yang sangat jelas kenapa pihak KIDEX tidak boleh memenuhi 3

syarat ini, syarat yang pertama nak *release* semua *report*, *report* yang di *release* pun tidak lengkap, kos *benefit analysis* itu satu perkara yang kita tanya sampai hari ini tidak didedahkan kepada umum kos *benefit analysis* pun nak rahsiakan tetapi semua laporan trafik yang diberi kepada trafik konsultan kita nilai secara profesional yang kedua dedah kiraan tol *projection rate* kadar tol dan *projection return* yang itupun tak nak dedahkan kenapa nak mengaut keuntungan daripada rakyat Petaling Jaya yang ketiga dedahkan konsesi, Permatang kata tadi konsesi tidak boleh didedahkan kerana semua pihak setuju, saya nak tanya balik pihak mana yang tidak setuju untuk dedahkan pihak KIDEX yang tak setuju ke pihak kerajaan Persekutuan yang tidak setuju nak dedahkan apa yang sangat takutkan adakah disebabkan kontrak itu sangat *lock sided* kepada syarikat konsesi yang pihak kerajaan takut dedahkan atau pun pihak KIDEX yang tak nak dedahkan tolong *verify* siapa yang nak ucap selepas ini mungkin Batang Kali tolong jelaskan

TUAN SPEAKER:Bukit Gasing, satu minit lagi

Y.B. TUN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: saya nak tanya

TUAN SPEAKER: Satu minit lagi

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Tinggal satu minit lagi

Y.B. TUN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sekejap jer nak tanya sedikit

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Ok

Y.B. TUN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Saya nak tanya Bukit Gasing sebagai wakil rakyat kat situ, Bukit Gasing juga yang mengumpulkan orang *Say No KIDEX* ini, tapi sebagai wakil rakyat *you have to be fair* adakah *you* dah jumpa dengan lima ribu orang ini yang mana saya difahamkan *you* tak jumpa lagi dengan diorang tapi lepas itu kalau *you* jumpa pun itu hari pihak KIDEX cuba buat penerangan di sana yang Yang Berhormat pun ada di sana tapi tidak memberikan kerjasama yang baik kepada KIDEX macam mana dia nak terangkan kalau tak dapat kerjasama daripada Yang Berhormat

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya boleh menjawab penerangan ini diberi oleh pihak KIDEX dan berapa puluh kali saya hadir ini pihak KIDEX yang depan tu gambar Encik Rafiq daripada Seksyen 5 yang pakai kot yang hantar memorandum saya dah berbual dengan dia berjam-jam untuk *explain* kepada dia dan untuk dengar daripada dia bukan saya tak dengar saya dengar dan saya memang telah meluangkan masa yang banyak dengan mereka yang hendak berjumpa dengan saya dan saya tak menolak untuk berjumpa sesiapa..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Minta mencelah sedikit

YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ok

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, boleh terima kasih, isu tol ini kita pun tanya isu tol ini bukan benda rahsia *finally* orang pun boleh tahu juga tol itu berapa Yang Berhormat tak ada masalahnya isu tol ini dapat diputuskan apabila kos pembinaan tidak dapat diselesaikan dan muktamadkan maka Kementerian Kewangan akan memastikan tol itu dengan IIR yang akan diterima oleh syarikat itu akan dapat ditentukan itu sahaja tak isu mengenai tak ada apa yang diselindungi dan akhirnya rakyat akan tahu juga, tak ada sebab pun nak melindungi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tapi macam mana saya nak tahu, Permatang ini betul atau tidak macam mana Permatang tahu, benar atau pun tidak. Sebab *concession agreement* masih rahsia masih tidak didedahkan mungkin dalam *concession agreement* dah cakap dah lima ringgit tol itu, mana saya tahu, mana Permatang tahu, itu yang kita kata dedahkan perjanjian tersebut nanti semua akan jelas

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit boleh, sekiranya KIDEX buat penjelasan boleh terima projek ini, boleh

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kita nilai bila dia tunjukkan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Alasan itu diberi

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tetapi 3 bulan telah diberi untuk mereka mendedahkan tiga bulan itu cukup panjang kenapa tak datang selepas tiga bulan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Selepas dewan ini, saya minta mereka dedahkan, boleh terima

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ini YB KIDEX la sekarang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya boleh beritahu

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: KIDEX dedahkan

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing, cepat habiskan jelaskan

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kalau KIDEX datang boleh meminta KIDEX untuk mendedahkan tolonglah minta kita semua nak tengok apa yang sangat yang perlu dirahsiakan ini bukan strategi pergi perang ini bukan strategi untuk beli *submarine* ini lebu raya yang nak dipakai oleh orang awam so *please*..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Kalau semua didedahkan boleh setuju

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Ya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Kalau itu semua Yang Berhormat minta KIDEX boleh benarkan boleh bersetuju

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Mana boleh beri *agreement* macam tu, dedah dulu baru lah kita nilai apa yang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Itulah dah minta bila nak bagi tak boleh, tak setuju

TUAN SPEAKER:Bukit Gasing tolong habiskan

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Ok saya kena jawab Permatang ini

TUAN SPEAKER: Permatang, Bukit Gasing jangan guna jari *point-point each other like that*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Permatang kena faham apabila mendedahkan *concession agreement* ini baru lah kita boleh membaca dan menilai sama ada ada tak klausa-klausa yang berat sebelah kepada syarikat yang akan membebankan syarikat untuk 48 tahun akan datang. Jadi tak boleh lah saya kata sekarang saya akan sokong bulat-bulat tak boleh kita baca dulu apa yang terkandung saya menyambut baik kalau permatang boleh mendedahkan sebab Menteri kata Menteri pun tak boleh dedahkan jadi kalau Permatang lebih kuat daripada Menteri cukup baik lah.

Y.B. TUAN SHARUM BIN MOHD SHARIF:Tuan Speaker sikit lagi saya nak tanya

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing saya tak benarkan *extention*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Saya boleh tetapi

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebelum MB jawab saya nak you jawab. Sikit jer

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan Dengkil, tolong duduk, Bukit Gasing ayat terakhir, tolong

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Ok yang terakhir kita kena nilai *opportunity cost* yang ini sangat penting yang perlu difahami oleh ahli-ahli UMNO ini kalau kita

membina lebuh raya KIDEX pada hari ini dia akan menjadi satu *overhead highway* yang akan merentasi jalan-jalan utama di Petaling Jaya kalau KIDEX ini dibina ruang udara yang mungkin boleh digunakan untuk membina benda lain akan hilang contohnya ada satu cadangan daripada empat Adun daripada pihak kerajaan yang mencadangkan satu laluan LRT di jajaran tersebut kerana dapat hubungi empat laluan LRT dan MRT sedia ada jika KIDEX telah dibina kita hilang peluang untuk membina laluan LRT ini. Yang kedua ada beberapa persimpangan yang sesak yang mungkin MBPJ dalam boleh membina satu *flyover* di persimpangan *traffic light* tersebut seperti di *roundabout* di SS2, jika KIDEX dibina tak boleh kita bina satu *flyover* di *roof men roundabout* untuk membantu mengurangkan kesesakan tempatan di kawasan tersebut jadi kalau KIDEX hanya boleh mengurangkan trafik by *1.3percent* untuk penduduk Petaling Jaya *not my number you no, your consultant number* dan dia akan mengambil *ex-space* yang mungkin boleh digunakan untuk projek-projek yang lain yang mungkin boleh membawa manfaat di masa hadapan saya rasa *on the technical basis* tak tengok *kroni-kroni* isu-isu *krooni* lagi *on the technical basis* memang wajar keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk menolak seperti yang Sungai Pinang kata, kita tunggu lah bagi enam bulan untuk kajian pelan induk dikeluarkan kita nilai dan bahaskan nilai induk tersebut mungkin ada idea yang lebih baik untuk mengatasi masalah trafik di Lembah Kelang dan di Petaling Jaya, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama, 5 minit ya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Terima kasih Tuan Speaker, saya sangat tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh YB Permatang dan YB Dengkil bahawa KIDEX akan meringankan lalu lintas, seperti apa yang YB Bukit Gasing saya bawa kajian lalu lintas supaya boleh dibaca dan *refer* kalau tak kita boleh panggil urus setia untuk fotostat bagi semua YB Barisan Nasional supaya baca dahulu sebelum kita kata bahawa KIDEX boleh meringankan lalu lintas kalau kita baca betul-betul yang *Trafic Impact Assessment Report* kita akan dapati dia tidak akan mengurangkan dan juga saya ada dua kajian yang kajian pertama adalah

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Boleh mencelah sikit jer,

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Ok kalau YB kata nak bagi laporan itu kepada Adun BN kita juga bersedia nak bagi apa laporan yang kita ada kepada Y.B. untuk *exchange*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Boleh

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:*Fair and square*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Boleh, tetapi apa usul tersebut adalah bahawa KIDEX membantu kelancaran trafik di pusat-pusat Bandar saya di sini berkata bahawa dia tidak akan dengan ada *report* daripada konsultan KIDEX sendiri kita boleh *photocopy* yang ada dua yang pertama ialah jumlah trafik kita nampak daripada 43 jalan tempatan kita bawa ada 5 *percent improvement* 20-80 3 *percent improvement* 20-28 kalau *journey time* analisis apa yang dikatakan oleh Bukit Gasing 1.3 apa yang dipetik oleh Bukit Gasing adalah *journey time* di sekitar jalan raya kalau kita tengok jumlah keseluruhan adalah 0.6peratus dengan ada KIDEX ia bermaksud daripada 325juta minit *travel time only 2million* dijimatkan dengan perkataan lain ini *million million* sangat susah untuk kita *to imagine* kalau kita ada satu jam *travel* dari *point A* ke *point B* menurut kajian impak lalu lintas daripada konsultan KIDEX 1 jam 60 minit kita akan menjimatkan 20 saat sahaja. Itu 20 saat boleh *parking* sahaja la yang itu *time with KIDEX and without KIDEX* ini angka-angka daripada konsultan KIDEX so saya rasa Barisan Nasional *should not keep saying KIDEX will reduce traffic*. Ini adalah *you are miss the people that you say that is going do* kalau you kata bahawa dia akan memberi melancarkan trafik maka bagi kita *Traffic Impact Assessment Report* saya sedia untuk melihat saya sedia untuk melihat *Traffic Impact Assessment Technical Report of that*. Apa yang saya nak katakan di sini adalah bukan sahaja trafik yang kita tengok *benefit* yang kita ambil daripada, *we can get from KIDEX* tetapi kos juga saya nak bagi anjuran kos disini, sekarang KIDEX 1 perkilo meter adalah 161 juta perkilo meter untuk membina KIDEX berbanding dengan NKVE 28 sahaja perkilo meter berbanding dengan LDP 33 juta per kilometer berbanding dengan KSAS 37 juta per kilometer berbanding dengan NPE 69 juta per kilometer berbanding dengan Ampang KL, Lebuhraya bertingkat Ampang KL 95 juta per kilometer. Tetapi KIDEX adalah 161 juta per kilometer. Harga yang terdekat di sejarah Malaysia Lebuhraya terdekat, harga yang terdekat per kilometer adalah 40% lebih rendah daripada KIDEX. Soalan yang kita kena jawab sebagai kerajaan adalah sama ada kita nak satu lebuhraya yang termahal di sejarah Malaysia untuk menjimatkan 0.6% tempoh perjalanan. Ataupun kita ada agenda-agenda lain. Kalau tidak, *isn't this a no brainer decision that we reject KIDEX*, dengan izin. So, saya rasa bahawa bukan politik, bukan kita apa-apa tetapi memang *cost and benefit that we believe that KIDEX is not beneficial, enough versus the cost*, dengan izin. Apa yang kita alami hari-hari ialah, ada lebuhraya, selalu *bottle neck* adalah di tol and jalan-jalan biasa. Senario ini adalah bermaksud bahawa kita tidak sepatutnya menumpukan perhatian kepada membina *another* lebuhraya kerana apa yang akan terjadi ialah lebuhraya itu akan lebih ringan tetapi sampai tol, sesak. So, *journey time, total journey time*, jumlah tempoh perjalanan akan sama sebab kita akan *travel* dari jalan tempatan satu jalan tempatan ke *another* jalan tempatan. Oleh itu, saya cadangkan kalau YB-YB Barisan Nasional betul-betul berharap untuk membantu kelancaran trafik di negeri Selangor, saya cadangkan supaya YB-YB Barisan Nasional boleh cadangkan kepada kerajaan Persekutuan supaya memberi lebih banyak peruntukan kepada negeri Selangor supaya kita boleh membina lebih banyak pengangkutan awam di negeri Selangor dan juga untuk menaik taraf jalan-

jalan tempatan. Itu lah *root of the problem*. So, saya berharap bahawa YB-YB dari Barisan Nasional..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mencilah sikit.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, terima kasih Speaker. Saya dapat laporan, saya pun tak faham kenapa laporan Yang Berhormat tak sama dengan laporan yang saya ada? Kenapa Yang Berhormat kata laporan..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Apa yang Menteri berkata,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, saya nak sebut mengenai..*traffic dispersal* Yang Berhormat kata Yang Berhormat dapat laporan daripada *consultant* yang, daripada *consultant* KIDEX. Kita..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sebutkan nama..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kita juga dapat laporan daripada *consultant* KIDEX, tapi kenapa, kalau *consultant* KIDEX itu sendiri *consultant* yang menyokong KIDEX kenapa di sini buat laporan yang tidak tepat? Ok, saya nak bagi contoh di sini lah. Boleh saya baca di sini?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tidak tepat..sebab, apa yang terjadi ialah..*consultant* KIDEX datang ke kita. Dia tak bagi jumlah. Jumlah *passenger car unit*, tapi dia bagi 40% kurang..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya ada laporan ni Yang Berhormat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: 30% then tambah 60, *they make it such a way that you believe that there is a reduce*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tapi tak boleh pertikai profesional la kan? Kita ada. Jadi, kalau-kalau Yang Berhormat kerajaan bersedia untuk tidak kata membatalkan terus, membuka semula perbincangan mendengar pandangan-pandangan profesional, kita boleh minta supaya konsesi datang berbincang, tak ada masalah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Kita telah *meeting* dengan *consultant* beberapa kali sudah. *Everytime we go and listen to them*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab saya..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *And this is what we get*

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab saya pertikaikan tadi..Bukit Gasing kata 3%

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya YB Permatang, adakah YB Permatang..

TUAN SPEAKER: Damansara Utama 1 minit lagi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: So, adakah YB Permatang jumpa dengan *consultant* dan tanya mana angka-angka tersebut.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, kami dapat taklimat daripada *consultant*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tetapi adakah *you read? Did you read it properly?* Kalau tidak saya boleh memberi *tuition* macam mana untuk kita baca baik-baik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Yang Berhormat, saya takkan nak baca semua laporan ini, contohnya Jalan Universiti dapat diturunkan 32%, Jalan Gasing 22%, semua dalam laporan. Tapi Yang Berhormat tadi hanya sebut 3% saya pun hairan. Jadi, untuk berlaku adil, kalau boleh, usul ini disokong dan dibuka dulu perbincangan untuk dapat pandangan-pandangan bukan dengan menolak usul ini. Saya kalau boleh..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bukan lebih baik kalau ditangguhkan? Lagi senang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Tak, saya boleh..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Yang Berhormat boleh minta penjelasan. Kalau sekarang, kalau apa yang dikatakan oleh Permatang itu betul, *consultant* bagi pada Permatang itu, satu cerita, bagi pada Yang Berhormat satu cerita, bagaimana kita aturkan *consultant* jumpa dua-dua pihak pada satu masa yang sama supaya kita boleh mengajar Permatang macam mana nak baca data itu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Itu yang terbaik Sg. Pinang. Bukan masalah mengajar, masalah dia supaya adil. Dengar pandangan profesional.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh saya mencelah?

TUAN SPEAKER: Damansara Utama. Ayat terakhir.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak jelaskan sikit dengan kajian itu, apa yang YB Permatang baca, kalau ada satu jalan yang menurunkan tetapi kalau kita tengok jumlah angka *passenger car unit*, saya boleh, saya ada statistik di sini ya. 2018, jumlah *with* KIDEX adalah 1.45 *passenger car unit*, *versus without* KIDEX 1.54 juta *without* KIDEX. Kalau kita pergi 2028, jumlah *with* KIDEX adalah 1.85 juta *pcu* (*passenger car unit*) dan *without* KIDEX adalah 1.9 juta. Kalau *you* tambah semua jalan-jalan *you* akan dapat angka ini tetapi apa yang *consultant* buat ialah dia tak bagi jumlah itu, dia nak menghiaskan baik-baik supaya kita percaya dan menteri percaya dengan membaca *traffic report* ini. Dia percaya bahawa dia akan menurunkan tetapi tidak membaca dengan betul-betul.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat yakin sangat ke tak boleh diturunkan?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Kalau..

TUAN SPEAKER: Masa sudah habis untuk Damansara Utama. Saya persilakan pihak kerajaan 10 minit untuk jelaskan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, boleh saya..

TUAN SPEAKER: Dah tak ada masa, saya ada lagi 2 usul untuk habiskan. Silakan Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Izinkan saya bagi pihak kerajaan ingin memberikan maklum balas terhadap perbincangan dan perbahasan atas usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang sebentar tadi. Saya ingin memaklumkan bahawa oleh sebab KIDEX telah gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan satu tempoh telah diberikan sehingga 15 Februari 2015 yang lalu maka kerajaan negeri telah mengambil ketetapan untuk tidak memberikan kelulusan pembangunan lebuh raya KIDEX ini. Dan saya ingin memaklumkan bahawa keputusan ini adalah muktamad dan kerajaan negeri tidak akan berganjak dengan keputusan berkenaan. Keputusan kerajaan negeri juga telah saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ketika Menteri Kerja Raya dan delegasi daripada Kementerian berkunjung ke negeri Selangor pada 19 Mac yang lalu dan perkara ini telah pun dibincang dalam pertemuan tersebut dan kerajaan negeri telah menyatakan alasan-alasan mengapa kita tidak dapat memberikan pertimbangan dan terpaksa membatalkan pembangunan projek KIDEX ini atas alasan-alasan yang telah kita berikan sebelum ini.

Saya juga ingin memaklumkan pada dewan yang mulia ini bahawa keputusan ini bukan satu keputusan sebagai seorang yang populis tetapi satu keputusan yang

diambil setelah mengambil kira bukan sahaja bantahan-bantahan yang telah kita terima termasuk ada juga yang menyokong projek ini tapi kita juga mengambil pertimbangan-pertimbangan lain termasuk kajian-kajian yang perlu dilakukan seperti kajian impak lalu lintas dan juga kajian awalan kesan alam sekitar dan beberapa perkara yang telah dibangkitkan rakan-rakan sebentar tadi termasuk *cost benefit analysis* dan juga PCU (*Passenger Car Unit*). Jadi, setelah kita mengambil kira semua pandangan dan maklum balas ini, termasuk kajian bebas yang dilakukan oleh MBPJ, kita mendapati memang projek ini tidak dapat diberikan kelulusan. Pada masa yang sama, kita juga telah menyatakan kepada kerajaan persekutuan untuk kerajaan persekutuan menghormati Seksyen 20A (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) di mana semua projek-projek yang hendak dibangunkan termasuk kemudahan awam sama ada sekolah, hospital, klinik, masjid, pelabuhan, laluan TNB dan sebagainya, perlu dirunding dengan kerajaan negeri terlebih dahulu melalui Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Peruntukan Seksyen 20A (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) (Akta 172). Perkara ini bila saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, beliau mengaku terlepas pandang dan telah mengarahkan Ketua Pengarah Lebuh raya Malaysia (LLM) untuk mengambil perhatian supaya sebarang perancangan dan cadangan projek di masa hadapan, mestilah mematuhi Seksyen 20A yang berkenaan untuk berunding dulu dengan kerajaan negeri.

Perkara kedua yang telah kita tekankan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ialah kita mendapat statistik yang menunjukkan bahawa peningkatan nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan pengangkutan persendirian. Kalau kita lihat statistik pada tahun 2008, hanya pada kadar 12 kepada 88 tetapi pada tahun 2012, kadar ini meningkat iaitu penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan pengangkutan persendirian kepada 27 kepada 73 dan 2014 25 kepada 75. *Trend* ini menunjukkan keperluan kepada sistem pengangkutan awam itu amat mendesak namun kerajaan negeri berpandangan, untuk menyelesaikan dan menyuraikan masalah trafik khususnya di kawasan bandar-bandar di dalam negeri Selangor ini, pembinaan lebuh raya bukan satu-satunya *solution* ataupun penyelesaiannya. Kerana yang hendak kita pindahkan dan alihkan ini ialah manusia. *We want to move the people*, dengan izin, *not the machine*. Dengan membina lebuh raya, kita, keupayaan kita untuk memindahkan dan menggerakkan rakyat itu terbatas. Banyak mana pun lebuh raya kita bina, ia tidak dapat menyelesaikan dan menyuraikan trafik.

Sebab itu, kita minta Menteri Kerja Raya baru-baru ini supaya membawa kepada jemaah Menteri Kabinet untuk melihat semula sasaran yang telah dibuat oleh SPAD. Di mana menjelang 2030 SPAD mensasarkan iaitu pengangkutan awam berbanding dengan kereta persendirian, hanya 40 kepada 60 iaitu 40, maaf, 40 *public* 60 persendirian. Apabila 60 persendirian, ia akan memberi ruang kepada LLM untuk membina lebih banyak lebuh raya bagi memenuhi keperluan tersebut. Kita minta supaya sasaran ini dipinda dan ditukar kepada 60-40, 60 *public* dan 40 persendirian.

Maka, pelaburan yang lebih besar perlu diberikan kepada SPAD untuk membina lebih banyak sistem pengangkutan awam negeri Selangor termasuk LRT dan BRT dan mungkin Trem. Tapi, oleh sebab kerajaan persekutuan masih lagi tidak dapat memberikan persetujuan diatas perkara tersebut, kerajaan negeri telah menunjukkan komitmen mereka, kami, untuk memastikan penggunaan pengangkutan awam ini dapat ditingkatkan dan kita telah memulakan inisiatif kita sendiri dengan menyediakan perkhidmatan *feeder service* kepada komuniti di kawasan Petaling Jaya dengan menyiapkan 10 unit bas dan diberikan secara percuma kepada penduduk-penduduk di taman perumahan ke stesen LRT dan daripada stesen LRT ke tempat kerja mereka. Dan perkara ini akan terus kita kembangkan sehingga, kita telah cadangkan baru-baru ini untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang lebih baik iaitu seperti yang saya sebut tadi, di Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah pun mengadakan bas komuniti percuma dengan 10 unit secara sewaan dan oleh sebab belanja kehidupan rakyat kini semakin meningkat termasuk GST, kita akan mempercepatkan penyediaan bas komuniti percuma sepatutnya kita jadualkan pada tahun 2016 tapi kita percepatkan kepada tahun ini. Di mana 7 PBT, MBSA, MPSJ, MPK, MPS, MPAJ, MPKJ dan Majlis Perbandaran Sepang akan diberikan perkhidmatan bas komuniti percuma ini menjelang Jun 2015.

Dan ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri walaupun sistem pengangkutan awam ini sepatutnya di bawah kerajaan persekutuan tetapi kita melihat ia ada keperluan untuk dipertingkatkan, maka..

itulah yang dapat dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, ada yang cadang tadi sebelah Barisan Nasional bahawa kita mesti teruskan kaedah bersemuka dan berbincang dengan kerajaan persekutuan, ini yang telah saya lakukan di mana dalam pertemuan dengan Menteri Kerja Raya kita menekankan betapa pentingnya sistem pengangkutan awam yang efisien, yang murah, dan selamat untuk penduduk termasuk di Selangor untuk dipertingkatkan dengan merombak semula sasaran yang dibuat oleh SPAD menjelang 2030 kerana kita rasa sasaran itu tidak realistik dan satu jumlah pelaburan yang lebih besar dan lebih realistik perlu diberikan kepada SPAD bagi mencapai sasaran tersebut.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Boleh minta penjelasan sikit?

TUIAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa benarkan siapa untuk..?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Permatang. Permatang bahas, Sg. Burong tak bahas tadi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Lepas ni Sg. Burong, ok tak apa. Terima kasih lah Yang Berhormat Menteri Besar. Saya dapat tengok ucapan Menteri Besar, penggulungan, tapi saya tak nampak lah satu, betul-betul *the concrete reason* lah untuk menolak KIDEX ni. Walaupun laporan teknikal tadi kata kerana kelewatan, tak memenuhi laporan teknikal ini, saya berbalik kepada persoalan, bukan kerana saya perjuangkan KIDEX ini kerana saya ada kepentingan, tak ada, kepentingan ini ialah kepentingan rakyat di Selangor. Sepatutnya, bukan kepentingan peribadi, tak ada. Kami tak ada apa. Kita *declare* tak ada apa-apa. Tapi, yang kita nak lihat ialah supaya kalau ditolak pun, dengan betul-betul. Jadi, laporan teknikal tu, dimaklumkan sudah dihantar. Kalau misal kata kerajaan negeri tidak bersetuju dengan laporan itu, laporan itu boleh dipulangkan semula, diperbaiki. Kalau ada mana-mana bahagian laporan itu yang kerajaan negeri merasakan was-was tidak boleh terima, kerana laporan ini dibuat oleh profesional jadi boleh ke, misal kata Yang Berhormat Menteri Besar apa kata, buat pertimbangan sebab Menteri Besar dah tolak tapi sebagai untuk berlaku adil bolehkah laporan itu dinilai semula berdasarkan sebenarnya oleh profesional supaya ada pertimbangan yang sebenarnya untuk menolak projek ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Tidak, kita tidak pertimbangkan lagi. Sebab, kita dah beri satu tempoh yang agak panjang ya, selama 3 bulan untuk mereka memberikan maklumat dan dokumen-dokumen ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Sebab pada saya, dalam laporan MTES 2012 meluluskan kerana waktu itu Yang Amat Berhormat Pelabuan Kelang sebagai Menteri Besar, dia juga sudah berbincang dengan konsesi, dah bersemuka dan mendapat laporan, dah dapat sebagainya, sebab itu dia berikan kelulusan bersyarat. Ya, saya percaya, Pelabuan Kelang dulu pun semasa menjadi Menteri Besar pun seorang Menteri Besar yang teliti, melihat juga semua aspek-aspek itu, sebelum dia memberikan kebenaran bersyarat. Jadi, itu ada pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Ya, kebenaran bersyarat itu tertakluk kepada terma-terma yang perlu dibekalkan kepada kerajaan negeri. Kalau benar, satu rundingan telah berjalan daripada 2012, mengapa tempoh 3 bulan itu tidak dapat dipenuhi? Dan sekarang saya agak bimbang apabila Permatang nampak yakin boleh mengemukakan dokumen-dokumen ini. Apakah Yang Berhormat ini mewakili KIDEX? Saya tak tahu lah.. Tapi *Insyaa-Allah*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat Menteri Besar. Kita ada laporan itu, tapi bila kita nak bentang, terlampau *detail* kan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, sebagai contoh, Yang Berhormat sendiri sebut tadi bahawa untuk mengemukakan dokumen yang kita minta tentang perjanjian konsesi, itu memerlukan kelulusan daripada jemaah Menteri Kabinet.

Mengapa tidak Yang Berhormat yakinkan Perdana Menteri? Selama 3 bulan untuk mendedahkan perjanjian konsesi itu kepada rakyat negeri Selangor. Ini bukan soal *security*, ini bukan soal keselamatan dan kedaulatan negara, ini perjanjian perniagaan. *Commercial Agreement* yang patut diketahui oleh rakyat Selangor. Itu pun Yang Berhormat tidak dapat yakinkan Perdana Menteri. Saya percaya, kalau Yang Berhormat benar-benar, takkanlah Yang Berhormat boleh tidak boleh yakinkan Perdana Menteri tapi boleh yakinkan KIDEX? Ha, ini menimbulkan pertanyaan kami pada petang ini. Saya tidak menuduh tetapi 3 bulan Permatang gagal yakinkan Perdana Menteri untuk dedahkan konsesi ini. Jadi, kita dah bagi satu tempoh yang agak panjang, sehingga hari ini gagal untuk memenuhi syarat-syarat tersebut dan kita terpaksa membuat keputusan. Soal *technicalities* walaupun sebahagian daripada laporan TIA / SIA telah dikemukakan tapi kita masih lagi tidak berpuas hati kerana laporan seperti yang disebut oleh Bukit Damansara tadi tidak menunjukkan satu perincian yang boleh meyakinkan kita bahawa projek ini benar-benar dapat menyelesaikan masalah trafik. Sebab itu, kita mengambil satu pendirian untuk membentuk satu lagi kajian bebas oleh satu badan profesional yang dilakukan oleh MBPJ dan kita dapati daripada kajian tersebut, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa projek ini tidak boleh diteruskan kerana dia tidak mencapai matlamat yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya kira, sebelum kerajaan negeri mengambil keputusan pada 16 Februari itu, setelah melalui satu proses yang agak panjang, yang agak teliti, dan agak cermat, dengan cukup profesional dan memberi ruang sepenuhnya kepada semua pihak yang terlibat maka, pada 16 Februari, satu keputusan yang tegas perlu diambil untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan dan dimuktamadkan namun saya memberi jaminan kerana Yang Berhormat Menteri juga tanya kepada saya pada 19 Mac, apabila KIDEX tidak dibangunkan, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyuraikan masalah trafik. Itu memang Yang Berhormat Menteri bangkitkan. Saya memberi jaminan, seperti Yang Berhormat Sg. Pinang telah nyatakan sebelum ini, kerajaan negeri telah pun memulakan satu proses untuk mewujudkan pelan induk sistem pengangkutan awam di negeri Selangor dan kita beri tempoh selama 6 bulan dan saya memberi jaminan kepada Kementerian Kerja Raya bahawa laporan ini kita akan kongsi dengan kerajaan persekutuan supaya diwujudkan satu kerjasama bagaimana sebarang perancangan di masa yang akan datang untuk menyuraikan trafik di negeri Selangor ini dapat berdasarkan kajian pelan induk sistem pengangkutan awam yang akan kita bina. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor memberikan kerjasama penuh kepada kerajaan persekutuan bagi meneruskan pembinaan lebuh raya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) yang akan membantu kelancaran trafik di pusat-pusat bandar

berkaitan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini tidak dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 16 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 26, Yang Berhormat Batang Kali.

TUAN SPEAKER: Baiklah, pencadang, saya bagi 10 minit. Penyokong 5 minit, pembahas 5 minit, silakan Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum wbt. Tuan Speaker, terima kasih kerana menerima usul saya dengan pindaan untuk dibahaskan di dewan yang mulia ini seperti berikut:

Bahawa dewan yang mulia ini menggesa agar kerajaan negeri Selangor meneruskan perbincangan perjanjian penstrukturan semula industri air bersama kerajaan persekutuan, demi memastikan pembangunan sosio-ekonomi negeri berterusan dan kemasyarakatan rakyat Selangor terpelihara. Saya bersetuju dengan pindaan yang dibuat kerana selaras dengan pendirian kerajaan persekutuan untuk meneruskan perbincangan mengenai perjanjian pelaksanaan tersebut. Walaupun begitu, ia hendaklah selaras dengan terma-terma asas di dalam perjanjian utama. Ini juga selaras dengan kenyataan akhbar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pada 23 Mac 2015 yang melaporkan bahawa kerajaan negeri Selangor bersetuju untuk meneruskan perundingan tanpa mengenakan syarat-syarat baru. Harus diingat bahawa keputusan pembatalan perjanjian utama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pada 9 Mac 2015 telah menimbulkan keresahan dan suasana ketidaktentuan proses penstrukturan semula industri air di Selangor. Keputusan yang saya lihat seolah-olah berdolak-dalik ataupun *flipflop* ini kerana mungkin, kerana kekeliruan dan ketidakfahaman yang mendalam oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai perincian proses penstrukturan semula industri air Selangor dan seterusnya mengelamkabutkan isu ini yang sepatutnya tidak berlaku sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersikap rasional, ikhlas, bertindak secara profesional dan mengutamakan kepentingan rakyat lebih daripada agenda politik.

Oleh sebab isu ini telah menjadi topik popular semasa sesi perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam mana berbagai-bagai aspek telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua pihak, pemerintah dan juga kami, pembangkang, saya tidak mahu mengulangi dan menyentuh secara terperinci aspek-aspek tersebut dalam pembentangan usul ini. Walaupun begitu saya akan menyentuh 5 isu pokok sebagai landasan utama kepada perbahasan usul petang ini. Yang pertama, kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor hendaklah meneruskan perundingan untuk memuktamadkan perjanjian supaya dapat dikuatkuasakan dengan segera penstrukturan semula industri air Selangor demi kepentingan rakyat dan pengguna di negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur serta Putrajaya. Kedua, penstrukturan semula industri air Selangor dan Projek Langat 2 adalah 2 entiti yang berbeza dan berasingan. Walaupun ada kaitannya dalam konteks perkhidmatan air Selangor. Justeru pembinaan loji Langat 2 hendaklah diteruskan mengikut jadual tanpa sebarang halangan dan sekatan tidak munasabah. Walaupun perjanjian semula penstrukturan semula industri air Selangor sedang menghadapi masalah. Keputusan kerajaan negeri menangguhkan kelulusan Projek Langat 2 selagi perjanjian utama penstrukturan semula industri air Selangor dimuktamadkan, tidak ada kaitan dan bertentangan dengan *head of agreement* yang ditandatangani pada Ogos 2014.

Ketiga, kos pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi hendaklah tidak melebihi RM9.6 bilion seperti yang telah ditawarkan oleh kerajaan negeri di bawah pentadbiran sebelumnya. Sebarang kenaikan kos melebihi jumlah tersebut, akan kita bimbang akan membebankan rakyat dan pengguna di kawasan yang terlibat. Yang keempat, status pemegangan tanah-tanah terlibat dalam penstrukturan ini seperti mana yang telah dipersetujui dalam perjanjian utama hendaklah dihormati dan dikekalkan. Tanah sepanjang 26,000 km untuk laluan paip adalah di bawah status hak laluan atau *right of way* dan akan diserahkan kepada kerajaan negeri apabila tiada lagi digunakan. Begitu juga tanah-tanah lain di mana loji air dan bangunan-bangunan lain atau binaan berada dipindah milik kepada kerajaan persekutuan selama 45 tahun yang kemudian akan diserahkan semula kepada kerajaan negeri selepas tempoh tersebut. Tidak timbul isu kerajaan persekutuan merampas tanah kerajaan negeri atau kerajaan negeri hilang kedaulatan tanah dalam penstrukturan industri air Selangor. Yang akhir, yang kelima, penerusan perbincangan perjanjian di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri hendaklah dibuat dengan ikhlas, telus dan secara profesional berlandaskan prinsip menang-menang atau *win-win situation*, dengan izin. Mesti diingat, kita tidak mahu cara mengurus dan mentadbir perkara berkepentingan tinggi ini, membawa kepada situasi membimbangkan, mengelirukan dan merugikan khasnya rakyat negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Tuan Speaker, dengan pendirian dan penjelasan di atas, sukacita saya bantangkan usul ini untuk dibahaskan di dewan yang mulia ini, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negeri. *Bismillahir rahmannir Rahim. Assalamualaikum wbt.*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Sg. Burong berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong usul ini iaitu, bahawa dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri meneruskan perbincangan perjanjian penstrukturan semula industri air bersama kerajaan persekutuan demi memastikan pembangunan sosio-ekonomi berterusan dan kesejahteraan rakyat Selangor terpelihara. Setelah berbincang dengan Tuan Speaker, dan dibenarkan

usul ini dengan pindaan berkenaan. Sg. Burong dalam menyokong usul ini tidak akan mengambil masa yang panjang. Ini memandangkan perkara ini telah pun dibincangkan dan dibahasakan dengan panjang lebar semasa soalan mulut dan soalan perbahasan yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan jelas, yang telah pun memberikan huraian-huraian tentang perkara-perkara yang dibangkitkan. Dan juga dengan mengambil kira bahawa dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahukan supaya isu penstrukturan air ini perlu disegerakan. Dari perbahasan-perbahasan yang telah berlaku beberapa hari yang lalu, ada beberapa kesimpulan yang saya ingin ambil daripada Perbahasan tersebut itu iaitu pertama sekali ialah kesediaan yang Berhormat Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air untuk meneruskan supaya perbincangan bagi membolehkan Persekutuan Air Selangor ini dapat orang kata dimaterikan itu yang pertama. Yang keduanya saya juga telah melihat setelah beberapa penjelasan-penjelasan tentang masalah isu yang berbangkit seperti masalah keingkaran Kerajaan Persekutuan orang kata daripada Perjanjian utamanya sebenarnya tidak benar dan telah jejakan YB Menteri dan kemudian penjelasan daripada YAB. Dato' Menteri Besar akhirnya kedua-duanya pertama Yang Berhormat Menteri berkomitmen untuk supaya ini diteruskan. Dan kedua kesediaan YAB untuk meneruskan perbincangan ini, saya rasa dengan semangat ini saya yakin percaya kita boleh dapat rumusan *Win-Win Situation* sebab saya percaya dalam rundingan-rundingan yang masih belum selesai lagi tentu ada beberapa isu yang akan menjadi kekangan yang kalau kita duduk dalam satu meja ia boleh diselesaikan dengan baik dan harapan itu. Sungai Burong menyokong supaya Usul ini diluluskan.

TUAN SPEAKER: Usul ini telah pun disokong, saya buka untuk Perbahasan. Kalau tidak Bukit Antarabangsa pihak Kerajaan sila beri penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker, ruang ini untuk memberi sedikit maklum balas. Saya kira perkara ini telah di bincang panjang dalam sesi Perbahasan, Penggulangan dan juga ketika sesi soal jawab baru-baru ini dan saya tidak mahu mengulangi keseluruhannya cuma saya nak tegaskan di sini kalau kita merujuk kepada Usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Batang Kali ayatnya agak khusus iaitu menggesa Kerajaan Negeri untuk meneruskan perbincangan perjanjian penstrukturan semula industri air bersama Kerajaan Persekutuan. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan memang perbincangan telah pun diteruskan iaitu bermula pada 23 Mac yang lalu di mana peringkat Kerajaan Negeri Selangor di wakili sendiri oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan di peringkat Kementerian di wakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Saya percaya ia dengan pertemuan kedua-dua pihak di peringkat tinggi Kerajaan ia dapat mengumpulkan maklum balas yang terkini. Yang kedua saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Berhormat Menteri telah pun surat kepada saya pada awal Mac yang lalu, tarikh tak ada. Ini kali pertama saya terima surat daripada Menteri tidak bertarikh, dia hanya Mac 2015 jadi saya tak boleh nak kod, nak rak rujuk tarikh surat. Ini pun kesilapan kecil, sebab kesilapan besar dalam perjanjian utama ingat tak ada

benda. Kalau surat tak ada tarikh tapi saya pun sudah menjawab surat Yang Berhormat Menteri dengan ada tarikh, semalam saya diminta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menetapkan tarikh pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri dengan saya dalam masa yang terdekat untuk membincangkan dan kalau boleh kita muktamadkan perkara ini. Kalau saya merujuk kepada Usul kita boleh terima Usul ini kerana ianya telah pun diambil tindakan wajarnya kerana memang komitmen. Saya mewakili Kerajaan Negeri bahawa kita mahu muktamadkan perjanjian utama penstrukturan industri air semula ini. Saya kurang faham mengapa Batang Kali menggunakan istilah *flipflop*. Yang Berhormat Batang Kali faham atau tidak apa maksud *flipflop* ini. *Flipflop* ini kalau hari ini cakap lain besok lain, saya dari hari pertama saya di amanah saya telah menyatakan saya mahu meneruskan usaha ini dan saya mahu muktamadkan perjanjian ini dengan syarat kedua-dua pihak mesti berpegang kepada tema dan semangat perjanjian asaldi tandatangan pada 12 September 2014. Saya tidak pernah berganjak pada pendirian tersebut dari hari pertama saya diberikan amanah. Jadi sebab itu bila Yang Berhormat Menteri menulis surat kepada saya dan menyatakan secara bertulis kesediaan untuk kembali semula kepada tema saya menyambut hasrat baik tersebut dan saya mahu perjanjian ini dimuktamadkan. Jadi pendirian kerajaan negeri ialah kita bersedia untuk berbincang dengan syarat Kerajaan Persekutuan mesti menghormati *The Signiti of the Agreement* dengan memenuhi syarat-syarat dan tema yang dipersetujui oleh 12 September 2014, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini. Ini adalah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa agar Kerajaan Negeri Selangor meneruskan perbincangan perjanjian penstrukturan semula industri air bersama Kerajaan Persekutuan demi memastikan Pembangunan Sosial Ekonomi Negeri berterusan dan rakyat Selangor terpelihara. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini **Dipersetujui**.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 17 Tahun 2015 Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa Dewan Yang Mulia Ini mengutuk Pendakwaan bermotif politik terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor yang merupakan satu tindakan yang tidak berasaskan prinsip demokrasi. Ketua Speaker, Usul yang saya ingin kemukakan ini adalah berkenaan penjaran Penasihat Ekonomi Negeri Selangor Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Ketua Pembangkang di Parlimen. Pada 10 Februari yang lalu Datuk Seri Anwar telah dijatuhkan hukuman penjara lima (5) tahun dan 5 tahun bertanding dalam sebarang pilihan raya. Pendakwaan dan hukuman yang dijatuhkan di atas Datuk Seri Anwar

Ibrahim ini dikencang dan dikutuk dari pelbagai pihak dalam negara serta masyarakat Antarabangsa. Usaha mematikan gelombang suara lain. Berikut jelas pendakwaan hukuman yang dijatuhkan dalam kes fitnah 2 liwat ini adalah satu konspirasi politik yang telah dirancang rapi serta tersusun oleh suatu tangan guide yang mahu menamatkan karier politik Datuk Seri Anwar Ibrahim. Segala jentera telah diarahkan lebih sejak 17 tahun yang lalu bagi mendengar suara rakyat yang di bawah Datuk Seri Anwar. Kejayaan beliau memimpin kerjasama antara 3 parti politik yang merentasi sempadan kaum dan agama telah berjaya mencapai undi majoriti semasa pilihan raya umum tahun 2013. Ternyata sejarah baru yang menggerengkan elit-elit pemerintahan yang takut kehilangan kuasa. Datuk Seri Anwar difitnah dan dihukum sedemikian rupa kerana tidak berkompromi dengan amalan rasuah tamak dan tidak peduli oleh elit-elit pemerintahan kerajaan yang zalim. Di Parlimen suara beliau begitu lantang mewakili kepentingan rakyat terbanyak. Rekod beliau semasa menjadi Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjelaskan komitmen beliau untuk mewujudkan Malaysia yang lebih adil khususnya dalam membela golongan termiskin dan rapuh dalam masyarakat. Dengan memenjara Datuk Seri Anwar mereka beranggapan gelombang perubahan yang di impikan rakyat Selangor serta rakyat di seluruh negara yang bermula pada Pilihan Raya umum ke-12 lalu dapat dimatikan. Namun kebangkitan rakyat tidak akan dapat dihentikan dalam mencapai negara yang bebas daripada penindasan penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah yang berleluasa. Saya serta rakyat di luar sana kekal dengan keyakinan Datuk Seri Anwar tidak bersalah dan memenjarakan beliau adalah satu konspirasi yang ejek. Datuk Seri Anwar jelas merupakan seorang tahanan politik.

Tuan Speaker, pendakwaan bermotif dan kecaman masyarakat antarabangsa. Jika diteliti proses penyiasatan dan pendakwaan dalam fitnah liwat 2 ternyata ada kesungguhannya ternyata ada untuk memastikan Datuk Seri Anwar di sabitkan bersalah dan meringkuk di penjara buat sekian kalinya. Dapatan Mahkamah bahawa saksinya utama adalah seorang yang beriba jelas bertentangan dengan tidak konsisten dengan kesemua bukti yang di bentang dan di hujah pihak pembelaan. Kes perbicaraan ini telah mendapat perhatian Gerakan Sipil dan bukan dan badan bukan kerajaan. Bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia, wakil pemerhati dari Inter Parlimentary Union IPU, International Court of Justice ICJ, Human Rights Watch HRW, MS International telah mengikut rapat perbincangan ini dan menggesa Malaysia memberi keadilan kepada Datuk Seri Anwar. MS International badan hak asasi berprestij dunia mengeluarkan amaran Datuk Seri Anwar adalah *Prisoner of Conscience* sekiranya disabitkan bersalah dan telah memohon supaya Kerajaan Malaysia menghentikan pendakwaan politik terhadap beliau. Bekas Presiden Filipina Ho... Estrada mengetuk mengeluarkan surat memohon Kerajaan Malaysia menghentikan kezaliman politik ke musuh politik mereka. Senator bebas dari Australia Nik G pula menggesa Malaysia menamatkan intimidasi politik di atas Datuk Seri Anwar. Portal gergasi media antarabangsa telah melaporkan dakwaan Datuk Seri Anwar sebagai satu langkah demokrasi Malaysia.

Jelas Masyarakat Antarabangsa melihat pendakwaan Datuk Seri Anwar adalah konspirasi politik untuk melemahkan Politik oposisi di Malaysia yang bertindak sebagai *check and balance*. Usaha-usaha elit pemerintahan kerajaan yang zalim secara menipu memenjarakan beliau adalah serangan langsung di atas sistem demokrasi berparlimen. Kes Datuk Seri Anwar adalah memuncak kepada segala penindasan hak asasi di Malaysia.

Puan yang Ketua Speaker, pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim *adjourn the Dewan*. Datuk Seri Anwar adalah tahanan politik yang menjadi mangsa kecurangan sistem kehakiman di lihat di salah guna oleh elit-elit pemerintah yang takut kehilangan kuasa. Sistem kehakiman dan perundangan di Malaysia sudah berperingkat yang memalukan. Keputusan pemenjaraan ini bukan sahaja mengenai Datuk Seri Anwar tetapi dunia harus tahu bahawa terdapat penainya jauh lebih besar dan tersusun yang sedang berlaku di Malaysia. Dunia perlu tahu bahawa suara-suara kebebasan sedang dianiayai menggunakan undang-undang keji zaman penjajah sementara puak *extremist* dan isu perkauman dimainkan serta dilindungi. Justeru saya menggesa membebaskan Datuk Seri Anwar seorang penjara yang mendukung aspirasi rakyat Selangor dan seluruh negara yang mahukan keadilan dan negara yang ditadbir urus secara telus serta bebas penindasan dan amalan rasuah yang kini menjadi satu agensi Dewan Yang Mulia ini. Kita harus terus menggunakan ruang-ruang yang masih ada untuk membebaskan Datuk Seri Anwar dan salah satu cara terbaik untuk menjamin kebebasan beliau adalah dengan terus melaksanakan agenda perubahan rakyat seperti yang di perjuangkan beliau. Kita mesti terus berjuang, terus mara dan tidak menyerah kalah demi rakyat Selangor dan Malaysia yang lebih baik. Saya yakin dengan kebenaran dan usaha ini kerana sejarah dan peristiwa-peristiwa terkini misalnya di Sri Lanka menunjukkan kemarahan, kebebasan dan kebangkitan rakyat akhirnya akan berjaya. Oleh itu hari ini bagi mereka yang merasakan kekuasaan dan kekayaan yang dibina dari penindasan dan tidak keadilan boleh kekal selama-lamanya. Wajib sedarlah masa mereka sudah tamat, sekian terima kasih Speaker.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker terima kasih. *Bismillahi Rahmanir Rahim*, saya bangun untuk menyokong usul ini dan dalam perbahasan saya akan menyatakan apa yang akan saya luahkan selepas ini. Pertama sekali saya ingin menghargai dan memuji kehebatan, ketabahan, kesungguhan wanita ulung, Kajang yang ada bersama kita. Beliaulah merupakan mangsa antara mangsa yang paling kejam yang telah dilakukan oleh sejarah dunia UMNO dan Barisan Nasional. Teraniaya, terseksa, difitnah dengan demikian rupa. Dan kesalahannya hanyalah kerana beliau adalah seorang isteri kepada pejuang yang dinamakan Anwar Ibrahim. Dalam kebangkitan rakyat, apabila pengaruh Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri telah menggugat Perdana Menteri yang

ada pada masa itu tidak ada cara lain yang perlu dilakukan kecuali memfitnah, menyusun satu konspirasi politik yang cukup luar biasa dan cukup tersusun, cukup hebat yang berkesudahan dengan pemecatan beliau daripada semua jawatan dalam kerajaan dan dalam parti. Tetapi langkah itu silap. Dalam tempoh yang cukup cepat, satu hari dua hari, dua malam tiga malam, kebanjiran rakyat menghadiri di Bukit Damansara bukan Kota Damansara bukan juga Damansara Utama tapi Bukit Damansara. Kebangkitan itu membuktikan bahawa apa yang diperjuangkan adalah kebenaran. Apa yang didedahkan adalah rasuah dan penyelewengan UMNO Barisan Nasional. Dalam tempoh masa yang terdekat, satu gerakan pada 20 September telah membanjiri Dataran Merdeka, Masjid Negara dan telah menyebabkan mati akal dan mati kutu. Apa yang dilakukan oleh Mahathir Mohamad pada masa itu. Dan tidak ada cara lain yang dilakukan selain daripada menggunakan ISA. Saya tidak mahu bercerita panjang tapi saya membuktikan bahawa Anwar sangat relevan. Pada tahun 1998 hingga hari ini ketika mana saya ditahan di bawah ISA tidak ada disoal siasat berkenaan keselamatan negara kecuali setiap malam setiap pagi saya diasak dengan berbagai-bagai-bagai fitnah yang dilemparkan oleh barisan *Special Branch*, tiga orang lima orang pasukan sembilan orang yang tidak henti-henti menghina, memfitnah dengan contoh-contoh yang cukup jelik, cukup mual, cukup jijik, cukup lucah. Segala perkara-perkara yang lucah dilemparkan ke hadapan muka saya. Itulah kejinya satu barisan penysoal siasat yang dinamakan *Special Branch* yang telah diternak dan dididik UMNO Barisan Nasional. Segala-galanya buruk. Anwar buruk, Wan Azizah buruk, Ibrahim buruk...Allahyarham, Mak Yan, anak-anaknya dan itu saya *survive* kerana Mahathir membuat keputusan tidak mahu meneruskan penahanan ISA kerana nak memanggil pilihan raya pada tahun 1999. Sekali lagi, apabila pada tahun 2001 saya ditahan di bawah ISA. Saya sangkakan kali ini lebih dahsyat tetapi rupa-rupanya diulang balik dosa dan kesalahan saya ditahan kali kedua kerana saya tidak mahu tunduk dan percaya bahawa Anwar melakukan liwat. Bahawa keluarga Wan Azizah, keluarga Anwar Ibrahim ini orang yang haprak bagi mereka. Semakin teruk serangan demi serangan, fitnah demi fitnah sampai Pak Ibrahim, Allahyarham yang pada masa itu sudah tua difitnah dengan berbagai-bagai-bagai fitnah. Anwar dalam penjara dari lima, 20 September sampai hari saya ditahan 5 September, 20 September pada tahun 1998 hingga 12, 2, 10 April 2001 ketika beliau di dalam penjara makin boleh meningkat kegiatan-kegiatan keji beliau bagaimana difitnahkan dalam soal siasat. Jadi, kesalahan kami adalah kerana tidak mahu percaya bahawa apa yang dikatakan oleh Tun Mahathir bahawa 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri adalah benar. Saya sanggah. Saya ditahan di bawah ISA. Jadi, saya hadir di sini sebagai Ahli Dewan pada hari ini adalah sebagai satu saksi. Saksi dan bukan saya sahaja. Mereka yang masuk Kem Kemunting selepas itu, enam bulan selepas itu, setahun selepas itu, selepas saya bebas ada yang ditahan di bawah ISA, bila saya sempat tanya pada mereka, mereka juga berdepan dengan soal siasat yang hanya bertujuan untuk menghina Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak habis-habis. Jadi, bagi saya tahanan politik, penahan beliau tidak lain dan tidak bukan hanya untuk menjaga kepentingan politik UMNO, *survival* UMNO dan hari ini

berulang apabila dia telah dibebaskan semakin hebat sokongan. Dalam pilihan raya 2008, 52% rakyat Malaysia menyokong. Betul atau tidak?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sikit? Terima kasih. Saya bukan nak komen tapi saya ingat Seri Andalas ni bawa usul saya hormat sebab Speaker bagi bawa usul ni. Cuma saya pun hairanlah mengenai Hulu Kelang, usul ni sepatut dikemukakan lapan tahun yang dahulu sewaktu pendakwaan. Kali ni kes ni dah selesai. Dah ada keputusan pun. Jadi, kalau nak kata pendakwaan sepatutnya lapan tahun yang dahulu. Tahun 2008 dahulu sepatut usul ni dikemukakan. Barulah boleh dibicarakan. Ini dah ada keputusan. Mahkamah sudah melalui proses. Tujuh tahun ditangguhkan kes ini berjalan dah lama. Jadi, saya ingat Yang Berhormat patutnya kena tengok jugalah usul ini sebelum bawa perbincangan ini. Saya nak minta pendapat Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya membuktikan bahawa saya dan rakan-rakan yang lain ditahan kerana menentang rejim UMNO Barisan Nasional. Kami menyokong satu perjuangan yang hari ini merupakan satu barisan Pakatan Rakyat yang mantap terdiri daripada tiga parti yang kukuh disokong oleh rakyat menunjukkan bahawa kehebatan beliau akan membantu kita menuju ke Putrajaya. Oleh kerana itulah diulang balik dalam satu pendekatan yang cukup boborok, cukup karut dengan izin kalau Mahathir mempunyai satu pendekatan yang *refine, very polish, very fitness* tapi Perdana Menteri yang ada pada hari ini yang ingin mengulang tindakan Mahathir itu dilakukan dengan begitu bebrok, begitu kerut, begitu *brutal*, begitu tidak *fitness* dan terdedah daripada kajian *lawyer*, peguam-peguam yang membela beliau terbukti bahawa paten yang sama tetapi bakal *imbruted*. Kalau dulu hujahnya *not relevant* tapi hari ni buta langsung. Peguam-peguam, hakim-hakim membuat keputusan yang di luar asas keadilan dan kesaksamaan. Jadi Tuan Speaker, saya menyokong usul ini dan saya ingin menegaskan selagi mana Pakatan Rakyat tidak beralih ke Putrajaya selagi itulah budaya politik bebrok akan diteruskan UMNO Barisan Nasional.

TUAN SPEAKER: Baiklah, usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan lima minit seorang. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya Sekinchan terpanggil untuk memberi sokongan kepada usul yang dibawa oleh Y.B. Seri Andalas berkenaan dengan mengutuk sekeras-kerasnya pendakwaan bermotif politik terhadap Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan merupakan Ketua Pembangkang Malaysia. Tindakan yang tidak berasaskan prinsip demokrasi. Tuan Speaker, bagi saya dia bukan saja tidak berasaskan prinsip demokrasi, tidak berasaskan prinsip keadilan dan ia bercanggah sekali ya, fitnah bagi saya fitnah tahanan politik untuk kali yang kedua. Fitnah yang kedua ini adalah kesinambungan kejahatan UMNO daripada 17 tahun yang lalu sehingga hari ini. Kerana apa? Kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan ikon kepada rakyat di

Mahen khususnya di Malaysia ini. Kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan pencetus Bapa Reformasi kepada rakyat Malaysia ini. Beliaulah yang membawa segala reformasi di negara Malaysia ini. Tanpa beliau tak mungkin Pakatan Rakyat sekarang ada di sini. Ini suka tak suka kita kena terima. Dan yang paling penting kenapa UMNO cukup takut dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim? Kerana penguasa yang zalim mereka takut akan kedudukannya akan terjatuh sekiranya rakyat menyokong reformasi yang Datuk Seri Anwar popularkan. Ini paling penting, jadi mereka takut. Oleh sebab takut, bagaimanakah menjatuhkan Datuk Seri Anwar Ibrahim? Dengan tuduhan yang tidak munasabah. Jadi, inilah satu perkara yang kita nampak wajah sebenar UMNO Barisan Nasional. Tapi saya yakin rakyat di luar walaupun jasad Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh terpenjara tapi jasad dan semangat perjuangan *Insyah-Allah* rakyat di luar akan terus sambut untuk tumbangkan UMNO Barisan Nasional. Yakinlah. Nawaitu mesti akan datang. Dah lama dah, dah lama dah. Semakin....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit boleh tak Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Masa tak cukup lima minit. Banyak nak cakap. Jadi tak cukup. Nanti *you* boleh bahas.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasanlah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nanti *you* boleh bahas. Jadi saya nak yakinkan di sini dalam Islam pun kita diajar, saya diberitahu oleh ditarbiyah oleh teman-teman Yang Berhormat, Ketua 52 dan sebagainya bagitahu saya sebagai Islam kita menuntut keadilan untuk semua, Tuan Speaker. Kita jangan lakukan kezaliman, fitnah terhadap orang. Fitnah tu jangan. Dan kezaliman tu jangan kita sokong. Bukan saja sokong, jangan bersekongkol. Bukan saja bersekongkol, cenderung pun jangan. Jikalau kamu terus cenderung, bersekongkol dengan kezaliman nescaya akan disambar api neraka. Ini penting, saya sebagai bukan Islam, saya pun tau benda, saya memahami benda ini.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK:Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi, saya bagitahu UMNO dan Barisan Nasional cukup-cukup sudah. Cukup sampai di sini fitnah tersebut. Rakyat takkan terima apa yang dimomokkan oleh UMNO ini. Bagi pihak DAP, kita yakin dan percaya kita akan terus bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Untuk bebaskan beliau dan terus berjuang sampai UMNO...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker, minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jatuh di bumi Malaysia ini.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini komitmen DAP ini bersama Pakatan Rakyat.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Haa ini. Jadi, tak perlu tak perlu. Penyelaras pun tak hantar soalan jadi tak layak untuk bertanya sama saya. Soalan bertulis pun tak bagi, soalan mulut...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Pun tak bagi jadi saya tak akan bagi yang tidak belum cukup *perform*..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak tanya sikit saja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Haaa...tak boleh. Tak boleh bagi. Jadi saya tak bagilah. Nanti boleh bahas.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sikit saja. Sikit saja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi dalam konteks Datuk Seri Anwar Ibrahim ini, beliau adalah mangsa kezaliman yang cukup nyata. Jadi saya harap beliau terus dikekalkan sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor kerana pengalaman beliau diangkat sebagai oleh seluruh bank dunia sebagai seorang pemimpin yang punya cukup idea bukan macam UMNO yang tak ada karisma dan sebagainya. Jadi, Datuk Seri Anwar Ibrahim ini, saya juga cukup simpati dengan Y.B. Kajang kerana sudah 17 tahun keluarga Datuk Seri Anwar ditekan, diugut, dicaci, difitnah sampai sekarang. Sebagai seorang saudara sesama Islam sanggup lakukan kerja sedemikian jijik. Saya sebagai bukan Islam pun tak sanggup lakukan. Bayangkan di mana keimanan kamu ini. Setakat ini sajalah, saya menyokong usul ini. Sekian saja, terima kasih. Lawan tetap lawan. Lawan sampai menang.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, lima minit.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Lima minit?

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Bukan main panjang tadi bagi pada pembahas kerajaan.

TUAN SPEAKER: Semua orang lima minit.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Semua orang lima minit?

TUAN SPEAKER: Saya ada *traffic light*.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Sungai Burong, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul yang dibawa ini ialah untuk pendakwaan bermotif politik terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor yang merupakan tindakan tidak berasas dari segi prinsip demokrasi. Saya berpendapat bahawa prinsip demokrasi yang diamalkan ialah kita meletakkan undang-undang tidak ada siapa atas undang-undang. Undang-undang tidak mengira orang berpangkat, orang besar, orang yang hebat tetapi kalau mereka melakukan jenayah mereka hendaklah dituduh, disiasat, diambil tindakan dan dibicarakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Pertama. Yang kedua, asas undang-undang ya. Yang kedua, dia mesti diberikan peluang untuk pembelaan ya. Dan pembelaan saya kira...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tak berani punya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim ia adalah merupakan satu apa orang kata pembelaan yang cukup panjang ya. Yang cukup orang kata telus ya. Mengambil masa tujuh tahun..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Mencilah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Mahkamah melibatkan sembilan hakim, pasukan pembelaan daripada Datuk Seri Anwar sendiri.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Seri Muda minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Telah melantik, lima minit ya. Masing-masing ada lima minit.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Saya nak mencelah sikit.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Nanti ada bagi masa lima minit untuk Seri Muda. Ok. 14 orang peguam pembela di Mahkamah Persekutuan ya, dan beribu-ribu jam masa telah diambil untuk memberikan peluang pembelaan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim ya. Ini tidak pernah ada dalam satu sejarah. Ini sebenarnya untuk memberi peluang yang cukup ya, dengan apa orang kata barisan peguam-peguam yang hebat untuk memastikan bahawa keadilan di negara ini dapat orang kata dilaksanakan ya. *Alhamdulillah* kita tahu bahawa keadilan hari ini telah ditegakkan ya, di mana nasib seorang insan manusia ya, yang...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Mencelah Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Yang tidak ada ertinya mungkin kepada orang lain ya, yang telah menjadi mangsa dalam kes ini tetapi dia mendapat pembelaan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Batang Kali, Seri Muda, Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya tak benarkan ya. Lima minit saja.

TUAN SPEAKER: Beliau tak benarkan. Semua tolong duduk.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Tak berani punya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Namun, bukan tidak berani, saya boleh kalau dia bagi masa yang panjang. Namun Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri telah memilih untuk tidak memberikan lebih daripada segi kenyataan di kandang tertuduh. Tidak seperti mangsa ya, beliau enggan berhadapan dengan pemeriksaan balas. Ia adalah hak beliau sebenarnya di bawah undang-undang ya. Namun hak yang beliau gunakan itu sebaliknya untuk menyerang pihak pendakwaan ya. Hakim yang Arif, rakan-rakan dia dalam Kerajaan dan beliau dengan itu sendiri menjejaskan reputasinya sendiri. Tuduhannya bukanlah bersifat politik, kita kena lihat apakah penghakiman yang telah dibuat pada hari berkenaan kita lihat setiap perkataan dan hujah-hujah yang diberikan dalam penghakiman supaya kita lebih adil dalam meletakkan kedudukan yang sebenar sebagai contohnya bagi keterangan DNA. Malaysia mempunyai dua ciri utama dalam aspek penyiasatan DNA. Pertama kita perlukan 16 bacaan dari 16 bacaan yang sepadan. Tiada negara yang menuntut keperluan yang lebih tinggi yang tertinggi seperti UK dan Amerika hanya

membenarkan keperluan bacaan yang lebih rendah. Kesemua bacaan DNA yang menyokong ke sini adalah berpadanan dengan bacaan 16 daripada 16, dalam erti kata lain padanan sempurna dan kesemua DNA adalah didapati daripada simen yang mana...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah Tuan Speaker.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Berbanding dengan DNA.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, orang sendiri nak mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak apa-tak apa, saya pun tak bagi juga. Lima minit saya nak habiskan. Lepas ini boleh, sebab saya ada masa ini, bukan tak nak soalan, Sekinchan boleh ya, saya nak bagi tahu sikit tapi nanti masa saya potong, saya tak boleh. Kedua, di Malaysia tidak ada undang untuk memberikan sample DNA ini yang berlaku di Malaysia. Apabila Dato' Anwar Ibrahim mencabar *sample* pihak pendakwaan di mahkamah beliau sebenarnya mempunyai peluang untuk menawarkan *sample* beliau sendiri sebagai satu keterangan yang baru jika benar beliau tidak bersalah. Beliau boleh berbuat demikian dan dengan ini menutup kes itu dengan serta-merta namun beliau telah memilih untuk tidak berbuat demikian. Berkenaan dengan notis alibi Dato' Anwar Ibrahim. Beliau pada mulanya telah mengeluarkan satu notis alibi yang menyeluruh namun beliau telah mengabaikan sepenuhnya apabila ianya telah dibuktikan palsu melalui rakaman CCTV yang ditayangkan kepada mahkamah. Semuanya ini telah dibuktikan lama dahulu. Dato' Seri Anwar Ibrahim juga enggan bersumpah dengan nama Al-Quran mengenai kejadian tersebut sebaliknya mangsa telah bersumpah dengan nama Al-Quran mengenai butir-butir kejadian tersebut di Malaysia dan juga di Mekah yang merupakan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan, penjelasan sikit saja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ini maklumat fakta yang ada keputusan oleh Hakim jadi saya kena baca.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sikit saja, sikit saja. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kebebasan badan kehakiman ini termaktub dalam perlembagaan. Kes ini telah dibawa oleh seorang individu, pekerja Dato' Seri Anwar sendiri. Dia telah membuat aduan kepada polis yang beliau telah menuduh Dato' Seri Anwar Ibrahim memberikan tekanan yang tidak wajar untuk maksud beliau melakukan hubungan seks dengannya.

TUAN SPEAKER: Satu minit lagi Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Jadi kita jelas di sini pendakwaan telah dibuat berasaskan aduan daripada mangsa dan ini bukanlah bertindakan motif politik dan ini jelas menunjukkan bahawa apabila ada aduan dan kes telah disiasat di bawa ke mahkamah maka proses pengadilan itu akan berjalan dan dalam kes ini beliau terbukti bahawa beliau telah didapati bersalah. Cuba kita lihat apa puncanya menjadikan kes ini berlaku kita mesti imbas bagaimana kita kembali kepada *hansard* yang bertarikh 22 Oktober dan 18 Oktober 1997. Saya ingat ini buat kalinya seorang Ahli Parlimen berdiri memegang akuan bersumpah menuduh Dato' Seri Anwar Ibrahim terlibat dalam seksual, homoseksual dan pada masa itu Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah Timbalan Perdana Menteri di pihak Kerajaan yang menuduh dia adalah pihak pembangkang daripada DAP. Siapa orang itu? Orang itu tidak lain dan tidak bukan ialah Arwah Karpal Singh, peguam yang hebat yang mana pengakuan penglibatan jenayah Dato' Seri Anwar Ibrahim dan kenyataan beliau telah dilihat.

TUAN SPEAKER: Masa telah mencukupi, Sungai Burong sila duduk. Saya buka untuk dibahaskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Okey beri saya satu minit untuk menggulung.

TUAN SPEAKER: Sudah, satu minit tadi sudah kerana Sungai Burong sibuk membaca itu sebab masa habis Sungai Burong tak rasa. Baiklah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya dengan ini, saya menolak Usul 17 yang mengutuk pendakwaan yang bermotif. Orang yang mengutuk motif katanya politik kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim itulah sebenarnya orang yang bermotif politik.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker, Paya Jaras ingin mengambil bahagian dalam Usul No.17/2015 yang menyebut dan mengutuk tentang Pendakwaan Bermotifkan Politik terhadap Ketua Pembangkang yang juga merupakan Penasihat Ekonomi Selangor sebagai sesuatu tindakan yang tidak berasas dan tidak berprinsipkan demokrasi. Memang Sungai Burong memberi pelbagai alasan DNAlah, kenyataan di luar kandanglah, CCTV lah apa sahaja disebut ini semua alasan. Bagi menutup kezaliman UMNO dan Barisan Nasional.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Penjelasan, mana ada alasan. Itulah adalah fakta bukan alasan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Duduk dulu, duduk dulu. Sebagai menutup kelemahan UMNO dan Barisan Nasional, kerana kalau kita dalam keadaan

sebagai seorang manusia menjadi Anwar Ibrahim dikepong oleh sistem-sistem yang tidak munasabah, dikepong oleh sistem-sistem yang zalim berdasarkan sejarah kita juga mempunyai keadaan yang sama seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim. UMNO menggunakan prinsip keselamatan bila apabila kedudukan pemimpin UMNO terancam. UMNO mengatakan kita memecahkan masyarakat bila kedudukan UMNO Barisan Nasional tidak lagi disokong oleh rakyat. Kita melihat sejarah tangkapan-tangkapan ISA dalam siri-siri yang ditahan kepimpinan parti politik kenapa kerana kepimpinan UMNO dan UMNO itu terancam. Kita tidak lupa sejarah Mamali apabila beribu-ribu tentera, polis menyerang menyerang Ibrahim Libya di mana kes mahkamah sehingga ke hari ini tidak dibicarakan. Kita tidak lupa bagaimana peristiwa apabila UMNO diharamkan pada tahun 1987, apa jadi dengan hakim itu? Tun Salleh Abbas dipecat daripada kerusi Ketua Hakim Negara pada waktu itu, kerana apa? Kerana menentang UMNO dan Barisan Nasional. Maka dengan sebab itu pendakwaan yang terpilih ini, kezaliman yang berlaku.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Mintakan penjelasan sikit saja

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Silakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Setuju tak kalau Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak melakukan dia menghindarkan dari perlakuan-perlakuan itu. Dia sebenarnya tidak akan didakwa.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya tak setuju, itu jawapan saya. Kita melihat sistem kehakiman bukan sahaja Timbalan Perdana Menteri, Ketua Hakim Negara juga dipecat daripada kerusi Ketua Hakim Negara. Inilah pendemokrasian tersebut. Adakah ini yang UMNO laungkan sebagai pemisah di antara Kehakiman Eksekutif dan di mana contoh dia? Sebab itu saya rasa malu dengan hujah dari UMNO Barisan Nasional yang seolah menunjukkan mereka ini juara dari demokrasi, mereka ialah jaguh dunia, merekalah jaguh pejuang demokrasi dunia sedangkan keadaan sebenarnya tidak sebagaimana yang ditunjukkan oleh UMNO Barisan Nasional.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Boleh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya cuma satulah sebagai pengamal undang-undang saya pun rasa Yang Berhormat patut lihat proses mahkamah berjalan. Tak ada kena mengena dengan UMNO pun Yang Berhormat. Yang muda itu Saiful Bahari. Apa kena UMNO dalam kes melibatkan Anwar Ibrahim. Apa yang Sungai Burong sebut tadi fakta kes yang diambil dari mahkamah. Apa kena mengena UMNO dan BN, Saiful pun bukan Ahli UMNO pun.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Bagaimana saudara Yang Berhormat boleh kata tidak ada kena dengan UMNO? Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah mantan Timbalan UMNO yang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang maksud saya tadi boleh *review* sikit lagi. Sebenarnya hujah ini kes Anwar Ibrahim dan Saiful ini adalah kes jenayah, bukan tahanan politik. Itu nak kena beza Yang Berhormat sebelum nak bahas. Ini jenayah di antara seorang yang membuat dakwaan dia di saya tak kata diperkosa dia di.. sebab itu jenayah bezakanlah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tidak ada masalah kes jenayah. Saudara lihat, kita lihat sejarah tanah air kalau Ketua Hakim Negara sebagai seorang yang duduk Badan Hakim yang tertinggi dipecat dengan sebegitu rupa apa saudara nak sebut lagi keadilan di Malaysia. Tak kiralah DNA apa sahaja ini adalah alasan untuk mengekang kebangkitan rakyat yang diketuai oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam pilihan raya. Tuan Speaker, lebih malang lagi kita melihat proses sistem pendakwaan ini berlaku apabila seorang peguam Shafie Abdullah yang tidak pernah dalam sejarah yang mengetuai kes dalam tanah air kita, apa cerita ini? Bukankah ada terlalu udang di sebalik batu? Bukankah ada motif yang berniat kita lihat terlalu pelik dan sehingga ke hari ini Kerajaan tidak menjawab apakah Peguam Negara tidak mempunyai kredibiliti, maka dengan sebab itulah kita faham kalau ini berlaku sebab itulah kita faham kes air UMNO Barisan Nasional tak reti nak buat perjanjian, tak pandai nak baca *agreement*, tidak ada kredibiliti. Peguam Negara seorang yang memimpin dalam pendakwaan dalam apa sahaja, mengapa dilepaskan peranan begitu sahaja. Mengapa? Jawapannya kerana ada motif yang lain daripada lain kerana mahu menganiayai keluarga Dato' Seri Anwar Ibrahim, itu sahaja.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Silakan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Saya melihat Paya Jaras bersungguh-sungguh mempertahankan Anwar Ibrahim tetapi dalam kes Tan Sri Khalid Ibrahim yang tidak mendapat keadilan saya fikir tidak ada penghujahan yang sedemikian datangnya dari pihak Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya malas nak jawablah, saudara baca Usul itu, saudara baca Usul baik-baik. Maka dengan sebab itulah kita melihat bahawa kita memerikan peringatan kepada UMNO Barisan Nasional walaupun kadang-kadang kita dilihat boleh bertolak ansur dalam beberapa isu bahawa sejarah dunia tidak ada kerajaan yang kekal selama-lamanya di atas muka bumi ini. Sama ada Kerajaan bergelar Parsi, Kerajaan Besar Kerajaan Rom,

Kerajaan Komunis Rusia apa sahaja kerajaan di atas muka bumi ini tidak akan kekal selama-lamanya. Maka sebab itulah kita memberi peringatan bahawa Pakatan Rakyat akan pada bila-bila masa kita akan mengambil Kerajaan di Putrajaya *Insyallah* tidak lama lagi. Sebagai mewakili Parti Se-Islam Se-Malaysia kita menyokong Usul ini kita mengutuk pendakwaan bukan sahaja mengutuk kita memberi peringatan kepada pemimpin UMNO dan Barisan Nasional jangan pinda undang-undang, jangan buat undang-undang yang seolah mahu mengekalkan kuasa selamanya di Malaysia ini, dia tidak akan berlaku. Paya Jaras menyokong.

TUAN SPEAKER:Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Kaya terima kasih. Saya ringkas sahaja Yang Berhormat kita menghormati Usul yang dibawa oleh Seri Andalas, Usul yang tadi patutnya 8 tahun dahulu dikemukakan waktu pendakwaan bukan sewaktu kes dah selesai. Kalau saya jadi Anwar Ibrahim, yang pertama saya sumpah laknat senang. Kalau ini dilakukan di mana-mana masjid.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Nanti dulu, duduk dulu tak apa saya nanti bagi peluang. Kalau dibagi peluang untuk bersumpah saya rasa lama dah Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat dipertahankan kalau benar. Yang kedua, keadilan mesti juga ditegakkan untuk Saiful, Saiful ini jenayah bukan soal politik Paya Jaras, ini jenayah. Ada orang melaporkan mengadu dan juga ada orang yang didakwa. Apa kena mengena dengan soal jenayah dan soal politik, tak ada sebab pun nak menuduh UMNO terlibat dalam konspirasi ini.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya nak celah sikit. Kalau kes jenayah bagi seorang yang berkedudukan biasa dalam negara ini mengapa tidak sahaja peguam negara dalam kes yang biasa.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Ok saya faham. Soal ini Peguam Negara ada hak untuk menentukan siapa yang boleh menjadi pendakwa raya. Saya yakin kalau hari itu pendakwa rayanya ialah Peguam Negara bukan 5 tahun mungkin 10 tahun. Itu tak ada masalah. Masalahnya tidak dapat

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Jawapannya tidak ada kredibiliti itu sahaja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Usul ini tak menyebut soal peguam negara. Soalnya peguam negara ada hak untuk melantik sesiapa juga untuk mewakili peguam negara untuk menjadi pendakwa.

TUAN SPEAKER: Permatang, Sungai Air Tawar minta mencelah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekejap lagi...

Y.B. TUAN KAMAROLZAKI BIN ABDUL MALIK: Saya nak...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Okey, saya bagi.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Terima kasih. Sebenarnya kita sebagai orang Islam, pimpinan PAS dan PKR terlupa sebenarnya. Kita ingat pada 31/3/2013 di mana di kalangan ahli ulama telah pun berkumpul di Stadium Melawati di mana dihadiri oleh pimpinan-pimpinan ulama termasuk Allahyarham Nik Aziz Nik Mat. Apa kata mereka? Tunjukkanlah kebenaran di dunia ini khususnya di Malaysia dan di Selangor, tunjukkan. Alhamdulillah, nampaknya sekarang Allah dah tunjukkan kebenaran.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar nak berbahas ke minta penjelasan?

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK: Ya, memang. Sebagai pimpinan PAS tadi telah dinyatakan.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar tanya penjelasan kepada Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tengok Sungai Air Tawar ini betul-betul bersemangat, saya bagi laluan lah. Yang Berhormat, saya nak ringkaskan sahaja lah. Anwar Ibrahim...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya nak mencelah sikit boleh, Permatang?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Baru nak bercakap...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Penjelasan sikit sahaja.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tidak apalah, saya bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan perkataan sumpah laknat yang dikemukakan oleh Permatang sebentar tadi. Soalan saya ialah mana asas, mana prosedur, mana punca atau nas yang mengatakan melakukan kes jenayah ini ada sumpah laknat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya lah kita ini bila kita terdesak, sebagai umat Islam kita kena tahu bahawa sumpah laknat itu ada. Kalau Saiful boleh berani membuat sumpah, kenapa Anwar Ibrahim tidak berani? Cukup saya nak jawab itu sahaja.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Soalnya dari mana sumber hukum itu?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak beritahu dari segi penghakiman, apa yang tiadanya? 8 tahun kes berjalan, diberi peluang membela diri, dikemukakan 14 alibi tapi sampai sudah seorang pun tidak dipanggil. Kenapa? CCTV ada tunjuk. Tidak boleh nak mempertahankan diri. Saya pun hairan, peluang ini diberi cukup banyak kepada beliau untuk diberikan penjelasan di mahkamah, tidak berani naik di kandang saksi untuk beri keterangan untuk disoal balas. Saya ingat tadi Sungai Burong dah cukup dah tadi bagi kenyataan-kenyataan, fakta teknikal yang diambil dari mahkamah. Apa sebab nak kaitkan UMNO? Apa nak kaitkan Barisan Nasional? Saya boleh terima hujah Paya Jaras kalau sebut fasal ISA, okay boleh. Saya boleh terima. Tapi dalam soal kes liwat ini, tiada kenamengena dengan UMNO. Ini kes jenayah, dibicarakan di mahkamah dan mahkamah sudah memutuskan beliau gagal mempertahankan dirinya. Itu sahaja.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya mencelah dahulu YB Hulu Kelang. Setuju ke Yang Berhormat bahawa dalam perlembagaan melantik ketua hakim negara itu adalah Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri yang juga seorang Presiden UMNO?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya ingat ini jauh sangat fakta ini. Sampai ke Ketua Hakim ini. Saya ingat tidak disebut ketua hakim di dalam ini. Tidak relevan. Yang Berhormat, tidak relevan. Saya tolak dengan kos.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin mencelah Tuan Speaker.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Okay, saya bagi Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak tanya sebab sekarang Yang Berhormat Paya Jaras yang berhujah jadi saya nak tanya sebab dikatakan tiada kaitan politik itu. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Paya Jaras, adakah...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya yang sedang berhujah ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Permatang, Permatang yang sedang berhujah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tanya pada saya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak tanya sebab sekarang kenapa Saiful sebagai seorang pemuda orang biasa macam kita, 2 hari sebelum kes sebelum buat laporan polis, dia pergi jumpa Najib *personally* di kediamannya dengan saksi dengan gambar

sekali disebar. Saya nak minta penjelasan itu. Najib itu bukan peguam belanya. Macam mana dia boleh jumpa macam itu *personally*?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat, perkara ini sudah dibawa ke mahkamah pun. Sudah dibawa dan dibentangkan di mahkamah. Sudah dibahas, sudah dihujah. Tidak boleh nak dipertahankan pun. Tiada kena-mengena.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya, kenapa pula tidak Perdana Menteri juga dipanggil jadi salah seorang saksi untuk menjelaskan kenapa dia ada berjumpa dengan Saiful.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Fakta kes itu tiada mengait pun dengan Perdana Menteri. Ini kes jenayah, saya nak beritahu.

TUAN SPEAKER: Baiklah Permatang. Masa sudah mencukupi untuk Permatang, sila duduk. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum saya mulakan hujahan saya, saya setuju bahawa kita menjalankan prinsip demokrasi dan keadilan mahkamah. Tetapi pada hari ini yang mempersoalkan keadilan mahkamah adalah mantan Perdana Menteri sendiri. Dr. Mahathir sendiri mempersoalkan kepada polis dan mahkamah, bertanya siapa yang arahkan Sirul tembak Altantuya? Hingga hari ini kerajaan tidak jawab. Di mana prinsip demokrasi mahkamah, Perdana Menteri sendiri persoalkan mahkamah. Sudah-sudah tiada masa. Keduanya saya nak jelaskan di sini bahawa tiada dalam ajaran Islam sumpah al-Quran, menjunjung al-Quran di Mekah. Tiada. Tanyalah ulama-ulama kalau ada tetapi kenapa ini menjadi asas kepada hujah UMNO? Nampak dengkil sangat ilmu itu. Kalau tidak tahu tanya kepada ulama dahulu. Begitu juga sumpah laknat, tiada dalam ajaran al-Quran sumpah laknat. Sekalian, dari sudut Anwar Ibrahim, sumpah diperlukan di mahkamah bukan dalam masjid, bukan depan Kaabah. Tuan Speaker, Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah putera terbaik yang dilahirkan di negara ini yang mempertaruhkan dirinya sampai 4 kali masuk penjara. Tiada pemuda UMNO yang sanggup macam itu. Ketika mudanya, Dato' Seri Anwar Ibrahim ditahan di bawah ISA kerana perjuangannya kemiskinan rakyat. Masalah Bahasa Melayu yang ketika itu pemimpin UMNO hidup dengan kemewahan tetapi Anwar Ibrahim bangkit menentang soal kemiskinan. Akhirnya ditahan di bawah ISA. Keduanya Dato' Seri Anwar Ibrahim...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh tanya soalan?

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tidak payah, tidak payah. Tadi tidak kasi tadi. Tadi tidak kasi. Dato' Seri Anwar Ibrahim ditahan kali kedua dalam penjara. Apa kesalahannya? Tiada satu salah guna kuasa, tiada wang mengalir, tiada harta yang ditimbunkan tetapi kerana dia kata apa istilahnya gempak, masuk penjara 6 tahun.

Dalam kes mahkamah yang panjang, akhirnya dibebaskan. Dato' Seri Anwar Ibrahim pimpin kebangkitan rakyat dan hingga hari ini UMNO Selangor tersungkur 2 kali pilihan raya, tidak boleh bangun. Kali ketiga pun *in shaa Allah* tidak akan bangun kerana rakyat tidak percaya kepada pendakwa Dato' Seri Anwar Ibrahim. Akhirnya rakyat menjadi hakim negara. Sekali lagi Dato' Seri Anwar Ibrahim dijatuhkan penjara untuk 5 tahun yang saya cukup simpati kepada keluarga Dato' Seri Anwar Ibrahim, ADUN Kajang pada hari ini. Bagaimana perasaan keluarganya tetapi dalam kes-kes yang melibatkan UMNO, dia tiada kes, tidak cukup bukti dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kes Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah kes politik. Konspirasi peringkat tinggi yang melibatkan pimpinan teratas bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim ditahan kerana politik bukan kerana jenayah. Dewan pada hari ini berkeras mengatakan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim patut dibebaskan untuk terus membela rakyat, untuk terus memperjuangkan rakyat dan kajian-kajian dibuat menunjukkan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim walau macam mana pun dihina, rakyat tidak akan percaya. Percayalah kalau dia dikeluarkan dari penjara, rakyat akan sokong dia, kita akan pastikan bahawa dalam pilihan raya akan datang yang duduk di sini tetap Pakatan Rakyat, yang tinggal di Putrajaya nanti adalah Pakatan Rakyat. Itulah saya rasa simpati kepada keluarga Dato' Seri Anwar yang ayahnya, yang datuknya dipenjarakan kerana kezaliman politik UMNO dan Barisan Nasional. Saya menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya minta pihak kerajaan untuk mengulas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Andalas yang telah membawa usul ini untuk menyatakan pendirian kita tentang kezaliman yang dilakukan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya mendengar tadi beberapa hujah yang dikemukakan oleh Barisan Nasional dan saya nampak daripada skrip perbahasan itu tidak lain daripada skrip Shafie Abdullah yang digunakan sebagai perbahasan mereka. Yang Berhormat Permatang ada menyatakan bahawa kalau kita serius untuk membawa usul ini, mengapa tidak dibawa 8 tahun yang lalu sebelum pendakwa ataupun perbicaraan bermula. Beliau lupa bahawa di dalam Perlembagaan Persekutuan juga membenarkan di bawah artikel 127 Perlembagaan Persekutuan untuk Parlimen membincangkan tentang kelakuan hakim-hakim sama ada di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan ataupun *High Court* dan memang kita telah buat. Sebab itu pagi ini saya tidak dapat berada dalam sidang Dewan Negeri ini kerana saya berada dalam sidang Dewan Rakyat.

Pertama, untuk menyertai perbahasan Akta Hasutan 2015 yang dipinda oleh Menteri Dalam Negeri yang menunjukkan kezaliman terus berleluasa di dalam pentadbiran sekarang sehinggakan menteri tidak dapat membentangkan usul tersebut sehingga lewat tengah hari kerana bantahan yang cukup kuat namun usul yang kita bawa untuk membincangkan tatacara dan kelakuan hakim juga ditolak oleh UMNO dan Barisan Nasional. Bukan sekadar ditolak oleh Parlimen pada pagi ini, Yang

Berhormat Tanjung Karang, UMNO Selangor bangun pagi tadi minta Speaker Dewan Rakyat supaya mengeluarkan *ruling* kepada Speaker Negeri Selangor menghalang daripada usul Seri Andalas dibawa pada petang ini sehinggakan Speaker Dewan Rakyat memberitahu kepada Tanjung Karang, dia hanya ada kuasa untuk membuat *ruling* dalam Parlimen. Bukan membuat *ruling* di peringkat negeri. Ini bezanya UMNO dan Pakatan Rakyat. Usul yang dibawa oleh Barisan Nasional, kita benarkan untuk diterima, dibincang, dibahas dan ditolak atau diterima di dalam Dewan. Tetapi usul walaupun dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk membincangkan tatacara dan kelakuan hakim tidak dibenarkan bincang di luar tetapi di bawah artikel 127, izinkan saya baca dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker. *The conduct of a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or a High Court shall not be discussed in either House of Parliament except on a substantive motion of which notice has been given by not less than one quarter of the total number of members of that House.* Kita ada 80 ahli Parlimen yang menandatangani usul tersebut pun ditolak oleh Dewan Rakyat. Jadi di mana ruang untuk kita bincangkan walaupun perlembagaan membenarkan tetapi UMNO dan Barisan Nasional takut untuk perkara ini dibincangkan mengikut perlembagaan yang sedia ada.

Kedua, Yang Berhormat Sungai Burong menyatakan panjang tempoh diberikan 8 tahun, beribu-ribu jam, peguam-peguam yang handal, 9 orang hakim. Ini bukan isunya. Isunya ialah sama ada prinsip keadilan itu diberi atau tidak dalam perbicaraan tersebut. Dalam konteks ini, bukan hanya keputusan itu adil atau tidak tetapi seluruh proses itu mesti adil. Daripada penyiasatan sampailah pendakwaan, sampailah penghakiman mesti berdasarkan prinsip keadilan. Baru kita boleh terima tetapi kita bermula dengan soal siasatan. Siapa ketua penyiasat dalam kes ini? Jude Pereira yang telah terbukti beliau bukanlah seorang saksi yang *credible* dalam perbicaraan di SUHAKAM. Siapa yang duduk sebagai *Commissioner of SUHAKAM* pada ketika itu yang telah membuat *ruling* bahawa pegawai polis yang bernama Jude Pereira ini adalah seorang yang tidak *credible*. Seorang saksi yang tidak boleh diterima kesaksiannya yang membuat *ruling* itu adalah Shafie Abdullah. Maknanya kalau kredibiliti orang seperti ini sudah dipertikaikan oleh SUHAKAM, bagaimana mahkamah boleh terima siasatan yang dilakukan oleh Jude Pereira?

Saya tidak perlu pergi *detail*. Dia ambil spesimen simpan dalam laci di pejabat dia. Ini pegawai penyiasat apa? *You compromise* soal kesahihan bukti yang dibawa ke dalam mahkamah. Itu soal siasatan. Bawa pula kepada bidang pendakwaan. Ya, pendakwaan telah dibuat tetapi dibuat oleh siapa? Kita boleh terima pendakwaan kalau institusi Jabatan Peguam Negara itu memang *credible* dan wibawa. Seluruh dunia tahu siapa Abdul Ghani Patail yang tidak wibawa dan sekarang ini bawa pula Shafie Abdullah, peguam UMNO. Apakah tiada pendakwa-pendakwa lain di dalam Jabatan Peguam Negara? Tolak Abdul Ghani Patail. Ratusan pendakwa raya ada di Jabatan Peguam Negara. Apakah Sungai Burong ingin menyatakan bahawa Jabatan Peguam Negara tiada pendakwa raya yang wibawa terpaksa bawa peguam UMNO mengendalikan pendakwaan. Bagaimana kita boleh terima? Bagaimana kita

boleh terima Shafie Abdullah? Ini bukan satu pendakwaan dalam kes yang terlalu khusus yang memerlukan kepakaran daripada luar. Memang perlembagaan membenarkan untuk kita melantik pendakwa raya luar untuk mengendalikan kes tetapi dengan syarat kalau kes pendakwaan itu memerlukan kepakaran yang khusus. Tetapi dalam kes ini, berapa banyak pendakwaan liwat yang telah dilakukan sebelum ini? Mengapa pendakwa raya yang lain boleh kendalikan kes tetapi bila kes Dato' Seri Anwar memang ada *different set of law* yang digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional? Kena bawa peguam UMNO yang memang terbukti tidak akan melakukan keadilan dalam kes pendakwaan ini.

Kita lihat juga siapa yang disebut oleh Permatang. Jangan marah, ini kes jenayah. Seorang membuat aduan terhadap seorang yang lain. Seorang itu siapa? Apa hak si Saiful boleh bertemu dengan Perdana Menteri? Kita wakil rakyat nak jumpa Perdana Menteri pun susah. Boleh berjumpa dengan Ketua Polis Negara, boleh jumpa dengan Perdana Menteri. Hebatnya orang yang membuat aduan ini. Ada akses yang begitu hebat. Mengapa perkara ini tidak dijawab? Tuan-tuan, eh, saya ingat ceramah perdana. Saya dah geram dah itu. Tidak apa, yang itu saya akan guna di Permatang Pauh dan di Rompin nanti. Sebab yang itu disebut oleh Speaker Parlimen pagi tadi. Dia kata *oak*, dia tolak tapi bawalah isu ini ke dalam pilihan raya kecil yang akan datang. Siap Rompin dan Permatang Pauh, *Insyah-Allah* kita akan pastikan rakyat diberikan maklumat yang tepat. Jadi saya nak nyatakan di sini, yang kita minta ini keadilan. Ya, mahkamah telah memutuskan. Mahkamah mana? Itu saya sebut soal siasatan, soal pendakwaan dan soal kehakiman. Soal kehakiman, ya 5 hakim. Hakim apa yang kita bantah ini bukan soal institusi kehakiman itu, yang kita bantah bagaimana hakim itu dipilih. Sebab hakim itu dipilih oleh Ketua Hakim Negara. Ini berlaku dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim yang pertama. Di mana ada seorang hakim Mahkamah Tinggi yang layak, yang berpengalaman, yang wibawa untuk mendengar kes itu iaitu Datuk K Sivura pada tahun 1998 tetapi oleh sebab kewibawaan K Sivura ini cukup kuat, tidak tunduk kepada UMNO, sanggup UMNO membawa Augustine Paul daripada Melaka. Pada ketika itu dia hanya berjawatan JC, *Judicial Commissioner*. Bukan pun hakim Mahkamah Tinggi. Mengapa tidak gunakan Datuk K Sivura dalam kes yang pertama? Ambil orang yang boleh diperkudakan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Ini kenyataannya. Tidak boleh kita nafikan sementara institusi kehakiman itu mesti bebas tetapi yang kita pertikaikan pemilihan hakim untuk mendengar kes itu yang dibuat oleh pentadbiran badan kehakiman. Hakim yang bebas, saya percaya masih ada. Hakim yang berintegriti dan wibawa, masih ada tetapi orang-orang ini akan diketepikan. Pendakwa raya-pendakwa raya di Jabatan Peguam Negara masih ramai tetapi mesti bawa pendakwa raya yang spesinya UMNO, yang darahnya UMNO, yang pemikirannya UMNO maka budaya yang zalim dan fitnah ini akan diteruskan.

Maka saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Seri Andalas dalam perkara ini dan saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini seluruh 43 Ahli Dewan Negeri

Selangor mendukung kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya telah menyatakan pendirian ini apabila Sungai Burong bangkit nak *provok* saya apa kedudukan Dato' Seri Anwar sebagai Penasihat Ekonomi. Saya tidak berganjak. Sungai Burong, Permatang, kamu boleh tolak Anwar Ibrahim tetapi 52% rakyat mendukung kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Akhirnya saya nak nasihatkan UMNO dan Barisan Nasional hentikanlah *garterpolitics*, budaya fitnah, cerca, maki hamun ini, cukuplah. Negara sedang berdepan dalam satu krisis ekonomi yang cukup parah. Rakyat memerlukan kepimpinan yang baik. Ya, Sungai Burong kata undang-undang kita tidak mengenal bulu sama ada orang besar, orang kecil, ya. Siapa yang membunuh Altantuya? Sekarang tiada jawapan. Siapa yang memberi arahan kepada Sirul untuk membunuh? Tiada jawapan. Di mana keadilan? Bukan saya sebut, orang UMNO sebut. Presiden UMNO selama puluhan tahun yang sebut. Mengapa ADC kepada Perdana Menteri tidak dipanggil dalam mahkamah? Wah, Permatang bukan main hebat. Alibi buat, tidak dikemuka ke dalam mahkamah. Ya, mengapa Perdana Menteri punya ADC tidak dipanggil sebagai saksi memberi keterangan dalam mahkamah? Kerana kekebalan UMNO dan Barisan Nasional. Jadi bagi saya, kembali kepada prinsip keadilan, ketelusan, lakukan yang terbaik, hentikan fitnah, cukuplah. 15 tahun skrip yang sama, fitnah yang sama.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah sikit boleh?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau sebut fasal keadilan tadi, Sungai Panjang ada beritahu Pelabuhan Klang tidak pernah dapat keadilan pun. Dipecat tidak dipanggil apa pun. Dipecat macam itu sahaja, keadilan apa sebenarnya itu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Permatang, usul ini tentang Anwar Ibrahim bukan Khalid Ibrahim.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya lah. Ini keadilan. Tadi Yang Berhormat kata keadilan. Cerita fasal keadilan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Prinsip keadilan tentang usul yang dibawa. Ini yang kita bincangkan sekarang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jadi makna yang itu tidak adil lah pemecatan dia?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak kata tidak adil. Saya kata saya bincang usul dibawa.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Maknanya tidak adil lah itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak, tidak payah bincang. Pelabuhan Klang itu kita boleh buat satu forum dengan syarat datang dalam Dewan. Duduk depan itu saya boleh berdepan dengan dia. Sebab dia pun kawan Permatang sekarang. Bawa lah dia datang. Jangan main *Tweet* sahaja. Baik, jadi saya minta sementara kita nak bincang institusi kehakiman, kita kena bermula institusi kehakiman ini bermula dengan siasatan, pendakwaan baru sampai penghakiman. Proses itu mesti benar-benar adil dan telus. Saya dah buktikan beberapa contoh yang cukup jelas yang menyebabkan persepsi awam terhadap badan kehakiman kita amat parah sekali. Jadi dalam keadaan ekonomi kita parah, negara hampir bankrap, hutang negara sudah lebih satu trilion ringgit, mari kita ajak semua pihak untuk bekerja demi kepentingan rakyat. Kita nak bersatu, bersatu ke atas apa? Kalau tidak atas prinsip keadilan, kita tidak boleh bersatu dengan perompak dan pembunuh. Kita hanya boleh bersatu atas prinsip keadilan dan kebenaran yang ini saya mengajak supaya rakan-rakan daripada Barisan Nasional memahami pendirian ini dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor ingin menyatakan sekali lagi kita mendukung usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Seri Andalas dan kita akan mempertahankan prinsip keadilan ini dan *insya-Allah* saya akan berdoa kepada Allah SWT agar prinsip keadilan dapat diberikan bukan sahaja kepada insan yang bernama Anwar Ibrahim tetapi kita mahu keadilan diberikan kepada seluruh rakyat di Malaysia ini termasuk di Negeri Selangor ini, *insya-Allah*. Dengan kata-kata itu saya juga mendoakan semoga Yang Berhormat Kajang sabar dan tabah. Ini lah contoh seorang wanita berjuang bukan untuk keluarganya sahaja tetapi untuk memastikan keadilan itu ditegakkan bagi negara dan bumi yang bertuah. Jadi saya nampak Yang Berhormat Sungai Panjang tepuk, jadi saya ucapkan terima kasih. Maknanya dia bersetuju. Dia tepuk sungguh saya nampak. Saya bukan buat fitnah. Ini menunjukkan satu permulaan yang baik. Dia kalau orang muda macam Dengkil, Sungai Panjang ini dia faham. Ini kalau orang lama macam Sungai Burong ini tidak faham-faham. Nak berpegang pada dulu, kini dan selama-lamanya. Tidak boleh. Berubahlah Sungai Burong. Bawa perubahan, ikutlah macam Sungai Panjang dan Dengkil yang berjiwa terbuka. Saya puji Dengkil jangan bangunlah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Nak ucapkan terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi saya tutup Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri yang telah menyertai perbahasan ini. Mudah-mudahan Allah terus membantu kita, *istiqamah* dalam perjuangan, jangan tunduk kepada kezaliman, perjuangkan keadilan dan kebenaran. Ayuh kita ke Permatang Pauh dan Rompin tegakkan keadilan *insya-Allah*, kita akan menang pilihan raya kecil. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul wang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini mengutuk pendakwaan bermotif politik terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi

Selangor yang merupakan satu tindakan yang tidak berasaskan prinsip demokrasi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN:Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, usul untuk menengguhkan Dewan.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan Dato' Menteri Besar membawa usul untuk menengguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menengguhkan persidangan ini, saya ingin mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketu jabatan, pegawai-pegawai kerajaan atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Ketiga kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan baik dan lancar. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembedulan agar Penyata Rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Saya juga ingin menegaskan seperti dalam ucapan penggulungan perbahasan bahawa saya amat tertarik dengan kualiti perbahasan ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah pihak kerajaan mahupun pihak Barisan Nasional yang saya percaya dan yakin perbahasan dan perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah bertujuan untuk bersama-sama kita membangunkan Negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang dapat menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat untuk semua. Saya juga berharap agar perbahasan dan juga perbincangan yang telah berjalan selama dua minggu ini dapat menjadi asas dan contoh kepada negeri-negeri yang lain melihat bagaimana kita memberikan satu layanan yang baik kepada pihak pembangkang dalam menyuburkan demokrasi dalam negara kita.

Cuma harapan saya kepada 12 Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dalam sesi yang akan datang, tetapkanlah seorang Ketua Pembangkang. Jangan tangguhkan lagi keputusan ini kerana di mata umum tidak baik kalau Ketua Pembangkang pun tidak dapat diputuskan, bagaimana nak teruskan pentadbiran di Putrajaya. Jadi kalau tiada keputusan, saya ingat elok serahkanlah Putrajaya itu kepada kami untuk kami uruskan yang terbaik untuk rakyat di Malaysia. *Insyaa-Allah* kita akan bertemu Sungai Burong di Permatang Pauh dan juga di Rompin, kita jadikan medan ini satu kempen yang baik, jangan fitnah, Permatang. Jangan bawa budaya yang tidak baik, Sungai Burong. Tengok cara Kuang sekarang, senyap dan

sunyi. Ikut cara Kuang. Dia diam sampai soalan pun dia fotostat sahaja. Jadi saya harap semangat ini dapat diteruskan dan kita mahu Dewan yang mulia ini menjadi Dewan yang benar-benar dapat menggubal undang-undang dan juga dasar yang baik untuk rakyat Negeri Selangor. Akhirnya saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua dan dengan ini saya menangguhkan persidangan ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

TUAN SPEAKER: Penyokong usul?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah rajin menghadiri sidang Dewan kali ini yang telah berjalan selama 9 hari dan saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan dan Penolong Setiausaha Dewan, ketua-ketua jabatan serta semua urus setia yang telah komited menjalankan tugas untuk memastikan sidang Dewan Negeri Selangor berjalan dengan lancar. Syabas juga kepada semua Ahli Dewan Negeri kerana mampu berbahas secara matang dan sopan. Kali ini kami telah membentangkan 2 usul dari Barisan Nasional. Satu telah dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor merupakan reformasi yang bagus dalam Dewan Negeri Selangor dan saya harap kita boleh terus menjadi contoh kepada Dewan Negeri yang lain. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga kesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 6.50 petang)